

"NEGARA kita adalah negara undang-undang dan untuk membuktikan bahawa kita tidak berolok-olok, maka hendaknya pihak-pihak yang berkenaan mestilah lebih berani dan tegas sehingga semua orang tahu bahawa Negara Brunei Darussalam bukanlah laluan yang mudah bagi penjenayah." - Titah Sempena Majlis Sambutan Israk Mikraj Peringkat Negara Tahun 1424 Hijrah pada 27 Rejab 1424/ 24 September 2003.

Pelita BRUNEI

قليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"DAN peliharalah diri kamu dari fitnah (yang akan mendatangkan bencana seksaan) yang tidak khusus menimpa orang-orang zalim di kalangan kamu. Dan ketahuilah bahawa Allah amat keras seksa-Nya." - Surah Al-Anfaal ayat 25.

TAHUN 51 BILANGAN 6

RABU 8 FEBRUARI 2006/1427 رابو 9 محرم

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Kebawah DYMM berangkat ke Kubah Makam Diraja sempena Majlis Haul

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Haul 20 Tahun Lindungannya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan juga diselenggarakan bagi Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang berlangsung di Kubah Makam Diraja di sini.

Keberangkatan baginda di perkarangan Makam Kubah Diraja dijunjung oleh Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Pa-

duka Awang Haji Abdul Rahman.

Berangkat sama ke Majlis Bertahlil ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis Bertahlil dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz yang juga membaca doa tahlil.

Baginda kemudian berkenan menjurus ayeng

asah-asahan ke makam ayahanda dan bonda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, diikuti oleh anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien meninggal pada 7 September 1986. Al-Marhum adalah Sultan Brunei Ke-28 dan dikenali sebagai Arkitek Brunei Modern. Sementara Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit meninggal pada 13 September 1979.

Juga berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Pedalaman dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjurus ayeng asah-asahan ke makam ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28. - Foto: Ramli Tengah.

Kebawah DYMM berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Tahun Baru Cina 2006

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahah.ismail@information.gov.bn

DAN ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baru Cina 2006 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Goh King Chin dan Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Kormia Diraja Lau Ah Kok serta Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain.

Berangkat sama ke majlis

itu ialah DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DTYM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan DTYM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Juga berangkat dan hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat dan para pegawai kanan kerajaan.

Masyarakat Tionghoa di negara ini meraikan sambutan tahun baru pada 29 Januari lepas dengan mengadakan

rumah terbuka.

Atur cara sambutan bermula dengan bacaan ikrar yang disampaikan oleh wakil-wakil masyarakat Tionghoa di negara ini diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Goh King Chin.

Sejurus selepas itu para penuntut Sekolah Menengah Chung Hua mempersembahkan beberapa tarian bercorak tradisi masyarakat Tionghoa dan persembahan tarian singa.

Baginda kemudian berangkat menyaksikan pameran yang memperlihatkan pelbagai perusahan yang diusahakan oleh sektor swasta dari keempat-empat daerah.

Garap, tangani bersama sistem tulisan dan ejaan Rumi

OLEH BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR

bolhassan.bakar@information.gov.bn

TUNGKU, Rabu, 25 Januari. - Pemikir, pengkaji dan pengumpul kaedah atau sistem tulisan dan ejaan Rumi perlu berhati-hati dan ia hendaklah digarap serta ditangani bukan hanya oleh pakar linguistik tetapi juga dikongsi sama oleh pakar-pakar hukum agama.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz berkata, tulisan jawi bukan sahaja perlu dipertahankan kerana nilai warisan dan 'landmark' nasional tetapi juga suatu fardu yang wajib dalam agama, kerana tanpa jawi kita pasti terbasas.

Menurut Yang Berhormat, perkataan-perkataan Melayu banyak yang berasal daripada bahasa Arab yang mana menuliskannya dengan Rumi akan menampakkan perbezaan yang

ketara dan menyimpang jauh daripada bunyi sebenar.

Justeru itu penerbit-penerbit, penulis-penulis dan badan-badan bahasa masih sahaja dengan panduan transliterasi yang belum

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DTYM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan DTYM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah semasa berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Perayaan Tahun Baru Cina 2006 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Halim Haji Sulaiman (kanan).

seragam sepenuhnya, manakala pengkaji transliterasi sendiri juga sering tidak seialiran dalam membuat garis panduan.

Lihat muka 2



MEMPERTINGKATKAN DATA SARUNG BANGSA
KE-22
23 FEBRUARI
2006
SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI
KEBANGSAAN
KE-22
14 HARI LAGI

50
50
1954-2004
PELITA BRUNEI SEMBUTAN ULANG TAHUN KE 50

ANTARA
YANG
MENARIK

Hasrat Negara: Hayati, pertahankan amalan beragama menurut landasan yang sihat

- Muka 2

Haluan: Beri kerjasama, bantuan kepada pihak keselamatan agensi penguatkuasaan undang-undang

- Muka 10

TAHUKAH AWDA

'PELITA BRUNEI' satu-satunya akhbar rasmi kerajaan telah diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei pada 15 Februari 1956 dalam bentuk siklostil (cyclostyl) setebal 19 halaman. Edisi pertama akhbar itu dicetak sebanyak 300 naskah dan diedarkan secara percuma. Penerbitan akhbar ini bertujuan bagi memberikan maklumat kepada orang ramai mengenai pembangunan negara dan bertanggungjawab memberikan kefahaman yang betul mengenai rancangan kerajaan. Dalam tahun 1959 akhbar ini dicetak seminggu sekali dengan menggunakan mesin cetak Linotype yang dikendalikan oleh Brunei Press Ltd. Kuala Belait sehingga tahun 1964. Pada bulan Januari 1976, percetakan akhbar ini diambil alih oleh Jabatan Percetakan Kerajaan hingga ke hari ini dengan menggunakan mesin pencetak 'Offset' dan dalam tahun 1983 mutu percetakan terus ditingkatkan dengan menggunakan mesin 'Web Offset'. - Sumber : Melalui buku 'Ristana' Sempena Jubli Emas Jabatan Penerangan.



8 FEBRUARI 2006 BERSAMAAN 1427 9 محرم

IBBD DITUBUHKAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan sebuah bank Islam yang baru dinamakan Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (IBBD) mulai 31 Januari 2006.

Penubuhan bank berkenaan yang telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan adalah hasil proses penggabungan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dan Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB). Pelaksanaan penubuhannya adalah mengikut proses undang-undang dan mendapat kelulusan daripada Mahkamah Tinggi.

Mulai tarikh berkenaan, IBB dan IDBB akan mengambil semua pengurusan, operasi dan integrasi IBB dan IDBB. Bank baru berkenaan juga akan mengambil alih semua tenaga kerja yang sedia ada, aset dan tanggungan kedua-dua bank tersebut serta anak-anak syarikatnya.

Langkah untuk penggabungan kedua-dua bank berkenaan telah dititahkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebebasan Sempena Hari Keputeraan baginda ke-59 tahun pada 15 Julai 2005.

Dalam memperkenankan cadangan penggabungan IBB dan IDBB, baginda antara lain beritahu, "Ini adalah langkah selaras dengan trend global masa kini, di mana beberapa buah bank dapat bergabung untuk mengukuhkan kepercayaan dan daya saing, bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat antarabangsa."

Walaupun bagaimanapun bagi memastikan kesinambungan dan kelancaran operasi dan urusan bank-bank berkenaan, operasi penyerapannya akan diwujudkan secara berperingkat-peringkat. Tegasnya ia akan diserapkan secara perlahan-lahan agar dengan itu tidak akan menjejaskan perkhidmatan kepada para pelanggannya. Ini penting bagi melicinkan lagi operasi hariannya, di samping itu tidak menimbulkan sebarang masalah kepada pelanggannya.

Yang jelas, kelahiran IBB dan IDBB dapat memberikan sumbangan yang lebih besar dan bermakna bagi mengukuhkan lagi ekonomi negara khususnya sektor kewangan dan perbankan Islam di negara ini melalui perkhidmatan yang lebih baik dan kompetitif. Selain itu, bank Islam yang baru itu akan menceburi perkhidmatan perbankan yang baru seperti 'investment banking', 'fund management', 'corporate advisory' dan 'investment advisory'.

Penubuhannya juga akan membantu memudahkan bank itu untuk meneroka peluang-peluang bagi memperkembangkan operasinya di peringkat antarabangsa. Ini bermakna ia bukan sahaja beroperasi dengan pelanggan-pelanggan tempatan semata-mata tetapi lebih jauh dari itu untuk lebih terlibat dengan urusan niaga kewangan dan pelaburan serantau dan antarabangsa.

Bagi memastikan kelancaran, kerajaan melalui Kementerian Kewangan akan sentiasa memberikan galakan dan dorongan melalui pemantauan dan pengawalseliaan yang berterusan semata-mata bagi memperkukuhkan lagi sektor berkenaan berkembang maju selaras dengan kemajuan perbankan antarabangsa.

Kita amatlah berbangga langkah bijaksana kerajaan untuk menubuhkan bank Islam yang telah ditubuhkan sejak tahun 1993 menerusi penubuhan IBB, diikuti penubuhan IDBB pada tahun 2000. Kebanggaan itu berdasarkan bahawa negara kita merupakan salah sebuah negara Islam yang telah dapat melaksanakan institusi kewangan Islam. Sehingga kini lebih 200 buah institusi kewangan Islam telah beroperasi di 60 buah negara Islam dan bukan Islam di seluruh dunia.

Fakta ini cukup membuktikan bahawa institusi kewangan Islam telah berkembang maju dan mendapat tempat di kalangan masyarakat antarabangsa. Kewujudannya tidaklah terpinggir tetapi sebaliknya telah terlibat dengan urusan niaga kewangan yang bersifat antarabangsa.

Penubuhan IBB dan IDBB yang merupakan 100 peratus milik kerajaan merupakan satu lagi 'landmark' kepada Negara Brunei Darussalam. Sebagai rakyat negara ini kita cukup berbangga dengan penubuhannya sekali gus telah menaikkan imej negara di peta dunia antarabangsa khususnya di kalangan dunia Islam. Penubuhannya dilihat akan terus memperkembangkan lagi sektor berkenaan selaras dengan kemajuan sektor perbankan antarabangsa agar negara dan orang ramai akan sama-sama memperoleh manfaat sepenuhnya daripada perkembangan sektor perbankan di negara ini. Tidak syak lagi bank Islam ini akan menjadi alat dakwah yang amat berkesan, insya-Allah.

HASRAT NEGARA



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1427 pada Hari Isnin (malam Selasa) 1 Muharam 1427 Hijrah/30 Januari 2006.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana mengizinkan kita dapat melangkah ke tahun baru 1427 Hijrah.

Tahun ini akan kita jadikan tahun 'kerja keras', sebagaimana di masa yang sudah-sudah. Kerja-karya itu pula didasarkan kepada dua tuntutan besar, iaitu: Untuk kebaikan di dunia dan keselamatan di akhirat.

Kita akan bekerja dengan hidayah sambil menjauhi kemurkaan Allah. Dengan cara ini kita dapat menghasilkan program-program kemajuan seperti yang dihasratkan.

Kita juga tahu bahawa kita adalah berada di tengah-tengah suasana dunia yang sering berubah. Isu-

isu serantau dan global juga terus menghambat pada setiap masa. Ini, tentu sahaja memerlukan kita bersikap lebih bijak dan berhati-hati.

Kita juga tidak boleh menyisihkan diri, baik secara aktif atau perlahan. Kita perlu menyertai usaha-usaha serantau dan global untuk menangani pelbagai isu, seperti isu alam sekitar, membanteras jenayah dan kawalan wabak penyakit.

Penyertaan kita ini, tidak sahaja kerana menunaikan tanggungjawab selaku anggota masyarakat

hilangkan makna asal ayat sekali gus.

Yang Berhormat menambah, "Berdasarkan ini, kita wajiblah atau menjadi fardu mempertahankan dan mengelakkan tulisan jawi itu dan menjadi fardu juga kepada orang-orang Islam mempelajari Al-Quran."

Sebanyak 12 buah kertas kerja termasuk satu kertas kerja perdana dibentangkan dalam seminar dua hari bertampan, 'Ke Arah Survival dan Kesempurnaan Tulisan Jawi' yang berlangsung di Dewan Canselor UBD, di sini.

Seminar yang disempe-

PERLU DIHAYATI, DIPERTAHANKAN AMALAN BERAGAMA MENURUT LANDASAN YANG SIHAT

antarabangsa, tetapi juga didorong oleh rasa keagamaan yang suci.

Agama Islam, agama pegangan kita turun-temurun adalah merupakan agama rahmat untuk seluruh alam, yang menganjurkan supaya saling menghormati di antara manusia, bukannya permusuhan atau penyisihan diri.

Kita perlu menterjemahkan rahmat ini ke dalam dasar-dasar kerjasama serantau dan antarabangsa, seperti jika kita melaksanakan program-program keagamaan dalam negeri, ianya adalah bertujuan menyebarkan rahmat itu kepada semua iaitu rahmat berupa kebahagiaan dunia dan akhirat.

Salah satu di antara beberapa program terpenting ialah program persekolahan dan pendidikan agama pada keseluruhannya.

Kerajaan beta telah memperkenalkan sistem persekolahan agama semenjak hampir setengah abad yang lalu. Menerusinya rakyat negara ini telah dapat mempelajari ilmu agama, khasnya ibadat dan Al-Quran. Beberapa tahun sesudah ia dimulakan, pelajaran dewasa agama pula dilaksanakan.

Semenjak daripada itu, persekolahan agama telah mencorakkan hidup kita selaku orang-orang Islam. Daripadanya terpancar sinar agama menyinari kehidupan ini.

Brunei adalah dikenali dengan sifatnya mengamalkan agama menurut landasan yang sihat. Ia tidak pernah mencetuskan sebarang kekecohan, ber-

kat fahaman yang kita pakai adalah menepati acuannya.

Beta rasa, pendekatan ini sudah serasi dengan Brunei. Oleh itu, hayati dan pertahankanlah ia.

Beta juga yakin, peranan persekolahan dan pendidikan agama bukan setakat untuk memperelok keadaan, malahan juga mesti meningkat kepada membangun atau membina tamadun dan kehidupan. Tanpa peranan seumpama ini, tamadun dan kehidupan boleh sahaja ibarat kapal tanpa muatan, tidak ada apa-apa yang boleh diambil manfaat daripadanya.

Kerana itu beta inginlah melihat peranan 'besar' itu dilaksanakan secara berkesan. Dan untuk ini, penyusunan semula atau pengemaskinian semua yang berkaitan dengan persekolahan dan pendidikan agama hendaklah dibuat, termasuk juga menyemak sukatan dan kurikulumnya.

Objektif kita ialah supaya rakyat mendapat pendidikan agama yang sempurna. Jangan siapa yang mengelak atau berkecuali. Kerana ia adalah 'jalan selamat' yang telah disediakan oleh negara. Maka kerana itu, tidak siapa pun yang patut menolaknya.

Setiap kanak-kanak Brunei Muslim adalah wajib diasuh menyempurnakan fardu ain mereka. Sekurang-kurangnya sembahyang mereka sempurna dan bacaan Al-Quran lancar. Kerana itu, kesesuaian sukatan dan kurikulum perlulah diteliti.

Rumusan semua objektif di dalam pendidikan ialah melahirkan rakyat

yang taat beragama, di mana mereka akan menjadi pelita ummah yang mempunyai fahaman dan pegangan yang betul.

Oleh itu beta turut berharap, yang mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam atau Islamic Religious Knowledge (IRK) dalam persekolahan umum, mestilah juga turut dikemaskan.

Kita perlu ingat, bahawa anak-anak kita adalah menghadapi masa depan yang tidak sama lagi dengan apa yang kita alami. Cabaran yang mereka akan hadapi setelah dewasa, menghendaki mereka itu berilmu dan berke-mahiran. Malah belum mencukupi setakat itu, mereka juga diperlukan beriman untuk membolehkankannya menjadi orang salih. Ciri-ciri salih ini tidak dapat diabaikan, memandangkan dunia hari ini lebih menjurus kepada kekejaman moral.

Sehubungan dengan itu, beta percaya, program pengembangan sumber tenaga manusia yang baru-baru ini diluluskan dengan dana sejumlah \$250 juta itu akan sama melihat aspek ini. Yakin manusia yang dirancang dan akan lahir daripada program tersebut ialah manusia Brunei yang berilmu, mahir dan beramal salih.

Akhirnya, beta dan keluarga beta tidak lupa mengucapkan Selamat Tahun Baru 1427 Hijrah, semoga kedatangannya akan membawa keberkatan dan kebahagiaan kepada kita dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

JUBLI EMAS PELITA BRUNEI 15 FEBRUARI

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Sambutan Jubli Emas Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI akan dilancarkan pada 15 Februari ini bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan bermula jam 2.00 petang.

Majlis akan dilancarkan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Antara atur cara majlis pelancaran sambutan termasuklah penyampaian hadiah-hadiah dan sijil-sijil kepada pemenang dan hakim-hakim Peraduan Mencipta Logo Sambutan Jubli Emas PELITA BRUNEI, tayangan klip video dan pameran mengenai akhbar PELITA BRUNEI.

Sempena sambutan Jubli Emas itu juga Majlis Tahlil dan Kesyukuran akan diadakan pada hari Selasa, 14 Februari bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, manakala Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien akan diadakan pada hari Sabtu, 18 Februari 2006 di Kubah Makam Diraja.

Antara acara-acara sampingan yang akan diadakan sepanjang tahun, termasuklah Malam Apresiasi, Jerayawa PELITA BRUNEI ke daerah-daerah, Peraduan Mewarna Lukisan, acara sukan dan sebagainya.

PELITA BRUNEI sejak mula diterbitkan pada hari Rabu, 15 Februari 1956 diedarkan secara percuma kepada orang ramai.

PENGIBARAN BENDERA

BERSEMPENA Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 bagi tahun 2006, rakyat dan penduduk negara ini adalah dikehendaki mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan mulai hari Ahad, 6 Muharam 1427/5 Februari 2006 hingga 27 Muharam 1427/26 Februari 2006.

Bagi Pengiran-pengiran Ceteria hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka, orang-orang yang dikurniakan gelaran mengibarkan bendera masing-masing dan bendera Negara Brunei Darussalam bagi orang ramai.

ANALISIS

KITA adalah berada di tengah-tengah suasana dunia yang berubah. Isu-isu serantau dan global juga terus menghantui pada setiap masa."

Demikian antara titah Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Hijrah 1427 yang lalu.

Sesungguhnya titah baginda itu memberikan kita 'signal' yang jelas bahawa kita kini berhadapan dengan landskap dunia yang berubah-ubah. Senario dunia ketika ini seperti yang baginda gambarkan sangat-sangat menghambat pola kehidupan kita. Jika kita alpa dan hilang fokus akan mudah hanyut ditelan globalisasi.

Dalam menangani hambatan-hambatan sedemikian kita akan mengambil langkah dengan bersikap lebih bijak dan berhati-hati.

Walau bagaimanapun, berhubung perkara itu, kita tidak boleh menyisihkan diri atau memulaukan dunia global ataupun kita hidup acuh tak acuh dengan perkembangan dunia sejagat.

"Kita perlu menyertai usaha-usaha serantau dan global untuk menangani pelbagai isu seperti isu alam sekitar, membanteras jenayah dan kawalan wabak penyakit," titah baginda lagi.

BEKERJASAMA

Dan Alhamdulillah, sebagai misal dalam menangani wabak Selesema Burung yang kini membimbangkan dunia, negara kita

KITA TIDAK BOLEH MENYISIHKAN DIRI

OLEH JAAFAR IBRAHIM jaafar.ibrahim@information.gov.bn

bekerjasama dan berusaha gigih untuk menanganinya.

Negara Brunei Darussalam juga merupakan antara 56 buah negara yang menyediakan pelan tindakan berhubung isu selesema burung yang kini sudah mengorbankan banyak nyawa dan pandemik itu telah merebak di seluruh dunia.

Ini menggambarkan, penyertaan kita tidak saja menunaikan tanggungjawab selaku anggota masyarakat antarabangsa tetapi juga didorong oleh rasa keagamaan yang suci.

Islam yang ternyata memberi rahmat untuk seluruh alam menganjurkan supaya saling menghormati di antara manusia dan bukannya penyisihan diri.

Rahmat inilah yang akan kita terjemahkan dalam dasar-dasar kerja-

sama serantau dan antarabangsa.

PERANAN

Negara Brunei Darussalam akan meneruskan peranannya selaku warganegara yang berhemah tinggi dan mempunyai pendirian yang kuat untuk terus memegang prinsip-prinsip memelihara kepentingan negara di arena antarabangsa.

Begitu juga negara terus mengorak langkah dan berusaha untuk mengeratkan lagi persefahaman dan hubungan dua hala yang sedia dengan rakan-rakan, sama ada di dalam mahupun luar rantau ini.

Dasar utama Negara Brunei Darussalam ialah 'bersama-sama membina dunia yang adil lagi sejahtera'.

TANGGUNGJAWAB

Dasar yang kita uarkan

globalisasi itu.

Ini bermakna kita akan sentiasa bersedia, memberikan komitmen yang tinggi terhadap usaha-usaha antarabangsa, baik menghadapi isu-isu serantau dan global mahupun isu-isu yang bersangkutan dengan kedamaian dunia sejagat.

Yang jelas penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam apa jua pertubuhan-pertubuhan antarabangsa adalah perlu sebagai kayu pengukur bahawa negara kita juga tidaklah tercicir atau ketinggalan demi mengikuti perkembangan-perkembangan semasa dunia baik di segi politik, ekonomi dan keselamatan.

TERLIBAT

Semenjak kita mencapai kemerdekaan dua dekad yang lalu, kita turut terlibat memikul tanggungjawab selaku warga masyarakat antara-

bangsa.

Pendek kata, Negara Brunei Darussalam telah sama-sama menghadapi dan menangani ujian-ujian semasa seperti krisis ekonomi, keselamatan dan kesihatan juga bencana alam yang melanda dunia global.

Walau apa sekalipun, kita sentiasa terbuka untuk menilai dan mendengar pandangan-pandangan daripada negara-negara lain. Proses berdialog, berbincang dan bekerjasama tetap menjadi asas kepada dasar hubungan kita dengan negara-negara lain.

Dalam apa keadaan pun, kita akan menyisihkan diri malahan akan sentiasa bergerak aktif, komited dan terus menyertai apa jua usaha-usaha serantau dan global dalam menangani pelbagai isu sejagat.

YB Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dipilih penerima Anugerah Tokoh Hijrah 1427

OLEH ABDULLAH ASGAR abdullah.asgar@information.gov.bn
DAN SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

GADONG, Isnin, 30 Januari. - Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Hijrah bagi sambutan Awal Tahun Hijrah 1427.

Yang Berhormat menerima wang tunai \$20,000.00 berserta Sijil Penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan percuma Wad Kelas Satu di mana-mana hospital kerajaan di negara ini.

Yang Berhormat, bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, memperoleh Sarjana Sastera dan Ijazah MA Usuluddin - Bahagian Da'wah Walirsyad pada tahun 1966 dan pada awal perkhidmatannya dua tahun sebelum pernah menjadi Guru Ugama Terlatih Sementara.

Pernah memegang jawatan Penguasa Pelajaran Ugama yang antara lain tugasnya mengemaskinikan sistem pembelajaran agama bagi sekolah-sekolah agama, Arab untuk menepati kurikulum yang bersesuaian dengan kehendak umat Islam di negara ini.

Yang Berhormat juga pernah menerbitkan buku-buku pembacaan Al-Quran sebanyak lima buah, telah menerbitkan buku dan makalah sebanyak empat buah dan dalam penulisan sastera telah pernah menerima anugerah dari dalam dan luar negara antaranya Anugerah Penulis Asia Tenggara, Bangkok Thailand 1987 dan Anugerah Sastera MASERA 2005, Kuala Lumpur

Malaysia.

Sepanjang berkhidmat dengan kerajaan telah dianugerahkan gelaran 'Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib', Bintang Darjah Kebesaran Tertinggi Ugama Islam iaitu Darjah Seri Ugama Islam Yang Amat Bersinar (P.S.S.U.B) Darjah Pertama pada tahun 1984 dan Pingat Kehormatan iaitu Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I) tahun 2001.

Sementara Dato Paduka Awang Haji Abdullah di kurniakan Anugerah Bakti Hijrah 1427 dengan menerima wang tunai \$10,000.00 berserta Sijil Penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan perubatan percuma Wad Kelas Satu di mana-mana rumah sakit kerajaan di negara ini.

Dato Paduka Awang Haji Abdullah pada tahun 1954 antara salah seorang kakitangan pertama di Pejabat Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan.

Antara sumbangan besar beliau ialah usahanya dalam menguruskan jemaah-jemaah haji negara ini yang menggunakan kapal laut yang ketika itu menghadapi banyak kesukaran dan rintangan, namun atas usahanya jemaah haji dapat menunaikan fardu haji dan balik ke negara ini dengan selamat.

Pada tahun darurat 1962 beliau, bersama beberapa orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyempurnakan jenazah-jenazah yang terkorban walaupun kadangkala mengancam keselamatan diri.

Setahun kemudian dan pada tahun 1965 pernah mewakili negara ini di Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kuala Lumpur, Malaysia dan pernah mengendalikan urusan pentadbiran dan kewangan bersama Pengetua Hal Ehwal Ugama dan kemudiannya Menteri Hal Ehwal Ugama.

Di samping itu, beliau juga pernah melibatkan diri secara aktif dalam berkhidmat dalam beramal jariah terutamanya dalam mendapatkan guru-guru agama bagi membimbing membaca Al-Quran baik bagi keluarga dan penduduk yang berdekatan rumahnya.

Orang Kaya Seri Wijaya juga seorang yang suka beramal jariah terutamanya dalam mendapatkan guru-guru agama bagi membimbing membaca Al-Quran baik bagi keluarga dan penduduk yang berdekatan rumahnya.

Antara anugerah yang pernah diterimanya ialah Tokoh Masyarakat Madani dari Jabatan Daerah Tutong dan Tokoh Guru Khas sempena Hari Guru Tahun 2003.

Selain itu beliau juga telah disampiri gelaran 'Orang Kaya Seri Wijaya' pada tahun 1996 dan dikurniakan Bintang Kebesaran, Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) pada Julai 1982 dan Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (PHBS) Musim Kedua tahun 1968.

Manakala Orang Kaya Seri Wijaya Haji Abdullah menerima Anugerah Bakti Hijrah 1427 juga menerima wang tunai \$10,000.00 berserta Sijil Penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan perubatan percuma Wad Kelas Satu di mana-mana rumah sakit kerajaan di negara ini.

LANAM WEB HARI KEBANGSAAN

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa acara-acara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22 kini dipaparkan melalui Laman Web www.nationalday.org.bn yang mengandungi kalender acara-acara di keempat-empat daerah. Walau bagaimanapun senarai acara-acara itu adalah tertakluk kepada perubahan.

Kenal pasti mekanisme efektif bagi kutipan hasil yang tertunggak

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) perlu mengkaji kutipan hasil yang tertunggak dengan mengambil tindakan sewajarnya kepada mereka yang gagal membayar, di samping mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang terlibat setelah mendapat nasihat dan pandangan daripada Pejabat Peguam Negara.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan menekankan perkara itu semasa di Mesyuarat Dengan Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap dan Ketua-ketua Jabatan serta Pegawai-pegawai Kanan KHEDN di bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputera, di sini.

Yang Berhormat, menyarankan agar setiap jabatan di bawah kementerian perlu berusaha mengenal pasti mekanisme yang efektif dalam memastikan apa jua bayaran yang dikenakan ke atas perkhidmatan atau kemudahan yang diberikan akan dapat dijelaskan pembayarannya.

"Jika tiada sebarang tindakan diambil, hasil atau bayaran yang tertunggak itu akan bertambah dan meningkat sehingga berpuh-puluh ribu malah mungkin mencecah beratus-ratus ribu ringgit yang mana perkara itu akan menyulitkan lagi keadaan dan sukar untuk ditagih," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menasihatkan agar jabatan-jabatan di bawah kementerian berkenaan perlu mengambil inisiatif dalam bersama-sama berusaha menambah kutipan hasil kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang difikirkan bersesuaian dan relevan

tanpa bergantung sepenuhnya kepada pendapatan hasil minyak dan gas.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga menekankan agar jabatan akan bersikap berjiwa cermat dengan tidak membazir dalam menggunakan peruntukan kerajaan baginda seperti penggunaan tenaga elektrik, pembelian barang-barang keperluan, alat perkakas yang terlampau berlebihan sehingga tidak dapat digunakan.

Terdahulu, Yang Berhormat menyeru setiap jabatan dalam pada tahun ini akan melaksanakan 'kempen langis' bagi menyelesaikan semua permohonan-permohonan yang 'outstanding'.

"Jabatan-jabatan tidak akan dapat bergerak dan memperbaiki segala kelemahan-kelemahan kerana masa dan tenaga hanya tertumpu kepada 'routine job' dalam memproses permohonan-permohonan yang masih 'outstanding,'" jelas Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, jumlah permohonan akan semakin meningkat ditambah dengan penerimaan permohonan baru dan ditambah dengan memproses permohonan baru, kerja tidak akan dapat diselesaikan pada sekian lama.

Sehubungan dengan itu, pegawai-pegawai eksekutif sama ada Setiausaha, Timbalan Setiausaha, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan yang berkenaan perlu meningkatkan usaha untuk mengatasi dan menyelesaikan perkara-perkara 'outstanding' di samping menghidupkan aduan orang ramai yang berterusan.

Menyentuh mengenai pembangunan keupayaan, Yang Berhormat menyarankan agar setiap jabatan perlu secara berterusan mempertingkatkan dengan menyasarkan kepada pegawai dan kakitangan supaya dapat

mewujudkan sumber tenaga manusia yang berkemahiran dalam jurusan yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing bagi membantu menjaga perkhidmatan yang lebih produktif, efisien, dinamik dan berdaya saing.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri seterusnya menambah setiap jabatan hendaklah mengenal pasti jenis latihan atau kursus yang diperlukan termasuk menggalakkan pegawai untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran selaras dengan dasar kerajaan bagi penubuhan dana khusus yang akan melaksanakan pelbagai program penguatkuasaan pembangunan sumber tenaga manusia di negara ini seperti yang telah diperuntukkan sebanyak \$250 juta hasil perbincangan pada Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet baru-baru ini.

"Sokongan, kerjasama yang erat dalam satu pasukan di kalangan Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, peneraju-peneraju jabatan selaku ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan KHEDN dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta dukungan semua lapisan pegawai-pegawai dan kakitangan perlu akan terus dilitupgandakan," ujar Yang Berhormat.


Yang Berhormat menambah kecermerlangan atau kemunduran kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya terletak kepada nadi penggerak utama oleh Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, timbalan dan penolong ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan di peringkat kementerian dan jabatan di bawahnya yang memantau serta melaksanakan jentera pengurusan dan pentadbiran untuk mencapai objektif selain rancangan strategik di peringkat kementerian dan jabatan masing-masing.

KEBERANGKATAN KE MAJLIS HAUL LINDUNGNYA AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN BRUNEI KE-28



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam ayahanda baginda (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam nenenda DTYM, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam bonda DTYM, Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam ayahanda DTYM (kanan).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik' berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam nenenda YTM (kiri).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen' berkenan menjirus ayeng asah-asahan ke makam nenenda YTM (kanan).



FOTO : RAMLI TENGAH DAN ABDULLAH HAJI AWANG DAMIT



MAJLIS Bertahliil dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.



DOA DIPOHONKAN ... Baginda bersama anakanda-anakanda baginda menadah tangan ketika mengaminkan doa tahliil yang dibacakan oleh Mufti Kerajaan.

MAJLIS HAUL 20 TAHUN LINDUNGNYA AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN BRUNEI KE-28



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika membacakan doa selamat.

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL aliddin.moktal@information.gov.bn

FOTO : HAJI ARIFFIN MOHD. NOOR, HAJI MASMALEH HAJI MOHD. ALI, PG. RAFAEE PG. DATO PADUKA HAJI METASSIM DAN MASRI OSMAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Februari.-Majlis Haul 20 Tahun Lindungnyanya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang Ke-28 berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Majlis dilangsungkan di hadapan majlis Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Majlis dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang di pimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Sementara doa selamat pula dibacakan oleh Mufti

Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Di ruang lain Istana Nurul Iman, para tetamu juga menyertai majlis bertahlil dan lebih dari 6,000 orang membanjiri ruang istana hadir bagi majlis tersebut yang juga termasuk para pegawai dan kakitangan kerajaan.

Hadir di majlis ini ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-pehin Menteri dan Menteri-menteri Pendalaman serta para pegawai kanan kerajaan.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien lindung pada 7 September 1986 bersamaan dengan 3 Muharram 1407 Hijrah. Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ialah Sultan Brunei yang Ke-28 dan juga dikenali sebagai Arkitek Brunei Modern.

Sementara Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, lindung pada 13 September 1979.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah seorang raja yang dikasihi oleh seluruh rakyat di negara ini dan antara kebijaksanaan dan manfaat yang baginda curahkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini dengan mengurniakan pemberian elauun pencen tua bagi mereka yang sudah mencapai umur 60 tahun dan pengasas pertama sekolah agama di negara ini.

Semasa hayatnya, Al-Marhum telah khatam ayat suci Al-Quran lebih 40 kali dan pernah membaca khutbah Hari Raya di Masjid Omar Ali Saifuddien.

YANG Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria semasa berangkat di Majlis Haul 20 Tahun Lindungnyanya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 dan juga diselajarkan dengan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (atas).

PARA Timbalan Menteri menadah tangan semasa doa di bacakan di Majlis Haul 20 Tahun Lindungnyanya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 dan juga diselajarkan dengan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (atas kanan).

PARA pegawai dan kakitangan kerajaan yang turut hadir di Majlis Haul 20 Tahun Lindungnyanya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 dan juga diselajarkan dengan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit (kanan).



PARA pensyarah dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah ketika hadir sama-sama menyemarakkan lagi Majlis Haul 20 Tahun Lindungnyanya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang Ke-28 dan juga diselajarkan dengan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

PENUNTUT-PENUNTUT sekolah juga hadir di Majlis Haul 20 Tahun Lindungnyanya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 dan juga diselajarkan dengan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Setem Omnibus bersama ASEAN tahun depan

ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 17 Januari. - Negara-negara anggota ASEAN dijangka akan mengeluarkan Setem Omnibus ASEAN bersama, tahun depan sempena memperingati penubuhan ASEAN.

Sebagai persiapan bagi merealisasikan harapan tersebut, mesyuarat kumpulan kerja selama dua hari telah diadakan di Kementerian Perhubungan hari ini yang dihadiri oleh wakil-wakil pejabat pos dari negara-negara ASEAN bagi membincangkan lebih lanjut mengenai pengeluaran setem

berkenaan.

Perkara yang dibincangkan di pertemuan itu termasuk tema pengeluaran, reka bentuk, harga setem, di samping jumlah dan tarikh pengeluaran promosi dan kelamaan pengeluarannya.

Negara Brunei Darussalam telah dilantik menjadi tuan rumah kepada mesyuarat ini setelah mendapat kepercayaan dari anggota-anggota ASEAN yang lain semasa Mesyuarat Perniagaan Pos ASEAN Ke-12 di Kuala Lumpur 2005 setelah menjadi ahli yang komited

kepada perkembangan industri pos di rantau ini.

Antara tujuan pengeluaran setem omnibus bersama itu ialah bagi memberikan keunikan dan kelainan kepada setem-setem tersebut terutama memberi kepuasan kepada pengumpul setem, di samping melebarkan lagi pasaran bahan-bahan setem berkenaan di rantau ASEAN dan dunia amnya.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Pemangku Ketua Pos Agung, Awang Haji Abdul Kadir dan dijangka akan berakhir dengan pengesahan minit mesyuarat.



MESYUARAT kumpulan kerja bagi membincangkan pengeluaran setem berkenaan. - Foto: Ramli Tengah.

Beri perhatian khusus pengendalian bahan berbahaya

OLEH ABDULLAH ASGAR abdullah.asgar@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 18 Januari. - Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusoff menyeru semua pihak yang terlibat dalam pengendalian bahan berbahaya supaya memberikan perhatian khusus demi menjaga kepentingan alam sekitar, keselamatan, kesihatan dan keselamatan awam.

Dato Paduka menekankan perkara itu ketika berucap merasmikan Bengkel Latihan GTZ/APA/ASEAN Bagi Pengendalian Barangan Berbahaya Di Sebahagian Pelabuhan ASEAN berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Menurut beliau, bengkel tersebut akan dapat membantu pihak berkuasa berkenaan di negara ini dalam melaksanakan Protokol Sembilan Mengenai Bahan-bahan Berbahaya di bawah pelaksanaan Protokol Rangka Kerja ASEAN Mengenai Penyelidikan Barangan yang ditandatangani pada 22 September 2002.

Protokol Sembilan menyediakan kemudahan dan prosedur serta keperluan bagi pemunggalan transit bahan-bahan berbahaya di ASEAN menggunakan garis panduan antarabangsa.

Dalam melaksanakan Protokol Sembilan yang telah dilaksanakan di

bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Pengendalian Pengangkutan Barangan Dalam Pengangkutan yang ditandatangani pada 22 September 2002 mestilah menggunakan garis panduan dan piawai penerimaan antarabangsa.

Salah satu inisiatif yang dijalankan sekarang oleh Jawatankuasa Penyelaras Pengangkutan Transit Kebangsaan (NTTCC) melalui Jawatankuasa Barangan Dalam Transit ialah akan mengeluarkan buku panduan bagi barangan dalam transit yang akan mengandungi semua perkara berkaitan prosedur, dokumen dan contoh-contoh borang.

Buku tersebut boleh digunakan sebagai dokumen rujukan bagi syarikat-syarikat perniagaan yang mengendalikan pengangkutan barangan dalam transit, jelasnya.

Beliau berkata, NTTCC ditubuhkan di Kementerian Perhubungan dianggotai beberapa jabatan kerajaan dan wakil-wakil pihak swasta yang tugas utamanya bagi memastikan keberkesanan dan efisiensi dalam penyelarasan pelaksanaan perjanjian yang dimeterai itu.

Melalui bengkel tersebut, tambahnya, para peserta akan dapat mening-

katkan lagi pengetahuan dan membiasakan diri mereka dengan pelbagai aplikasi peraturan antarabangsa yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pelabuhan menurut amalan terkini untuk memaju dan meningkatkan keselamatan pengangkutan di rantau ini bagi penyedia pembekal rangkaian dalam memenuhi keperluan pertumbuhan perdagangan maritim.

Bengkel lepas hari itu disertai oleh lebih 40 orang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusoff semasa merasmikan bengkel berkenaan. - Foto: Masri Osman.

MELIRIK MASA SILAM

Haji Ahmad Arshad menulis ...

APAKAH AGENDA YANG ADA DISANA

DALAM MEMPERTEGUHKAN BUDAYA BANGSA

atas itu boleh sahaja berlaku di mana-mana dan tidak mestinya berlaku di Mall, namun kemujarannya masih tidak dapat dielakkan kerana ia mungkin tidak dirikan berlaku di situ. Ertinya, secara positifnya kita tidak menolak kemungkinan-kemungkinan pada sudut faedah dan keuntungannya biarpun pada tahap yang sama kita juga tidak melupakan pada sudut-sudut yang mungkin dilihat sebagai sesuatu yang merugikan.

Sebab antara pro dan kontranya itu memang ada. Antara yang selalu kita dengar dan antara 'argument' yang kita ikuti itu termasuklah bagaimana tempat itu dimanfaatkan oleh kalangan anak cucu kita dengan perkara-perkara yang tidak banyak untuk dapat diterima oleh kebanyakan diri kita terutama para warga emas dan tidak terkecuali juga para ibu bapa atau sanak saudara yang pandangan dan pendapat masing-masing tidak mesti bersamaan dalam semua hal.

Dalam hubungannya dengan istilah 'masyarakat Mall' ini, rasanya kita pernah mendengar dalam sebuah forum melalui media elektronik yang juga menyebut dan turut menimbulkan beberapa masalah tentang budaya dan juga timbulnya semacam budaya baru, lalu timbul semacam rungutan dan kekelesan apabila melihat yang seolah-olah kejadian-kejadian yang

berkaitan berlaku di situ, biarpun tidak dikatakan berpunca daripadanya.

Pada umumnya, di mana-manapun tempat pertemuan, maka sesuatu yang terlihat oleh kita sebagai tidak manis pada pandangan mata kita, pasti berlaku juga biarpun kita tidak kering dengan usaha mengawalinya. Berjalan sambil berpegang-pegang tangan malah lebih mesra daripada itu, dewasa ini seolah-olah tidak lagi menjadi perkara yang baru biarpun masih ramai di antara kita merasa 'geli' melihatnya. Malah 'terkuliat-kuliat', duduk sandar-menyandar malah 'baibun' dengan 'pai-bunan' yang tidak pernah kita lihat di zaman kita dahulu itu, sebenarnya bukan lagi menjadi perkara yang baharu bahkan mungkin sudah menjadi atau dijadikan syarat dalam konteks persahabatan moden sekarang ini.

Soal kenapa perkara seperti itu berlaku bukanlah perkara yang perlu jawapan daripada kalangan satu pihak yang mungkin dijadikan sasaran. Sebab bagi kita ianya berlaku adalah kerana 'suasana' yang juga dikatakan oleh orang sekarang sebagai perubahan yang perlu ditangani dengan sebaik-baiknya kiranya kita tidak menginginkannya berlakunya sesuatu keruntuhan terutamanya pada budaya dan adat Melayu

yang bersopan santun itu.

Mungkin ramai di antara kita pernah bertembung dengan para remaja atau anak-anak muda yang memakai pakaian yang tidak setakat ketat bahkan terlundih-lundih, dan ada juga yang memakai tindak-tanduk dengan ada permata dan ada tindik bergimbar yang pemangannya tidak setakat di hidung dan di telinga bahkan di tempat-tempat yang lain seperti di pusat perut. Kalau kita melihat media televisyen yang membawakan perkara yang sama, nescaya kita akan mampu bergeleng kepala dan mungkin ada pula yang terlopong begitu sahaja.

Melalui media itu, kita juga dapat menyaksikan bagaimana 'tatu' atau yang kita ketahui seakan-akan sama dengan 'kirong' yang menjadi kebanggaan masyarakat Iban di masa silam itu, hari ini agaknya sudah seakan-akan menjadi satu kesukaan sebilangan orang dalam soal hiasan badan sendiri itu. Hal ini juga dapat dilihat dengan mudah melalui media cetak yang menghidangkan cerita-cerita tentang hiburan, yang kadang-kadang dikatakan sebagai penjana seni dan budaya.

Sedangkan budaya

'kirong' orang dahulu itu adalah melambangkan keberanian dan kepahlawanan setelah dapat membuktikannya melalui beberapa ujian, seperti yang pernah kita terbaca dan terdengar dari mereka yang arif mengenainya. Sekarang sudah pendidikan yang setinggi-tingginya tidak kira siapa pun dia.

Bertindak bagi orang dahulu itu, ada dengan ketentuan adat dan masanya. Ia berlaku hanya kepada anak-anak kecil atau yang masih remaja tetapi tetap dengan ketentuannya. Bertindak telinga adalah khusus bagi kanak-kanak perempuan yang kemudiannya tindak itu akan diganti dengan 'anting-anting' apabila sampai waktunya, mungkin sudah menjadi anak dara dan sudah boleh dipinang, atau apabila sudah terdapat memiliki, sama ada tembaga atau emas sahaja, biasanya di sebelah kanan. Ini biasanya berlaku kepada yang 'berpenyakitan' atau berlaku kepada anak laki-laki yang dinikahkan oleh ibu bapanya dengan niat-niat yang tertentu, khususnya untuk masa depan yang baik, berilmu dan mendapat jodoh yang baik-baik hendaknya.

Bagi kalangan kita orang Melayu, kita tidak terjumpa adanya orang bertindak di tempat lain selain daripada di tempat di mana orang biasanya memasang 'anting-anting' yang pada awalnya dilubangi oleh 'tindik' yang dipasang semasa kecil itu. Kalau ada yang memasang 'tindik' di bahagian-bahagian lain di daun telinga, kebiasaannya ianya berlaku kepada puak-puak yang tertentu di negara ini seperti puak Penan atau

Punan dan juga sebilangan puak Iban atau mungkin ada juga puak-puak asli yang lain.

Biasanya, ianya berlaku kepada mereka yang mampu sahaja. Kalau ada yang memasang tindik di tempat-tempat yang lain, yang tidak pernah berlaku atau tidak pernah terlihat oleh kebanyakan di antara kita, maka mungkin ianya sudah dijadikan sebagai 'satu gaya' atau satu percubaan yang minta diambil perhatian.

Sebaiknya, generasi hari ini sudah dapat menilai akan sesuatu yang boleh memberikan implikasi terhadap diri, keluarga dan bangsanya dan sekurang-kurangnya menghormati di mana dia berada dan pada budaya apa dia dilindungi. Kiranya ia dikatakan semacam ada pengaruh luar yang cuba terasap dalam dirinya, baik pengaruh itu diimport melalui media televisyen melalui saluran luar atau disiarkan melalui saluran nasional kita, sebaiknya ianya diperikar sebagai satu informasi pada melengkapkan pengetahuan kita terhadap sahsana persekitaran kita, kerana kita juga sudah menjadi warga dunia yang tidak setakat warga ASEAN. Lagipun, kelihatannya bahawa langit itu adalah terus terbuka.

Mungkin kita sudah jelas dengan 'black metal', maka tidak ada salahnya juga kalau kita dapat melihat kepada yang lain kiranya ada keraguan terhadapnya.

SUARA-SUARA yang sangat risu terhadap perkembangan baharu yang timbul belum lama dahulu itu iaitu mengenai dengan timbulnya istilah 'Masyarakat Mall'. Setakat kehadiran 'MALL' itu dapat dikatakan bahawa sambutan sangat menggalakan. Orang juga sangat gembira terhadap perkembangan kegiatan usaha niaga yang nampaknya, tidak setakat bagi peniaga-peniaga dan pengusaha yang sudah establish, bahkan yang juga penting ialah 'orang-orang baru' yang sudah menampakkan minat untuk sama-sama berkecimpung dalam penerokaan bidang baru ini.

Pada sudut operasinya yang sekali gus diperlihatkan melalui penampilan tempat berniaga yang diatur dengan banyak gaya itu adalah sangat menarik siapa sahaja yang berkunjung di sana. Mereka yang empunya toko-toko di sana itu adalah akan kesungguhan mereka dalam memberikan sumbangan khidmat kepada pelanggan sebaik mungkin. Ini juga adalah merupakan bayangan hasrat mereka untuk ingin maju. Pelanggan adalah pendukunya. Justeru itu, apa sahaja yang boleh memberikan kepuasan kepada pelanggan, pastinya harus ada tersedia.

Kepuasan adalah satu-satunya yang dikejar sehingga dapat dan digenggam seerat-eratnya. Kerana nadiannya di situ. Kepuasan juga adalah dianggap sebagai anak kunci untuk menikmati kejayaan. Untuk menjayakan itu akan lebih

memacu aktiviti yang tidak kenal lelah, kreativiti juga akan pasti dimanfaatkan sama, kerana sudut ini penyumbang seri dan memberi cahaya keunggulan yang diidamkan. Lalu berbungalah rasa puas pelanggan dan tidak akan merasa rugi setelah berpelesenan di sekitar Mall yang menghadihkan wajah baru kepada mereka yang suka berbelanja sambil berhibur atau menjamu selera dan menunaikan hajat setiap kanak-kanak dengan permainan-permainan yang disediakan di situ.

Ia juga dapat dijadikan sebagai tempat membuang rasa tertekan seperti setelah banyak membuat kerja dan yang seumpamanya. Kadang-kadang di situ jugalah tempat pertemuan yang tidak disangka-sangka antara kita dengan kawan-kawan lama sambil berhubung persahabatan yang sudah agak lama terpisah. Tidak setakat diri kita dapat mendapat manfaatnya bahkan juga antara keluarga masing-masing. Melalui pertemuan begini juga dapat memberi faedah yang juga tidak disangka-sangka seperti adanya pembaharuan pertalian persahabatan itu bilamana antara anak-pinak kita itu ada di antaranya merupakan sahabat antara sesama mereka. Dengan demikian, hanya kerana perjumpaan yang tidak disangka-sangka itu baharulah kita tahu betapa sebenarnya faedah yang demikian dapat memperkukuhkan lagi hubungan yang sudah lama terpisah itu.

Biarpun pertemuan seperti yang kita disebutkan di

Sambutan Hari Kebangsaan wadah mengembangmajukan nilai patriotisme

OLEH BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR
bolhassan.bakar@information.gov.bn

JALAN KEBANGSAAN. Isnin, 23 Januari. - Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-22 digesa agar bersepadu memberikan perhatian lebih untuk menjadikan sambutan tahun ini sebagai satu wadah bagi mengembangmajukan nilai-nilai patriotisme di kalangan masyarakat negara ini.

Menurut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad, nilai-nilai patriotisme itu antara lainnya ialah cintakan

tanah air, taat setia kepada raja dan negara serta semangat rela berkorban, hormatkan bendera negara dan sayangkan budaya sendiri.

Logo sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-22 yang telah mendapat kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain memaparkan imej yang mencerminkan keutuhan negara dan melambangkan perpaduan bangsa berdasarkan tema sambutan iaitu 'Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa'.

Dalam ucapannya sebelum mempengerusikan Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan tahun ini di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa format Upacara Menaikkan Bendera Besar yang akan diadakan dua minggu sebelum acara sambutan bermula, adalah hampir sama dengan tahun-tahun yang lalu kecuali pengagihan bendera-bendera kecil di kenderaan-kenderaan yang mana akan diadakan pada satu waktu yang lain bagi ke-

sempurnaan majlis dan pemakainya.

Yang Berhormat turut memaklumkan bahawa pihak Urusetia Hari Kebangsaan dan ahli jawatankuasa kerja yang lain telah pun membuat persiapan bagi kesempurnaan sambutan yang akan diadakan.

Sehubungan dengan itu latihan perbarisan dan persembahan tema Hari Kebangsaan tahun ini pada 2 Februari dari jam 8.30 pagi bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin yang melibatkan semua pasukan perbarisan dan ikrar.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad ketika mempengerusikan Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-22. - Foto: Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidayat.

KKC menjurus perkhidmatan cemerlang, berwibawa

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

BERAKAS, Khamis, 26 Januari. - Penyertaan dalam Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) dan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam merupakan suatu komitmen yang sangat tinggi bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ke arah Perkhidmatan Awam yang cemerlang dan berwibawa.

Perkara tersebut ditekan oleh Pengarah Pentadbiran KHEU, Awang Haji Abdullah ketika berucap di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam kementerian tersebut hari ini.

Awang Haji Abdullah seterusnya menyeru agar warga kementerian menanamkan semangat bekerja dan azam yang tinggi, bersatu padu sebagai satu pasukan, responsif kepada pembaharuan dan

pembaikan, bersikap lebih positif, kreatif dan inovatif, taat setia, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta penuh komited tanpa mengabaikan nilai-nilai murni Islam agar KHEU akan terus maju ke hadapan sebagai sebuah organisasi yang berjaya, berdaya saing lagi kukuh dan mantap di bawah pimpinan yang bijak dan dinamik Menteri Hal Ehwal Ugama.

Beliau juga mengingatkan supaya apa jua projek KKC dari jabatan-jabatan lain akan dapat diaplikasikan atau diguna pakai secara berterusan, bukan sekadar untuk diper-

Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

Di majlis itu, tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian cenderahati kenangan dan sijil kepada 21 orang pegawai-pegawai dan kakitangan yang bersara.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Setiausaha Tetap kementerian tersebut, Dato Paduka Haji Abdul Rahman serta pegawai-pegawai dan kakitangan KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pada tahun lepas, Kumpulan An-Nur daripada Jabatan Hal Ehwal Masjid mendapat tempat ketiga dalam Peraduan KKC Peringkat Kebangsaan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyampaikan cenderahati kenangan kepada seorang pegawai yang bersara. - Foto: Ramli Tengah.

KHEU dan Institut Tahfiz JAKIM akan jadi kerjasama bagi program peperiksaan

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 Januari. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin berkata, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Institut Tahfiz JAKIM, Malaysia akan bekerjasama untuk mengadakan sebuah program peperiksaan bagi penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) di luar negara bagi jangka masa tertentu.

Yang Berhormat menambah, KHEU melalui bantuan sebuah lembaga institut yang telah diperkenankan penerbitan dan keahliannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, akan cuba untuk meneroka unsur-unsur supaya institut berperanan lebih menepati keperluan negara dari segi ilmu Al-Quran dan kefa-

haman mengenai Al-Quran serta terus mengeluarkan rakyat yang hafal Al-Quran.

Majlis Suai Kenal seramai 39 orang pelajar baru berlangsung di ITQSHHB, Jalan Tutong.

Terdahulu dari itu Yang Berhormat menjelaskan bahawa Al-Quran telah dipelajari di sekolah-sekolah agama hampir setengah abad lamanya, di samping pelajaran fardhu ain, di mana peningkatan bacaan telah dapat dibuktikan oleh qari dan qariah kebangsaan dalam pertandingan-pertandingan membaca Al-Quran sama ada di peringkat negara mahupun antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah bertitah menekankan supaya pembacaan Al-Quran hendaklah dijadikan amalan seharian kepada pegawai dan kakitangan kerajaan sebelum memulakan tugas harian.

Sementara itu Pengetua ITQSHHB, Awang Haji Abdul Rajid pula menjelaskan bahawa sebelum ta'aruf atau suai kenal bertujuan agar para pelajar baru dapat menyesuaikan diri tinggal di asrama dan dalam masa yang sama dapat belajar berdiskusi, di samping itu, katanya, para pelajar juga dilatih sembahyang berjemaah, halaqah-halaqah hafalan Al-Quran, amali agama, kemasyarakatan dan program-program riadah.

Sepanjang minggu ta'aruf, ujarnya, pelajar-pelajar baru akan dibimbing sepenuhnya oleh guru-guru institut dan penceramah undangan.

Menurut beliau, sebelum para pelajar terpilih untuk mengikuti pendidikan di institut tersebut, calon-calon akan mengikuti dua peringkat temu duga, di mana peringkat pertama mereka akan diuji mengenai kelancaran bacaan Al-Quran 30 juz secara rawak.

"Peringkat kedua, para

calon akan dikehendaki membuat hafalan Al-Quran dengan terlebih dahulu membuat cabutan soalan yang disediakan secara rawak dan diberi masa 30 minit untuk menghafal dengan ditunjuk cara oleh muallim-muallim hafalan, setelah itu ditasmi di hadapan jawatankuasa penemu duga yang dilantik," katanya.

Majlis diikuti penyampaian Mushaf Al-Quran oleh Yang Berhormat, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, kepada pelajar-pelajar baru, diikuti bacaan ikrar pelajar baru.

Seramai 39 orang pelajar lelaki dan perempuan berjaya terpilih memasuki ITQSHHB daripada 180 orang pemohon. Sepanjang minggu suai kenal para pelajar baru akan mengikuti aktiviti-aktiviti yang telah disusun bermula jam 4.30 pagi hingga 9.30 malam meliputi mendengarkan ceramah, menghadiri bengkel dan forum serta menjalani aktiviti riadah.

20 tenaga pengajar hadir Seminar Induksi

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

TUNGKU, Rabu, 25 Januari. - Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-20 Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (IPSHB UBD) mengadakan siri Seminar Induksi bagi tenaga pengajar bermula hari ini di Bilik Hijau, UBD.

Seminar yang diadakan pada setiap hari Rabu selama enam minggu ini dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor UBD, Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit.

Program induksi bagi tenaga pengajar ini dijalankan sebagai jalan penyelesaian jangka pendek bagi keperluan yang jelas. IPSHB percaya bahawa terdapat banyak faktor yang boleh memajukan sesebuah universiti, sebagai contoh bengkel tidak rasmi ini direka untuk mewujudkan komuni-

kasi dan interaksi dalam suasana penyelesaian masalah. Topik-topik bagi seminar ini juga sangat fleksibel untuk disesuaikan dengan pengetahuan yang sedia ada dan kemahiran para pelar dewasa.

Antara objektif seminar ini adalah bagi memperkenalkan pelbagai teori dan latihan-latihan dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan menghadiri seminar seperti ini para peserta diharap akan dapat merancang dan mengendalikan pembelajaran serta membantu para pelajar mereka dengan lebih efektif.

Selain itu mereka diharap akan dapat meningkatkan profesionalisme masing-masing selaku pensyarah dalam perkara yang berhubung kait dengan tanggungjawab, keupayaan, etika profesional, sikap, pengajaran yang efektif,

kemahiran menyampaikan, pengaplikasian psikologi semasa pengajaran pelajar dewasa, membezakan cara pembelajaran yang berbeza-beza bagi setiap pelajar, penilaian kursus, kemahiran berkomunikasi, kaunseling dan sebagainya.

Program itu dikendalikan oleh Jabatan Latihan Dalam Perkhidmatan, sementara bengkelnya dikendalikan oleh para kakitangan yang berpengalaman daripada Jabatan Pendidikan Asas dan Jabatan Pendidikan Psikologi.

Kira-kira 20 orang tenaga pengajar dari pelbagai fakulti UBD menyertai bengkel ini.

UBD dalam rancangan strateginya secara berterusan akan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para kakitangannya dengan me-

nyediakan latihan dan seminar bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang efektif dalam universiti.

Tubuhkan perniagaan sendiri bagi tingkatkan ekonomi

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

GADONG, Sabtu, 28 Januari. - Para penuntut mestilah mengubah sikap mereka untuk menjadi seorang yang lebih berdiskusi, tidak bergantung kepada orang lain dan menyalut cabaran dalam menubuhkan perniagaan sendiri agar dengan cara begini akan dapat mengisi kira-kira 12,000 kekosongan perniagaan baru bagi meningkatkan ekonomi negara.

Penyelia Projek Perdagangan, Dayang Nelia berkata

demikian di Majlis Pelancaran Rasmii Projek Perdagangan Sekolah Perdagangan.

Beliau dalam ucapan aluan seterusnya menyentuh mengenai projek perdagangan tersebut adalah salah satu unit penting bagi para pelajar tahun akhir dalam jurusan BDTVEC Diploma Kebangsaan di bawah Kursus Perniagaan dan Kewangan serta Kesetiausahaawanan, Projek yang bermula sejak pertengahan tahun 1990-an ini

diadakan setiap tahun.

Penolong Pengarah di Jabatan Pendidikan Teknik, Dayang Hajah Siti Aisah hadir selaku tetamu kehormat majlis. Hadir sama ialah Setiausaha kepada Council BDTVEC, Jennifer Hiew Lim; Pemangku Pengetua, Cikgu Mariah dan pensyarah-pensyarah serta para pelajar Sekolah Perdagangan.

Antara objektif utama projek ini bagi memberikan

peluang kepada para pelajar mempraktikkan teori-teori pembelajaran, terutama sekali ilmu pengetahuan yang diperoleh dari tahun pertama hingga ke tahun kedua pembelajaran pelajar di sekolah tersebut seperti pengurusan dan perancangan syarikat. Perkara demikian akan mempersiapkan para penuntut untuk menghadapi dunia perniagaan setelah mereka tamat kursus nanti.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama ahli kerabat diraja yang lain ketika menyertai pembacaan Doa Akhir Tahun 1426 Hijrah.



BAGINDA dan ahli kerabat diraja bergambar kenangan bersama para penerima Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah 1427.



DOA selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

MAJLIS SAMBUTAN AWAL

LIPUTAN ABDULLAH ASGAR abdullah.asgar@information.gov.bn
 DAN SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn
 FOTO : RAMLI TENGAH,
 PG. RAFAEE PG. DATO PADUKA HAJI METASSIM
 DAN MOHD. ZUL-IZZHI HAJI DURAMAN

KIARONG, Isnin, 30 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1427 Peringkat Negara, seterusnya berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Ugama dan Anugerah Bakti Hijrah.

Keberangkatan tiba baginda di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain, Menteri Hal Ehwal Ugama serta Ahli-ahli Jawatan Kuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Anugerah Tokoh Ugama dianugerahkan kepada Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang menerima hadiah sebanyak \$20,000.00 beserta Sijil Penghormatan, cenderamata iringan dan

kemudahan-kemudahan perubatan percuma dalam Wad Kelas Satu di mana-mana hospital di Negara Brunei Darussalam.

Dua Anugerah Bakti Hijrah masing-masing dianugerahkan kepada Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Metassan dan Orang Kaya Seri Wijaya Haji Abdullah bin Pehin Datu Panglima Haji Abu Bakar. Mereka menerima hadiah sebanyak \$10,000.00, Sijil Penghormatan, cenderamata iringan dan kemudahan-kemudahan perubatan percuma dalam Wad Kelas Satu di mana-mana hospital di Negara Brunei Darussalam.

Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah Peringkat Negara dimulakan dengan membaca Doa Akhir Tahun 1426 Hijrah yang dipimpin



BAGINDA ketika menyempurnakan penyampaian Anugerah Bakti Hijrah kepada Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Metassan.



PARA jemaah semasa membaca Doa Akhir Tahun.

Pengendalian teratur, bersefahaman, bekerjasama Jemaah haji dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn
FOTO : HAJI MASMALEH HAJI MOHD. ALI

PENGENDALIAN teratur, sikap kerjasama dan persefahaman yang erat antara Pegawai-pegawai Haji dan pengendali pakej-pakej penerbangan yang telah dikhaskan membantu jemaah haji Negara Brunei Darussalam melaksanakan ibadah haji dengan sempurna sehingga kesemua mereka pulang ke tanah air dengan selamatnya.

Kesemua empat penerbangan yang membawa rombongan haji yang telah selamat pulang ke negara ini disambut meriah dengan rasa kesyukuran oleh ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Malah kegembiraan itu berterusan apabila sebahagian ahli keluarga, sanak saudara dan sahabat handai yang lain juga menanti di rumah masing-masing sambil mengadakan Majlis-majlis Doa Selamat, Kesyukuran dan Berzikir bagi melahirkan kesyukuran terhadap Allah Subhanahu Wataala.

Haji Abu Bakar Haji Abd. Latif menyifatkan pengendalian sepanjang mengerjakan haji lancar sekalipun terdapat beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan.

"Kita bersyukur jemaah negara kita mendapat pemeduliaan dari Pegawai-pegawai Haji yang diamanatkan, di samping usaha pihak pengendali pakej haji dalam pengurusan perjalanan dan memastikan jemaah haji dari negara ini dapat melaksanakan ibadah haji dengan sempurna," jelasnya yang mengikuti perkhidmatan pakej penerbangan Darussalam Holdings.

Beliau juga memuji perkhidmatan perubatan yang mencukupi yang disediakan oleh pihak berkenaan, sekali gus memberi keselesaan jemaah negara



AWANG Haji Abu Bakar Haji Abd. Latif.



ADIK Haji Nurhassimie Mohd. Faizal berusia 8 tahun.



AWANG Haji Amiran Haji Sulaiman.

kita untuk membuat pemeriksaan kesihatan dan rawatan perubatan.

Awang Haji Hassan pula berkata, pengalaman semasa berada di Padang

Arafah merupakan pengalaman yang paling istimewa kerana di situlah semua jemaah dari seluruh dunia berkumpul untuk mendapatkan gelaran haji.

"Para jemaah kita sangat tabah berada di sini dengan suasana tempat tidur yang kurang selesa tetapi semuanya ditempuhi dengan sabar dan tabah, malah kami terus mengerjakan amalan-amalan wajib dan sunat dengan tidak putus-putus memanjatkan doa kepada Allah," jelasnya yang menunaikan Rukun Islam Kelima bersama isteri dan anaknya.

Beliau juga bersyukur kesemua jemaah dari Negara Brunei Darussalam telah terlepas dari ditimpa musibah yang terjadi di Mekah dan di Mina semasa mengerjakan haji yang telah mengorbankan banyak nyawa.



SEBAHAGIAN jemaah haji disambut meriah dengan rasa syukur dan hiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Sekalipun padat dengan lautan manusia yang sama-sama mengerjakan ibadah haji, Adik Haji Nurhassimie Mohd. Faizal berusia 8 tahun pula merasa seronok sepanjang berada di Mekah dan Madinah.

Beliau yang menyertai rombongan neneknya berkata, suasana yang dialaminya tidak pernah dihadapi sebelum ini dan merasakan segala hikmat semasa mengerjakan tawaf dan melontar merupakan satu pengalaman yang baru baginya.

Sementara itu, Awang Haji Amiran Haji Sulaiman

merasa bersyukur kerana dapat melaksanakan kesemua rukun dengan sempurna, di samping merebut peluang menggandakan melakukan amalan-amalan sunat.

"Kita bersyukur di atas limpah kesihatan yang baik dari Allah sehingga kita dapat mengerjakan dan menunaikan ibadah haji dengan sempurna," ujarnya.

Tahun ini lebih 1,000 orang jemaah haji menunaikan Rukun Islam Kelima itu dengan menggunakan empat syarikat pakej yang menggunakan

perkhidmatan penerbangan khas yang diluluskan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kepulauan jemaah dari negara ini yang bermula 15 Januari sehingga 21 Januari lalu telah dikendalikan oleh Darussalam Holdings Sendirian Berhad, Humaira Travel Centre (Borneo) Sendirian Berhad, Antara Travel and Tours, Tititan Travel and Tours dan H. T. H. Travel Agency.



KELUARGA para jemaah menanti ketibaan para jemaah di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



AWANG Haji Hassan bersama isteri.



MENANGANI ISU SOSIAL

'Berikan didikan agama, bentuk jati diri anak-anak'

OLEH SAHARI AKIM

sahari.akim@information.gov.bn

"**S**ETIAP anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau pun Majusi". (Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam).

Hadis di atas jelas menekankan betapa penting dan besarnya peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak dan keperibadian anak-anak mereka. Secara tegas ditekankan bahawa ibu bapalah juga yang mencorakkan kepercayaan anak-anak terhadap pegangan agama.

Sementara itu ungkapan orang Melayu, 'melentur buluh biarlah dari rebungnya', pula menunjukkan bahawa anak-anak perlu diasuh dan dididik dengan sempurna sejak mereka kecil lagi.

Maka kedua-dua hadis di atas itu bukan sahaja relevan dengan fenomena sosial yang dihadapi oleh masyarakat terutamanya kaum remaja ketika ini tetapi juga dalam usaha menangani gejala sosial yang semakin meningkat.

Hakikat yang terpaksa kita hadapi ketika ini ialah meningkatnya bermacam-macam gejala sosial seperti pergaulan dan seks bebas, penyalahgunaan dadah, minum arak, samseng, membunuh, mencuri, menipu, berjudi, ponteng sekolah, melawan guru dan ibu bapa, sumbangan mahram, penderaan dan banyak lagi.

Mengikut sesetengah pendapat meningkatnya gejala tersebut antara lain adalah disebabkan oleh pengaruh persekitaran dan cara kehidupan moden. Pada masa yang sama pengaruh globalisasi atau dunia tanpa sempadan serta kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi juga sedikit sebanyak menyumbang kepada bertamabah gejala tersebut.

Persejagatan, gaya kehidupan moden dan kecanggihan teknologi tidak dapat kita elakkan dalam kehidupan sehari-hari. Mahu tidak mahu kita harus menghadapinya untuk mencapai kemajuan dan dapat berinteraksi serta bersaing de-

ngan warga dunia yang lain.

Dalam hal ini kita harus bersedia menghadapi perubahan dan pengaruh-pengaruh yang semakin mencabar di masa hadapan. Masyarakat harus mempunyai benteng yang kukuh supaya dapat menghadapi hambatan-hambatan negatif yang dibawa bersama oleh kemajuan dan pemo-

denan itu. Ke arah itu kesedaran dan kefahaman beragama serta pembentukan jati diri di kalangan masyarakat hendaklah ditingkatkan. Pada masa yang sama nilai-nilai murni, adat resam, tatasusila dan budaya bangsa hendaklah juga ditanamkan kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak dan generasi muda.

ASUHAN BERMULA DI RUMAH

Pendidikan awal tidak formal bermula di rumah di bawah jagaan dan asuhan ibu bapa. Maka ibu bapalah orang pertama yang mendidik dan menjadi contoh kepada kanak-kanak. Sesuai dengan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di atas bahawa ibu bapalah yang mencorakkan gaya dan kehidupan masa hadapan mereka.

Kebanyakan kes sosial yang berlaku adalah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan

dan kefahaman beragama. Selain dari itu ia juga disebabkan oleh kurang pengawasan dan pemantauan dari ibu bapa dan keluarga, di samping tidak mempunyai disiplin dan jati diri yang kukuh.

Sebab itulah ibu bapa harus berperanan memberikan pendidikan agama secukupnya kepada anak-anak. Mereka juga mesti memberikan contoh teladan yang baik dengan menekankan asuhan moral, disiplin serta mengamalkan nilai-nilai murni dan tatasusila bangsa.

Dalam ajaran Islam, pendidikan dan asuhan sudah bermula sejak anak itu dalam kandungan lagi melalui adab, pembawaan, sikap, amalan dan per-makanan ibu bayi tersebut.

Semua itu akan mempengaruhi perwatakan anak damit yang akan dilahirkan. Amalan baik yang dilakukan oleh ibu bayi semasa mengandung insya-Allah akan membawa berkat kepada kehidupan anak damit untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

Apatah lagi setelah anak damit itu lahir, mereka akan mengikut dan mencontohi perbuatan yang dilakukan oleh ibu bapa serta keluarga terdekatnya. Dalam hal ini memang benarlah ibu bapa yang mencorakkan gaya hidup anak-anak mereka seperti yang disebutkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu.

Pada masa yang sama ungkapan orang-orang tua yang mengatakan 'melentur buluh biarlah dari rebung' juga membawa makna yang amat mendalam. Anak-anak yang masih suci bersih dan belum banyak mengenal erti kehidupan itu akan

mudah dibentuk dan diberikan tunjuk ajar. Mereka mudah mengikut dan mencontohi apa yang mereka lihat dan berlaku di sekeliling mereka.

Maka adalah mustahak anak-anak ini diasuh, dibentuk dan ditatang seperti minyak yang penuh. Mereka hendaklah dibekalkan dengan didikan agama secukupnya, diasuh dengan akhlak dan sikap positif agar mereka menjadi insan yang sempurna.

Dengan adanya kekuatan diri yang mereka miliki itu insya-Allah akan dapat menjadi benteng pertahanan kepada mereka dari terpengaruh atau terjerumus kepada gejala-gejala sosial.

PERANAN SEKOLAH DAN MASYARAKAT

Di sekolah kanak-kanak mengikut pendidikan secara formal dari guru-guru. Mereka di-mestikan mengikut peraturan dan disiplin sekolah yang ditentukan. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan pelajar yang melanggar disiplin seperti ponteng sekolah, melawan guru, merokok, pemugut, terlibat dengan dadah, berkelakuan samseng dan sebagainya.

Fenomena dan keolah-pan para pelajar ini meng-hendaki perhatian dan strategi kawalan serta pengawasan yang lebih berkesan untuk membendung agar ia tidak menjadi lebih kritikal.

Bagaimanapun masalah tersebut tidak seharusnya hanya dipertanggung-jawabkan kepada pihak sekolah semata-mata. Terdapat sebilangan pelajar yang memang nakal baik semasa di rumah atau di luar rumah.

Kelakuan mereka itu

terbawa-bawa ke sekolah dan mempengaruhi pula pelajar lain. Ada juga sebilangan pelajar yang berkelakuan baik semasa di rumah tetapi menjadi nakal ketika berada di luar rumah atau di sekolah kerana terikut-ikut dengan teman sebaya.

Dalam hal ini, ibu bapa, pihak sekolah, agensi-agensi berkenaan, pertubuhan bukan kerajaan serta masyarakat sekeliling harus sama-sama berperanan serta mengambil langkah-langkah untuk menanganinya.

Apa yang perlu sama-sama kita lakukan ialah berusaha secara bersepadu untuk membendung gejala sosial agar ia tidak berleluasa dan menjadi lebih parah melanda masyarakat.

Kesepaduan pemikiran dari semua pihak untuk merangka strategi dan melaksanakan program-program yang berkesan perlu ditingkatkan. Selain dari itu dana juga diperlukan untuk melaksanakan program-program tertentu di semua peringkat.

Program-program harus dibuat secara bersepadu dengan memberikan penekanan dari segi pengetahuan keagamaan dan moral, tatasusila, adat resam dan kebudayaan, kesedaran sivik, semangat patriotisme, jati diri dan kecekamlangan.

Ia juga harus melibatkan pelbagai peringkat sama ada kanak-kanak, remaja, orang dewasa dan masyarakat umum. Pelaksanaannya juga harus menyeluruh meliputi institusi pendidikan, badan-badan bukan kerajaan, sektor swasta, masyarakat umum di kampung, mukim dan daerah.

KESEDARAN

Apa yang perlu disemaikan ialah kesedaran terhadap kesan dan bahaya gejala-gejala sosial tersebut bukan sahaja

kepada diri pelaku malah kepada keluarga, masyarakat dan negara amnya.

Semua pihak boleh berperanan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak dan para belia. Jika kesedaran ini sudah tertanam dan menebal dalam diri seseorang maka mereka akan mempunyai kekuatan diri dan tidak akan mudah terpengaruh dengan perkara-perkara negatif yang tidak diinginkan.

Menyentuh tentang menanamkan kesedaran ini, kita ambil contoh sejak kecil kita dididik dan disedarkan bahawa najis itu kotor, babi dan anjing haram dipegang apatah lagi dimakan. Hasilnya sampai bila-bila kita berasa 'jijik' kerana ia tersemam dalam 'mindset' kita.

Begitu jugalah halnya jika masyarakat memandang jijik terhadap gejala-gejala sosial itu sama seperti mereka jijik terhadap najis atau anjing dan babi maka setentunya mereka tidak akan menghampiri apatah lagi melakukannya.

Ke arah itu semua pihak hendaklah tampil ke hadapan untuk sama-sama memikirkan dan berusaha sambil membantu dan mendukung usaha kerajaan serta agensi-agensi berkenaan ke arah menangani masalah sosial di negara ini.

PENDIDIKAN AGAMA

Seperti yang kita sebutkan di awal tulisan ini, pendidikan agama adalah sangat penting untuk menjurus generasi kita menjadi insan kamil yang berguna kepada bangsa dan negara. Agama juga menjadi benteng pertahanan ummah dalam menghadapi apa juga perkara-perkara negatif khususnya gejala sosial.

Takaduhung menyebut perkara tersebut, ada

baiknya kita hayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1427 yang antara lain menekankan:

"Beta juga yakin, peranan persekolahan dan pendidikan agama bukan setakat untuk memperelok keadaan, malahan juga mesti meningkat kepada membangun tamadun dan kehidupan. Tanpa peranan seumpama ini, tamadun dan kehidupan boleh sahaja ibarat kapal tanpa muatan, tidak ada apa-apa yang boleh diambil manfaat daripadanya.

"Kerana itu beta inginalah melihat peranan 'besar' itu dilaksanakan secara berkesan. Dan untuk ini, penyusunan semula atau pengemaskinian semua yang berkaitan dengan persekolahan dan pendidikan agama hendaklah dibuat, termasuk juga menyemak sukatan dan kurikulumnya.

"Objektif kita ialah supaya rakyat mendapat pendidikan agama yang sempurna. Jangan siapa yang mengelak atau berkecuali. Kerana ia adalah 'jalan selamat' yang telah disediakan oleh negara. Maka kerana itu, tidak siapa pun yang patut menolaknya.

"Setiap kanak-kanak Brunei Muslim adalah wajib diasuh meymper-nakan fardu ain mereka. Sekurang-kurangnya sembahyang mereka sempurna dan bacaan Al-Quran lancar. Kerana itu, kesesuaian sukatan dan kurikulum perlulah diteliti.

"Rumusan semua objektif di dalam pendidikan ialah melahirkan rakyat yang taat beragama, di mana mereka akan menjadi pelita ummah yang mempunyai fahaman dan pegangan yang betul."



NEGARA Brunei Darussalam sejak tahun 1940 lagi telah membina lapangan terbang yang terletak di Jalan Berakas (kini telah menjadi bangunan-bangunan kerajaan). Semenjak tahun itu, Negara Brunei Darussalam terus-menerus berusaha bagi meningkatkan mutu perhubungan udaranya.

Bagi tujuan tersebut pada tahun 1974, negara kita sekali lagi mencipta sejarahnya dengan pembukaan rasmi Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang memakan belanja \$65.5 juta. Lapangan terbang yang terletak di Berakas itu telah membuka era baru dalam perhubungan udara antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar. Lapangan terbang ini bukan sahaja mempunyai berbagai-bagai kemudahan yang sofistikated tetapi yang penting pembinaannya telah dapat membantu usaha bagi memajukan lagi pertumbuhan negara.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN (Bahagian Pendaftaran dan Perlesenan) Bahagian III

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Mendaftar dan melesenkan kenderaan baru dan 'import'	1 hari
2.	Pengeluaran salinan (duplicate) bagi menggantikan kad pendaftaran kenderaan hilang atau rosak	14 hari
3.	Tukar milik kenderaan	14 hari
4.	Menukar alamat yang asal ke alamat yang baru	14 hari

PUPUK SEMANGAT BERGANDING BAHU JAGA KESELAMATAN, KEHARMONIAN NEGARA

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Setiap orang setentunya inginkan kemakmuran dan kemajuan hidup bernegara dan bermasyarakat. Tetapi semua itu tidak akan dapat dicapai tanpa adanya usaha kerjasama serta sifat tolong-menolong, bantu-membantu antara satu sama lain. Di dalam Al-Quran Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Maa-idah ayat 2 tafsirnya:

"Dan hendaklah kamu tolong-menolong untuk membuat kebajikan dan ketakwaan dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan penceroohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya."

Sifat tolong-menolong dan bekerjasama itu boleh dilakukan dalam pelbagai cara, ia tidak hanya terhad kepada bantuan berbentuk kewangan atau harta benda sahaja, tetapi juga boleh dilaksanakan melalui sumbangan tenaga, nasihat dan teguran, sebagai contoh: Bantu-membantu dalam mencegah kemungkaran dan perkara-perkara yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang. Dalam hal ini adalah menjadi tanggungjawab kita selaku masyarakat supaya sama-sama memelihara keamanan dalam hidup bermasyarakat dan bernegara. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda maksudnya:

"Dari Abi Saïd Al-Khudari Radiallahuanhu ia berkata: Saya telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa di antara kamu yang melihat sesuatu kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya (mencegahnya) dengan tangannya dan jika ia

tidak berkuasa maka dengan lidahnya dan jika ia tidak berkuasa, maka dengan hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman." (Hadis riwayat Al-Imam Muslim).

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di mana negara kita adalah sebuah negara yang aman dan makmur, iaitu bebas dari keadaan kacau-bilau dan bebas dari gangguan perkara yang tidak menyenangkan. Keamanan yang kita nikmati pada masa ini adalah merupakan salah satu hasil usaha orang-orang terdahulu yang sanggup berkorban nyawa demi kedaulatan negara.

Semua orang tahu bahawa negara yang tidak aman akan menyulitkan perjalanan pentadbiran, boleh menyebabkan kemunduran, kacau-bilau, huru-hara, malahan perkembangan ekonominya juga akan lembab dan terbantut. Jika semua ini berlaku, sudah setentunya kehidupan akan bermasalah, negara dan rakyat hidup dalam kemiskinan.

Oleh itu, kita perlulah menghargai dan berusaha sedaya upaya mengekalkan keamanan yang sedia ada supaya ia dapat dinikmati berterusan sehingga ke generasi akan datang.


Dalam hal ini jika kita mahu keamanan berkekalan, sudah semestinya dan tidak dapat tidak semua orang mesti berganding bahu dan bertanggungjawab dengan menanamkan dalam jiwa mereka ingin melakukan perkara makruf (kebaikan) dan meninggalkan perkara mungkar (keburukan).

Perlu diketahui bahawa perkara mungkar itu bukan hanya menjurus dalam bidang yang berkaitan dengan persoalan agama sahaja, tetapi adalah menyeluruh, termasuk kes-kes jenayah seperti mencuri, berkelakuan tidak senonoh, menyalahi peraturan dan undang-undang, pemugut, berjudi dan bermacam-macam lagi yang tidak baik. Bagi memastikan keamanan lebih terjamin, sudah setentunya penubuhan pasukan-pasukan keselamatan perlu diwujudkan, se-

perti pasukan polis bagi mencegah berlakunya perkara-perkara mungkar yang bertentangan dengan undang-undang negara dan sebagainya.

Di negara kita pasukan polis telah ditubuhkan pada 1 Januari 1921, di mana pada 1 Januari 2006 yang baru lalu, pasukan polis telah merayakan ulang tahun penubuhan yang ke-85 tahun. Di sepanjang tempoh kewujudan pasukan polis sehingga ke hari ini, pasukan polis telah melalui pelbagai perubahan menuju ke arah kemodenan dan kematangan dalam semua aspek demi menambah baik perkhidmatan mereka kepada rakyat dan negara ini.

Semua orang tahu tugas polis adalah menjaga keamanan, tugas yang bukan ringan dan mudah tetapi amat berat dan penuh cabaran. Ianya suatu amanah yang mesti dilaksanakan dengan kejujuran, bertanggungjawab dan berdisiplin. Jaga imej polis sebagai penguat kuasa undang-undang yang amat disegani, maka jangan sampai ianya terce-



mar dan orang ramai hilang kepercayaan kerana jika kepercayaan yang sedia ada hilang, sudah tentu akan sukar memperolehinya kembali. Oleh itu anggota pasukan polis hendaklah menjadi cermin dan contoh yang baik kepada masyarakat dengan keperibadian tinggi dan akhlak mulia, itulah di antara hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mui'zaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Perbarisan Sempena Hari Polis Ke-85 Tahun dan Penukaran Kepala Panji-panji Pasukan Polis Diraja Brunei, yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia ber-

titah antara petikannya:

"Apa yang beta ingin tegaskan bahawa beta amatlah menginginkan pasukan polis yang bersih, berwibawa dan berakhlak mulia."

Titah Baginda lagi: *"Sebagai penguat kuasa undang-undang, pasukan polis mestilah berani, amanah dan setia sehingga dengannya, tidaklah akan berbangkit yang pasukan polis boleh diperlakukan oleh manamana pihak bagi kepentingan tertentu mereka."*

Pasukan polis merupakan sebuah agensi kerajaan yang berhubung rapat dengan masyarakat. Maka kedua-dua pihak perlu bertoleransi dan bekerjasama menjaga keamanan dan ketenteraman demi kesejahteraan hidup bermasyarakat dan bernegara. Ketahuilah bahawa bekerjasama ke arah kebaikan itu disuruh Allah Subhanahu Wataala dan merupakan ibadat, firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 110 tafsirnya:

"Kamu wahai Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang dari segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman."

Sebenarnya orang awam mempunyai banyak

peluang ke arah memberikan kerjasama dan bantuan kepada pihak polis dalam menjalankan tugas mereka, di antaranya ialah sebagai pemberi maklumat terhadap apa jua perkara yang boleh menggugat dan mengancam keamanan negara. Ke arah memudahkan kerjasama antara orang awam dengan pihak polis dapat dilakukan, maka pihak polis membina Pos-pos Polis dan Pos-pos Kejiranan Kampung di beberapa tempat di negara ini.

Apa yang diharapkan sekarang ialah samalah kita memupuk semangat berganding bahu menjaga keselamatan, keamanan dan keharmonian negara kita. Mudah-mudahan berkat muafakat dan kerjasama yang diamalkan itu, rakyat dan negara aman sejahtera serta sentiasa mendapat perlindungan Allah Subhanahu Wataala. Amin Ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 104 tafsirnya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru berdakwah kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

وقت سمبھيڻ. امساڪ. شوروق دار ضھر

وقت ۲ سمبھيڻ، امساڪ، شوروق دار ضھي باڳي دائره برونې دان موارا مولائي دري هاري رابو، 9 محرم، 1427 برسمان دغن 8 فيبروري، 2006 هيگڱ كهاري ثلاث، 15 محرم، 1427 برسمان دغن 14 فيبروري، 2006 اداله سڦرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساڪ	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
محرم 9	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	فيبروري 8
10	12.36	3.56	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	9
11	12.36	3.56	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	10
12	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.36	7.00	11
13	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.36	6.59	12
14	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.35	6.59	13
15	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.35	6.59	14

وقت ۲ سمبھيڻ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيڻ فرض جمعة دسلورو نڱارا برونې دارالسلام دمولائي دري فوڪل 12.45 تڱهاري.

KEBUDAYAAN DAN PENERANGAN

DASAR DAN DEKLARASI UTAMA

AWAL dalam sejarah ASEAN, ia telah mengiktiraf budaya dan penerangan sebagai bidang utama bagi kerjasama. Salah satu perjanjian pertama Pertubuhan ASEAN ialah pengalakan aktiviti media massa dan kebudayaan. Projek terawal ini termasuklah festival filem, pertukaran bahan terbitan radio dan televisyen serta artisnya dan pameran serta persembahan mengenai budaya masing-masing.

Sidang Kemuncak ASEAN yang pertama di Bali pada bulan Februari 1976 telah menyediakan rangka kerja bagi kerjasama mengenai kebudayaan dan penerangan. Salah satu dokumen utamanya ialah Deklarasi Bali Perjanjian ASEAN yang mana menjanjikan bahawa setiap negara anggota akan dengan gihg mewujudkan kesedaran tentang identiti serantau dan menumpukan usaha bagi mewujudkan sebuah masyarakat ASEAN yang kuat dan kukuh. Ia juga mengisytiharkan mendukung agar semua cendekiawan ASEAN, wakil-wakil penulis, seniman dan media massa untuk memainkan peranan yang aktif dalam merapatkan jurang serta perasaan keserantauan, di samping mengukuhkan identiti dan kesetiakawanan.

Jawatankuasa ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (COCI) telah ditubuhkan dan mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada tahun 1978. Berasaskan kepada Perjanjian Bali, Mandat COCI ialah untuk mewujudkan kerjasama berkesan mengenai kebudayaan dan penerangan bagi menggalakkan kesefahaman dan kesetiakawanan di kalangan rakyat dan penduduk ASEAN termasuk bagi pembangunan serantau yang akan datang.

Untuk membiayai perancangan kebudayaan ASEAN, Menteri-menteri Luar ASEAN pada tahun 1978 telah menubuhkan Tabung Kebudayaan ASEAN, di mana Jepun telah menyumbang sebanyak lima bilion yen. Tabung berkenaan adalah terbuka bagi sebarang sumbangan dari negara-negara anggota, rakan dialog ASEAN dan pertubuhan antarabangsa. Sekretariat ASEAN pula bertindak sebagai penjaga kepada tabung berkenaan dan telah pun mengambil perkhidmatan profesional bagi pengurusan pelaburan tabung. Hanya 80 peratus pulangan tahunan tabung disalurkan kepada pembiayaan projek-projek kebudayaan dan penerangan yang telah disokong oleh COCI. Selebihnya adalah disalurkan semula ke dalam tabung.

Sejak penubuhannya pada tahun 1978, COCI telah melaksanakan purata 15 projek setahun dalam bidang kebudayaan dan penerangan. Projek-projek berkenaan telah dilihat sebagai penglibatan aktif seni-

Siri Kedua

man, perwakilan kanak-kanak dan remaja, penulis dan pengamal media massa dan juga pakar dari institusi seperti Kementerian Kebudayaan dan Penerangan, stesen dan rangkaian radio dan televisyen kebangsaan, institusi perfileman, suruhanjaya kebudayaan, lembaga warisan, muzium, arkib dan juga perpustakaan, universiti, institut kesenian dan institut yang serupa juga mengambil bahagian dalam aktiviti COCI.

Ketika ASEAN menghimpunkan kesemua sepuluh buah negara Asia Tenggara di bawah satu bumbung dan mengaktifkan mereka melaksanakan tujuan yang sama bagi kerjasama dan pengintegrasian serantau, ia kini telah juga menjadikannya sebuah pertubuhan yang melihat ke arah semangat kemasyarakatan yang lebih meluas dalam rantau ini. Pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua ASEAN di Kuala Lumpur pada bulan Disember 1997, pemimpin ASEAN telah menentukan visi bagi abad ke-21 sebagai 'masyarakat yang sedar akan hubungan sejarah' menyedari akan warisan budayanya dan disatukan melalui identiti kebangsaan yang sama.

Untuk merealisasikan visi berkenaan, para pemimpin ASEAN telah meluluskan Pelan Tindakan Ha Noi tahun 1998, yang menyeru sektor kebudayaan dan penerangan untuk memberikan promosi yang lebih meluas bagi kesedaran ASEAN dan pembaikan kedu-

dukannya dalam arena masyarakat antarabangsa. Mandat ini meliputi kerjasama ASEAN mengenai kebudayaan dan penerangan yang ada sekarang.

JENDELA KEBUDAYAAN

Sehingga kini, projek kebudayaan ASEAN telah dikategorikan di bawah tiga bidang iaitu Karya Kesusasteraan dan Pengajian ASEAN, Seni Visual dan Seni Pentas. Sejak tahun 1978 aktiviti kebudayaan yang telah dilaksanakan adalah pelbagai daripada penerbitan mengenai kesusasteraan dan kajian kebudayaan sehingga seni pentas, pameran, festival, bengkel, dermasiswa Felosip dan penyelidikan akademik.

Program Kesusasteraan dan Kajian ASEAN telah menghasilkan beberapa bahan mengenai kebudayaan Asia Tenggara. Ia juga telah mengukayahkan forum dan bengkel dan melatih cendekiawan dan pakar kebudayaan mengenai bidang pengkhususan seperti arkeologi, museologi dan pemuliharaan. Beberapa siri monograf mengenai muzik, tarian, teater, kesusasteraan tradisi dan moden, media massa dan tajuk yang lain sudah pun disiapkan. Sebuah Antologi Kesusasteraan ASEAN multi jilid telah juga siap yang mengandungi cerita pendek yang penting, esei, sajak dan hasil karya kesusasteraan lain kedua-duanya moden dan tradisi. Antara koleksi ASEAN yang tidak ternilai harganya ialah koleksi antologi kesusasteraan lama, yang membawa bersamanya teka-teki, perumpamaan, mitos, legenda dan cerita-cerita



OLEH HAJI DAYANG HAJI KASIM
dayang.kasim@information.gov.bn

dongeng rantau ini. Dua buah jilid kajian penyelidikan tentang festival tradisional - yang dihasilkan dijadikan sebagai rujukan bagi palajar, penyelidik dan ahli akademik - sudah pun dicetak. Jilid pertama meliputi mengenai negara-negara tanah besar Asia Tenggara dan jilid kedua pula mengenai kepulauan dan negara.

Pustakawan rantau ini juga telah melaksanakan tugas mereka bagi kerjasama serantau. Pada pertengahan tahun 90-an, mereka mengadakan beberapa siri seminar mengenai cara untuk memperbaiki sikap membaca dan perkhidmatan perpustakaan dalam ASEAN. Beberapa pertukaran lawatan seperti antara ASEAN dengan Pustakawan Kanan Korea telah membolehkan mereka untuk memantau pemakaian teknologi maklumat kepada pengurusan perpustakaan.

Pakar arkeologi dan antropolog serta pakar arkib dan juga pemuliharaan warisan yang lain juga telah mengadakan program mereka masing-masing. Antaranya yang penting dan ketara sekali ialah kerja-kerja penggalian bersama dan seminar yang diukayahkan oleh Pakar Antropologi ASEAN di kawasan-kawasan pilihan di sekeliling rantau ini.

Dalam bidang Seni Visual, ASEAN telah pun mengadakan pertandingan melukis, bengkel dan pameran di kalangan kanak-kanak, remaja dan belia bersama pakar-pakar terkenal setiap negara. Salah satu projek yang tersohor ialah pemasangan Skulptur di taman-taman dan dataran negara-negara anggota. Beberapa simposium dan bengkel telah melahirkan beberapa penerbitan yang terbaik mengenai kesenian dan astetik ASEAN. Ini telah pun diagihkan kepada pertubuhan kesenian dan sekolah di

negara-negara anggota.

Aktiviti ASEAN dalam seni pentas adalah yang ketara mewarnai dan mewujudkan suasana yang gembira. Ini kerana ia telah menyatukan seniman muda, pendukung watak dan pakar kebudayaan mengukayahkan produksi bersama. Produksi berkenaan meliputi bidang tarian, teater dan seni muzik. Bengkel dan forum mengenai muzik tradisional telah menghasilkan cakera padat muzik tradisional asli yang dirakam. Festival muzik remaja dan koir kanak-kanak adalah antara yang menjadi tarikan utama projek yang dianjurkan oleh ASEAN.

Dalam membina hubungan yang lebih rapat dengan rakan dialog, ASEAN telah mengambil punggur ke hadapan projek-projek kerjasama dengan mereka dalam bidang kebudayaan dan penerangan. Dengan Australia, ASEAN telah mengadakan bengkel mengenai pembentukan strategi dalam mengurus warisan budaya. Beberapa aktiviti juga sedang dirancang untuk membantu institusi warisan di rantau ini bagi meninggikan taraf kepakaran mereka dalam pengurusan koleksi mereka.

Dalam tahun 1998 dan 1999 ASEAN dan Jepun telah mengadakan bersama Misi Multi Kebudayaan untuk mendalami kefahaman kebudayaan dan intelektual antara negara anggota ASEAN dan Jepun. Misi berkenaan mengadakan lawatan kesemua negara anggota ASEAN dan Jepun dan membolehkan cendekiawan utama untuk bertukar-tukar pendapat dengan rakan mereka. Di Thailand satu wacana khas telah ditentukan antara cendekiawan dan penduduk luar bandar setempat.

Bersambung

PENGURUSAN MASA

OLEH REFA'AH ALI OSMAN

KEEMPAT: FIKIR
SEBELUM MEMBUAT
KEPUTUSAN

KADANGKALA setiap tugas yang kita lakukan memerlukan kepada susulan. Maka adalah perlu bagi kita mencatat atau menyiapkan sesuatu tugas sebelum tugas yang seterusnya dilakukan. Misalnya, jika kita hendak menjemput seorang penceramah bagi sesuatu majlis, maka pada hari berikutnya tugas tersebut akan disusuli sama ada menghubungi melalui panggilan telefon atau menghantar memo kepada penceramah tersebut.

Maka dalam suasana begini, kita perlu mencatat tarikh tugas tersebut di kalendar supaya kita tidak melibatkan diri dengan beberapa urusan yang lainnya. Dengan kaedah tersebut, maka segala perancangan tugas akan berjalan dengan lancar dan kita boleh melaksanakan tugas yang lain pada tarikh dan hari yang berbeza. Dalam masa yang sama, kita juga boleh memecahkan tugas yang utama kepada beberapa tugas yang kecil.

MENCATAT MAKLUMAT LAIN

Penggunaan kalendar atau diari harian bukan sahaja dapat digunakan untuk mencatat maklumat yang penting sahaja, tetapi kadangkala kita mudah terlupa dengan perkara atau tugas yang kecil. Begitu juga dengan membuat panggilan telefon kepada pegawai tertentu, sebaiknya hendaklah kita catat nombor telefon tersebut ke dalam kalendar diari harian kita. Jika perlu, hendaklah ditulis dengan nama pegawai tersebut sekali kerana ia akan memudahkan dan membantu untuk membuat panggilan pada saat kita memerlukan pada masa akan datang.

BANYAK MASA

Mungkin kita masih beranggapan bahawa setiap kali kita bangun dari tidur, kita tetap mempunyai banyak masa sama



ada masa untuk bekerja atau berehat. Tetapi tahukah kita bahawa dengan menanggukkan kerja dan tugas adalah amalan yang tidak berguna dan sia-sia. Mengamalkan sikap sering menanggukkan masa boleh mengakibatkan prestasi kerja kita terjejas dan menyebabkan perasaan bimbang dan curiga terhadap keyakinan diri sendiri akan bertambah dan meningkat.

Amalan sering menggunakan perkataan 'hari esok masih ada' perlu dihindari kerana ia bukan sahaja mengganggu kelicinan dan kelancaran proses kerja kita bahkan ianya akan melambatkan lagi hasil tugas yang kita lakukan. Justeru itu, tugas semalam yang belum dikerjakan hendaklah dilaksanakan supaya kita tidak berasa tertekan dengan kerja yang bertimbun sejak semalam.

Oleh itu hargailah masa dan peluang yang kita ada sebaik-baiknya dengan melakukan segala amalan yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam, di samping kita melaksanakan tugas di pejabat. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bermaksud: "Dari Ibnu Abbas Radiallahuanhuma ia berkata ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda menasihatinya: Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa mudamu sebelum tuamu, masa sihatmu sebelum sakitmu, masa kayamu sebelum fakirmu, masa lapangmu sebelum kesibukanmu dan masa hidupmu sebelum matimu." (Riwayat Al-Imam Al-Hakim).

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Amalkan sikap hormat-menghormati sesama jiran tetangga

SUDAH menjadi kebiasaan malah sebagai adat dalam kehidupan kita bermasyarakat untuk sentiasa mengamalkan sikap hormat-menghormati, bantu-membantu, bertegur sapa dan sebagainya kerana amalan-amalan ini adalah perlakuan yang baik yang boleh membawa kita ke arah kecermerlangan dan keharmonian hidup. Malah amalan-amalan seperti ini amat dituntut dan dimestikan dalam ajaran Islam agar kehidupan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu Wataala sebagai hamba yang beriman kepada-Nya. Ini terbukti dan terdapat dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Abu Hurairah Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Barang siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Kemudian, maka hendaklah ia berkata akan yang baik atau hendaklah ia diam. Dan barangsiapa beriman kepada Allah dan Hari Kemudian maka hendaklah ia muliakan jirannya. Barang siapa beriman kepada Allah dan Hari Kemudian, maka hendaklah

ia muliakan tamunya." Hadis diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.

Jadi jelas kecermerlangan dan kebahagiaan hidup bukan sahaja berhubung dengan keharmonian dalam sesebuah keluarga malah ia juga bersandarkan kepada hubungan baik yang terjalin sesama jiran tetangga. Kenyataan ini menjelaskan bahawa menjalin hubungan yang baik sesama jiran merupakan perkara yang penting bagi kita semua kerana nikmatnya bukan sahaja dapat kita capai di dunia fana ini malah akan berterusan kepada kehidupan yang kekal di akhirat kelak kerana perlakuan kita berbaik-baik dan menghormati jiran ini menjadikan kita sebagai orang yang beriman kepada-Nya.

Untuk mencapai semua ini, langkah yang paling penting dalam menjalin hubungan yang baik dan mesra sesama jiran adalah sentiasa bersikap hormat-menghormati. Tanpa wujudnya amalan yang mulia ini, kita tidak akan dapat melakukan amalan-amalan baik yang lain dengan sempurna. Bertolak

dari sini, banyak lagi langkah perlu diambil dan diamalkan. Di antara contohnya saling bertegur sapa, bantu-membantu, tegur-menegur (ingat-mengingati) secara jujur, ziarah-menziarahi dalam majlis suka duka, saling bertukar juadah, mengawasi dan sama bertanggungjawab terhadap kawasan rumah bersama untuk mengelak sesuatu yang tidak diinginkan dan banyak lagi.

Sikap saling bertegur sapa begitu digalakkan ia boleh menambahkan lagi rasa hormat kita terhadap jiran. Manakala, bantu-membantu dan tegur-menegur (ingat-mengingati) di antara satu sama lain pula akan lebih menyenangkan lagi kehidupan kita. Ini kerana jiran tidak akan keberatan untuk memberikan sebarang bantuan kepada kita pada bila-bila masa jika kita bersedia membantu mereka ketika dalam keadaan pun seperti majlis kesukuan mahupun dalam kedudukan.

Selain itu jika kita sedang mengadakan majlis seperti kenduri kahwin dan sebagainya. Kita perlu

menghormati dan tahu mengambil hati jiran dengan memahami keadaan mereka. Misalnya, tidak memasang radio atau alat bunyi-bunyian dengan suara yang terlalu kuat (nyaring) dan berhibur sehingga larut malam kerana mungkin akan mengganggu masa tidur jiran, jiran yang sedang sakit atau ada di antara ahli keluarga atau anak-anak mereka yang ingin mengulang kaji pelajaran di waktu malam.

Di samping itu kita juga menamakan rasa tanggungjawab kepada keselamatan milik jiran seperti mengawasi kawasan rumah mereka ketika mereka tiada di rumah supaya terelak daripada sesuatu kejadian yang tidak diinginkan. Selain itu, janganlah kita cuba mengambil kesempatan dengan menceburi kawasan mereka dan mengganggu atau mengambil harta benda di kawasan rumah mereka. Hormatilah jiran dan hak milik mereka.

Jika amalan-amalan yang tersebut di atas tadi dapat dilakukan dengan baik dan diamalkan, maka terbentuklah sebuah ke-

hidupan berjiran yang tenang dan harmoni serta wujudlah sebuah ikatan silaturahmi yang utuh dalam masyarakat kita, di samping sama-sama mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Saidah binti Saidin,
No. 12, Simpang 709,
Kampung Tasek
Meradun,
Jalan Tutong, BF 1520.
No. k/p: 00-309704

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Menghormati Orang Tua Amalan Mulia'.
Tarikh tutup 15 Februari 2006.

2. 'Bersama Memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-22 Tahun'. Tarikh tutup 22 Februari 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunei.bn

Hubungan baik dengan jiran, nikmat yang berharga

JIRAN merupakan orang yang tinggal berdekatan dengan kita di setiap penjuru sama ada kanan, kiri, depan, belakang, atas dan bawah merangkumi 40 buah rumah. Hidup berjiran yang perlu kita laksanakan dan jaga dengan sempurna ialah membina hubungan yang baik lagi mesra sentiasa bermanis muka seperti memberi salam dan bertanya khabar, mengamalkan sikap hormat-menghormati, tolong-menolong, sefahaman dan mengelakkan perselisihan faham.

Ini jelas dalam firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya: "Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba sahaya yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membanggakan dirinya."

Demikian halnya bagi jiran yang sombong. Jiran yang sombong memberi kesan terhadap hubungan persaudaraan yang akan menjadi renggang. Wujudnya sikap sombong meninggi diri dan memandang rendah terhadap orang lain sudah tentunya tidak akan wujud perasaan kasih sayang dan suasana hormat-menghormati antara satu sama lain.

Dalam menjaga kehormatan orang lain dan keharmonian masyarakat, Islam melarang kita mencari-cari kesalahan dan membuka ke-

Dalam Islam kita juga dilarang menyakiti jiran tetangga. Dari segi aspek persaudaraan, lebih-lebih lagi jika jiran tetangga itu dari kalangan orang Islam, tidak diragukan lagi akan menimbulkan ketegangan dan mungkin akan membawa kepada keretakan hubungan persaudaraan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menjelaskan tentang ancaman orang yang menyebabkan jiran tetangganya tidak aman tenteram melalui sabda Baginda yang bermaksud: "Tidak akan masuk Syurga seorang jiran tetangganya tidak aman daripada kejahatannya."

Secara kesimpulannya, hubungan yang baik dengan jiran tetangga merupakan nikmat yang amat besar dan sangat berharga bagi umat manusia. Jika kita mengekalkan sikap menghormati jiran maka akan terbentuklah sebuah masyarakat yang hidup dalam keadaan aman tenteram, harmoni dan bersatu padu. Masyarakat penyayang negara aman.

"Dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan dan

kebaikan orang."

Setiap orang mempunyai kehormatan dirinya yang tidak boleh dicabuli dengan mendedahkan dan mencari apa keabian atau kesalahannya, sekalipun dia berbuat dosa selama mana dilakukan bukan secara terang-terangan. Apatah lagi ianya merupakan prasangka atau tuduhan yang tiada berasas.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga telah memberi jaminan mengenai orang yang menutupi rahsia dan kebaikan orang lain melalui sabda Baginda yang bermaksud:

"Dan barang siapa menutupi rahsia seorang Islam nescaya Allah menutupi (rahsia) pada Hari Kiamat."

Secara kesimpulannya, hubungan yang baik dengan jiran tetangga merupakan nikmat yang amat besar dan sangat berharga bagi umat manusia. Jika kita mengekalkan sikap menghormati jiran maka akan terbentuklah sebuah masyarakat yang hidup dalam keadaan aman tenteram, harmoni dan bersatu padu. Masyarakat penyayang negara aman.

Haji Azreem bin Haji Ramli,
No. 6, Simpang 74-41-31,
Kampung Mata-mata
Gadong, BE 1718.
No. k/p: 00-124710

Kemesraan jiran tetangga wujudkan masyarakat harmoni

HIDUP secara berjiran memerlukan sifat-sifat seperti bekerjasama, tolong-menolong tidak menyakiti hati, hormat-menghormati, bersopan santun dan jujur sebagaimana firman Allah Taala dalam Surah Al-Maa-idah ayat 2 yang tafsirnya:

".... Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran..." Ini bermakna bahawa ciri-ciri positif kejiranan berasaskan kepada sifat-sifat individu yang positif.

Dalam kehidupan kita, suasana suka dan duka tidak dapat dihindarkan dan di sinilah hubungan kejiranan sangat diperlukan untuk menangani perkara-perkara atau suasana sedemikian dengan meminta bantuan yang diperlukan. Contohnya dalam majlis perkahwinan, kita akan meminjam dan menggunakan kawasan jiran bagi mendirikan kem atau dalam keadaan di mana kita sakit dan hendak pergi ke hospital tetapi tidak ada kenderaan, maka kita mungkin memerlukan bantuan jiran untuk pergi ke hospital. Contoh-contoh tersebut jiran merupakan sumber yang terdekat untuk mendapatkan bantu-

an yang diperlukan dalam masa yang singkat.

Dalam konteks integriti dan keselamatan kampung setiap penduduk dalam sesebuah perkampungan itu adalah bertanggungjawab untuk menjaganya terutama sekali dalam menangani perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti kecurian, kebakaran dan pendatang haram. Sehubungan dengan ini memanglah tepat dan sesuai tindakan Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Pasukan Polis Diraja Brunei mengadakan dan memperkenalkan satu mekanisme yang digelar 'Skim Kejiranan Kampung'.

Jiran yang baik dan jujur bukan sahaja dapat menjamin kewujudan suasana aman dan damai dalam kampung tetapi adalah juga dianggap seperti keluarga sendiri sehinggalah ada sebarang daripada mereka sanggup menghulurkan bantuan lebih baik dari huluran bantuan keluarga sendiri lebih-lebih lagi keluarga yang tinggal jauh daripada mereka.

Kewujudan suasana perkampungan yang aman, damai dan sejahtera yang disebabkan oleh keadaan jiran yang positif boleh menyumbang ke arah peningkatan imej negara. Ciri-ciri kejiranan tersebut menunjukkan

bahawa masyarakat di negara ini mempunyai kehidupan penuh dengan budaya dan sopan santun yang tinggi dengan jiran kita.

Sebagai kesimpulannya, jiran yang jujur lebih baik dari keluarga yang jauh memang benar kata-kata ini. Cuba kita bayangkan jiran yang terdekat dalam membangunkan sikap kita sendiri kerana melalui jiranlah kita dapat belajar menghormati hak secara tidak langsung dan secara langsung, di samping kita dapat belajar erti kasih sayang dengan masyarakat luar. Keluarga yang jauh tidak dapat

melihat kita bagaimanakah keadaan kita yang sebenar berbanding dengan jiran kerana keluarga yang jauh tidak akan dapat membantu dengan cepat dalam masa-masa yang tertentu.

Alex Yli Tian Hoe,
Peti Surat 2888, Bandar
Seri Begawan, BS 8675.
No. k/p: 02-424393

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Menghormati Jiran Amalan Mulia'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Wujudkan hubungan baik sesama jiran

DALAM hidup bermasyarakat kita mesti bergaul dengan masyarakat setempat. Tidak bolehlah seseorang itu hidup berseorangan tanpa membuat hubungan dengan orang lain. Jiran ialah orang yang sebelah-menyebelah tinggalnya dengan kita. Mereka adalah anggota masyarakat yang paling rapat dan dekat sekali hubungannya dengan kita.

Jika mereka itu beragama Islam maka mereka adalah saudara kita juga dan wajib memperolehi haknya terhadap kita sebagai jiran. Jika mereka bukan beragama Islam sekalipun kita patut mewujudkan hubungan baik dengan mereka. Agama Islam mengajar

kita supaya menjalin hubungan yang baik, mesra dan erat serta hormat-menghormati sesama jiran tetangga kita.

Sebagai jiran, kita tidak boleh menyakiti hati jiran kita seperti berkarak untuk kesenangan sendiri dengan suara yang tinggi sehingga larut malam dan menyebabkan jiran sebelah rumah kita sukar hendak tidur kerana teralalu bising. Ini adalah amalan yang baik kerana tidak menghormati ketenteraman awam.

Sebagai jiran yang prihatin, kita mestilah tolong-menolong sesama sendiri. Jika jiran kita berkeadaan sakit, kita ziarah mereka dan doakan ia supaya cepat sem-

buh daripada penyakitnya. Bila jiran kita kesemutan dalam kewangan kita perlu membantu mereka dengan meminjamkan wang kita kepada mereka agar mereka dapat kesenangan bersama.

Selain daripada itu kita juga digalakkan supaya bersedekah. Pada waktu petang ada kalanya kita membuat kuih-muih untuk makan petang bersama keluarga. Apa sahajanya jika kita membuat kuih-muih dengan lebih untuk bersedekah kepada jiran kita.

Bertandang ke rumah jiran tetangga juga adalah amalan yang baik kerana ianya boleh mengeratkan lagi hubungan sesama masyarakat. Sebelum memasuki

rumah jiran, hendaklah terlebih dahulu memberi salam dan meminta izin untuk masuk. Ketika berada di dalam rumah jiran, kita hendaklah menghormati mereka serta melakukan perkara yang baik seperti berbual dengan mesra dan bukannya mengumpat. Kita juga tidak digalakkan supaya terlalu lama berada di rumah jiran kerana dikhuatiri akan mengganggu kebebasan mereka.

Kita hendaklah mengetahui bahawa hidup ini penuh dengan pelbagai kewajiban. Kita ada kewajiban terhadap Allah Subhanahu Wataala, terhadap kedua-dua ibu bapa bahkan juga terhadap jiran tetangga. Sebagai manusia kita

perlu tolong-menolong, hormat-menghormati dan berbuat baik terhadap jiran kita seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dari Abu Hurairah Radiallahuanhu yang bermaksud:

"Berbudilah kepada jiran kamu nescaya kamu menjadi seorang Muslim yang sebenar."

Mohammad Syuaib bin Ahmad,
No. 662, Simpang 660,
Kampung Lumapas 'B'
BJ 3524.
No. k/p: 00-305398

REMAJA

NAFAS KEHIDUPAN

OLEH H. A. MANAP

REMAJA yang merasakan bahawa setiap menjelang tahun baru Hijrah atau Masihi ia dijadikan sebagai sukat-sukat atau perkiraan akan pencapaian setahun yang kita lalui. 'Audit' kehidupan ini sudah semakin penting dirasakan di saat kita semakin bergerak dan berubah pantas dengan pelbagai perubahan setempat dan perubahan global. Perubahan acuan minda, kemahiran, diri, cara berfikir dan pandangan kita, kini semakin tertumpu kepada pelbagai perubahan dan kemajuan sekeliling yang berlaku. Corak kehidupan juga sudah semakin ketara terarah ke arah kebendaan yang muncul di depan kita. Lantas kita semakin bertembung dengan cabaran dan kekuatan diri yang membentuk sikap dan cara kita. Bila ini berlaku kita pula terpaksa berdepan dengan pelbagai nilai atau kualiti kehidupan. Kualiti kehidupan inilah yang kini menjadi elemen yang semakin berperanan menentukan matlamat kehidupan ke arah yang lebih sempurna atau sebaliknya.

Dalam hal ini, matlamat yang akan dicapai perlu ditentukan agar ia dapat menentukan perisian kehidupan yang lebih jelas. Kita tidak boleh membiarkan kehidupan ini dikongkong oleh keadaan, yang menyebabkan kita terpaksa akur dengan apa-apa jua yang dihidangkan di hadapan kita. Justeru kita perlu berani muhasabah diri, bagaimana kita berperanan dalam menentukan hala tuju kehidupan ini. Langkahkan kita perlu kepada tindakan yang lebih serius dalam meneliti kesesuaian cara dan 'trend' yang sepadan dengan nilai-nilai kita dan suasana sekeliling. Pembinaan masyarakat yang berpuat dengan ajaran-ajaran Islam perlu menjadi kekuatan dan 'trademark' kita.

Kita perlu kepada nafas baru yang mendukung kekuatan pegangan dan nilai diri yang bersendikan kekuatan beragama. Faktor-faktor

sedemikian inilah nantinya yang akan menyumbang kepada lahirnya masyarakat yang menyayangi agama dan berpegang teguh dengannya. Kita tidak boleh mengecipkan keutamaan sedemikian kerana agama itu ialah panduan dan nur yang akan menerangi kehidupan, tanpanya kita tidak mungkin akan dapat membina kehidupan yang sempurna dan berwibawa. Pegangan ini perlu dipancarkan sebagai model masyarakat yang akan mengangkat martabat bangsa kita ke arah tahap dan tingkatan yang selakunya. Bila ini terbina kita sendiri akan merasakan bahawa kita akan mampu melahirkan sebuah bangsa tidak pasif malahan aktif bersama perubahan zaman dan kemajuan sekeliling.

Penyertaan di dalam perubahan semasa dan kemajuan sekeliling ini, justeru tidak akan mudah terpengaruh oleh gejala

gejala yang boleh memesonkan fokus dan matlamat yang sudah terpacu. Jaminan ini jelas apabila terbinanya bangsa yang kuat dengan penghayatan Al-Quran dan pemahaman beragama yang mendalam menjadi penyelamat dalam berdepan dengan sesuatu yang tidak sesuai dengan kehidupan. Lantas bila kita mahu mewujudkan nafas baru dalam kehidupan masa kini, ia perlu kepada matlamat menjadikan masyarakat yang salih dan bertakwa. Kita tidak ada pilihan lain, kerana ini pilihan yang terbaik yang akan menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat. Urutan dari matlamat ini ialah, 'key performance indicator' dari kita ialah sejauh mana ia sudah terlaksana. Kesannya terhadap kehidupan berkeluarga, berbangsa dan bernegara.

Trend ini nanti akan membentuk ketrampilan diri kita yang akan menggerakkan mesej bahawa kita merupakan generasi Islam yang kuat dan teguh berpegang kepada prinsip-prinsip yang direndai oleh Allah Subhanahu Wataala. Sebenarnya inilah cara kehidupan yang amat diperlukan, di saat kita berdepan dengan pelbagai gejala sosial dan hambatan kehidupan yang semakin mencabar serta ada kala

nya meruncingkan suasana. Kita perlu menginsaf secara bersama kehadiran elemen negatif di dalam kehidupan kita bagaikan kuman yang membiak secara perlahan yang akhirnya membesar menjadi penyakit yang sukar diubati. Namun meskipun sedemikian halnya, jika kita menjadi masyarakat yang kebal dengan benteng dan persiapan diri, apa pun keadaannya yang datang ia tidak mungkin akan dapat berperanan mempengaruhi dan merubah pendirian. Dalam konteks ini, adalah wajar untuk kita selalu melakukan 'auditing' terhadap kehidupan yang kita lalui selama setahun berlalu. Tahun hijrah yang baru kita lalui, jangan setakat kita fahami dengan perubahan nombor peralihannya semata-mata, akan tetapi kita perlu melihat lebih mendalam mengenainya. Perjuangan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam harus menjadi iktibar dan kekuatan kita, kegigihan dan perancangan teliti yang dilakukan oleh Baginda bersama para sahabat Baginda yang setia jelas memberikan mesej kepada kita. Sebahagian besar dari mesej tersebut ialah kekuatan dalaman diri kita. Inilah yang menyebabkan mereka mampu menggerakkan peng-

hijrahan dari Mekah ke Madinah Al-Munawarah, dengan membuahkan kemanisan iman dan keindahan takwa. Bila peristiwa ini kita jadikan sebagai aplikasi masa kini, apa yang perlu kita lakukan ialah mempersiapkan diri dengan kelengkapan ilmu dan keimanan.

Bila kita melihat keruntuhan akhlak yang dialami oleh negara-negara di dunia ini, ternyata keruntuhan itu ialah adanya kekosongan di dalam diri mereka. Mereka kosong dengan iman, kosong dengan ahlak yang mulia, kosong dengan matlamat hidup dan mereka sebenarnya kosong dengan pegangan hidup yang lebih terarah. Terjadi kekosongan ini ialah kerana mereka sudah meminggirkan ilmu. Bila ilmu terpinggir daya fikir kita akan jadi lemah dan kaku untuk membina tamadun diri dan bangsa. Hal ini menjadi penyebab berlakunya kelemahan, kekurangan dan akhirnya terhasillah gejala sosial yang menjadi 'parasit' kehidupan kita. Marilah sebagai generasi yang akan menyambung kekuatan beragama, berbangsa dan mengangkat tamadun ummah, kita perkuatkan pegangan kita terhadap penghayatan beragama. Semoga dengan itu terhasil bangsa di negara kita ini yang mempunyai kualiti diri yang sangat tinggi.



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin menyerahkan bendera kepada ketua rombongan, Penguasa Polis Ibrahim bin Haji Hassan.

Pasukan Pancaragam PDB ke Jerman

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM
ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS, Isnin, 23 Januari. - Seramai 60 orang anggota Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) berlepas ke Republik Jerman bagi membuat persembahan dalam acara Tatu 'The Music For The Nations' yang akan berlangsung di Bremen, Jerman.

Rombongan tersebut berada di sana bermula 25 hingga 29 Januari diketuai oleh Pemangku Pengarah Pasukan Pancaragam PDB, Inspektor Haji Mohammad bin Haji Damit.

Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani kepada ketua rombongan, Penguasa Polis Ibrahim bin Haji Hassan berhubung dengan ruang legar Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

Pemergian rombongan tersebut adalah atas jemputan Kerajaan Republik Jerman untuk membuat persembahan di sana dan merupakan pertama kali Pasukan Pancaragam PDB dijemput secara berkumpulan bersama pasukan pancaragam yang lebih berpengalaman di benua Eropah.

Selain Pasukan Pancaragam PDB, beberapa pasukan pancaragam daripada Taiwan, Chile, Sweden, Norway, Netherlands, Bulgaria, Amerika Syarikat, United Kingdom serta beberapa pasukan pancaragam Republik Jerman juga akan ikut serta dalam persembahan tersebut.

Sebelum ini Pasukan Pancaragam PDB pernah diundang membuat persembahan seperti di Malaysia, Republik Singapura dan dalam tahun 2003 pasukan ini juga telah dijemput di The International Police Tattoo di Adelaide, Australia.

Bomba Temburong lancar kempen tahunan

OLEH SUKRI HIDAYAT HAJI ABU BAKAR

TEMBURONG, Sabtu, 7 Januari. - Kempen Tahunan Mencegah Kebakaran Bagi Cawangan Operasi 'G' Bomba Daerah Temburong selama tiga hari meliputi pelbagai aktiviti dilancarkan di Balai Bomba Pekan Bangar.

Pelancaran kempen itu disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Johari bin Haji Jaludin yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Di majlis tersebut, beliau juga mengisytiharkan misi perkhidmatan bomba iaitu mengurangkan kadar kejadian akibat kebakaran dan bertindak dengan cara profesional bagi menanganai apa jua panggilan kecemasan, sementara visi jabatan 'bekerjasama dengan masyarakat bagi melindungi apa yang mereka harai', manakala slogan baru pula berbunyi 'berkemahiran, berkualiti dan proaktif'.

Beliau juga berkesudian menyempurnakan penyampaian Anugerah Cemerlangan Cawangan Operasi 'G' 2005 dan Sijil Penghargaan Cawangan Operasi 'G' kepada dua orang pegawai bomba yang akan bersara, Timbalan Pegawai Balai Awang Latif bin Tusin dan Penolong Pegawai Balai Ampuan Aliomar bin Ampuan Matyassin.

Kempen selama tiga hari bermula 7 hingga 9 Januari merupakan projek kemasyarakatan Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Antara aktiviti yang di-

unkayahkan pada 7 Januari termasuklah Hari Terbuka Balai Bomba Bangar, Pameran Jentera dan Pekakas COG Pertunjukan dan Pameran Pasukan Penyelamat COG Pameran Perhubungan Awam, Pertunjukan Bahagian Operasi COG dan Pameran Khidmat Bantu.

Aktiviti lain termasuklah Peraduan Melukis dan Menawar, Menulis Esei, Ceramah Khas, Sukan Ria dan Kuiz Ria.

Kempen tersebut merupakan program ketiga cawangan ini dari sembilan keseluruhan iaitu kesinambungan melalui Program Bomba Bersama Masyarakat, di mana program pertama Skim Mencegah Kebakaran Kakitangan Kerajaan Daerah Temburong telah diunkayahkan pada 5 hingga 7 September 2005 melibatkan 56 orang kakitangan kerajaan.

Sementara program kedua, Skim Mencegah Kebakaran Mukim dan Kampong Daerah Temburong diadakan pada 20 hingga 22 September 2005 meliputi lima buah mukim disertai 75 peserta.

Program-program lain meliputi Skim Mencegah Kebakaran Bagi Pihak Swasta, Skim Mencegah Kebakaran Suri-suri Rumah Tangga, Skim Mencegah Kebakaran Maktab/Institusi dan Sekolah-Sekolah Kerajaan, Skim Mencegah Kebakaran Institusi/Sekolah Bukan Kerajaan, Program Latihan Mengosongkan Bangunan (Evacuation Drill) dan Skim Mencegah Kebakaran Menyusur Pedalaman.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 25 Januari 2006

Bangunan Kawalan Lalu Lintas Udara, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Pemenang Soalan Alai Pintar keluaran 25 Januari 2006

Dk. Khairurraia binti Pg. Abdul Aziz,
Sekolah Tadika Jaya Berakas.
Umur : 10 tahun

Muhammad Nurnajmudin bin Mahadi,
Sekolah St. Margaret's Setia.
Umur : 9 tahun

Norhafizah binti Haji Ibrahim,
Sekolah Rendah Dato Marsal Lambak Kanan.
Umur : 11 tahun

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 709

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

2. Di manakah letaknya?

.....

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 709

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 709,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

KONSEP persanakan sememangnya telah wujud sejak dahulu lagi bermula dari bapa dan ibu sekalian manusia iaitu Adam dan Hawa yang melahirkan Habil dan Qabil. Daripada pasangan Nabi Adam dan Hawa ini maka lahirlah keturunan umat manusia sekali gus bermulalah konsep persanakan sehingga ia menjadi sistem persanakan yang kompleks. Di Barat ataupun di Timur, sistem ini masih wujud dan diamalkan tetapi telah banyak mengalami perubahan. Justeru itu, banyak variasi yang dapat dilihat dalam sistem persanakan di kalangan masyarakat di dunia ini. Di Negara Brunei Darussalam, sistem persanakan adalah sesuatu yang amat penting dalam kehidupan penduduknya. Ini kerana kehidupan penduduknya masih lagi dilingkungi oleh adat resam dan nilai-nilai Melayu. Ia ditambah lagi dengan kedatangan Islam yang menganjurkan kesepaduan kekeluargaan sama ada melalui perkahwinan atau darah.

Persanakan merupakan salah satu aspek penting yang menjadi bidang kajian antropologi. Ia merupakan institusi sejagat yang terdapat dalam semua masyarakat di dunia ini. Persanakan lahir dari institusi perkahwinan yang membenarkan hubungan seks antara lelaki dan perempuan sehingga anak yang lahir dari perkahwinan tersebut diterima oleh masyarakat. Justeru itu, dalam menafsirkan persanakan ini, pelbagai pendapat telah dikemukakan. Antaranya ialah Raymond Firth dan Burges, Locke dan Thomes. Menurut Raymond Firth, istilah persanakan itu ialah sesebuah keluarga itu tidak akan lengkap sekiranya tidak wujud tiga unsur iaitu bapa, ibu dan anak. Oleh itu, keluarga adalah satu unit sosial yang sehabis kecil bilangannya mengandungi ibu dan bapa serta anak yang tinggal di dalam sebuah rumah yang sama. Keluarga merupakan sebuah institusi sejagat hasil daripada perkahwinan yang disebut sebagai keluarga asas.

Sementara menurut Burges, Locke dan Thomes 'dangansanak' es, konsep persanakan itu ialah satu kelompok manusia yang mempunyai ikatan perkahwinan, ikatan darah atau mempunyai hubungan angkat; menganggotai sesebuah isi rumah; berhubung antara satu sama lain berdasarkan peranan sosial masing-masing sebagai suami dan isteri, ibu dan bapa, anak lelaki dan anak perempuan, kakak dan adik; dan mewujudkan serta mengekalkan sesuatu budaya yang sama.

Manakala menurut salah seorang informan masyarakat Melayu Brunei istilah persanakan dikenali sebagai 'dangansanak'. Perkataan itu adalah saudara-mara dekat atau jauh yang mempunyai ikatan kekeluargaan dari satu keluarga yang mempunyai hubungan darah yang sama. Menurutny lagi, 'dangansanak' itu termasuklah generasi teratas seperti nini, datu, moyang, antah, giling dan sebagainya hinggalah membawa kepada generasi terbawah seperti anak, cucu dan sebagainya. Selain itu, mertua, ipar, biras, anak menantu, besan, pupu sekali, pupu dua kali ataupun saudara yang masih dikenali tetapi jauh ikatan persaudaraan seperti sama moyang atau antah itu masih juga dianggap sebagai 'dangansanak'.

Selain itu, menurut salah seorang informan masyarakat Kedayan istilah persanakan itu juga dikenali sebagai 'peradian'. Menurut informan ini, istilah 'peradian' ini bukan hanya bermaksud saudara kandung lelaki dan perempuan dalam satu keluarga tetapi ianya meliputi keseluruhan sanak saudara yang dekat seperti ipar, mertua dan sebagainya melalui ikatan perkahwinan dan darah. Manakala saudara jauh itu juga dianggap 'peradian' disebabkan adanya ikatan kekeluargaan berdasarkan hubungan darah yang sama seperti pupu tiga kali. Menurut kedua-dua informan ini, bagi mereka yang tidak mempunyai ikatan kekeluargaan sama ada melalui hubungan darah

atau perkahwinan seperti kawan, saudara seagama dan sebagainya bukan dianggap sebagai 'dangansanak' atau 'peradian'. Pengertian persanakan di antara kedua-duanya adalah sama, cuma berbeza dari segi panggilan sahaja.

Dari tafsiran di atas, bolehlah diambil kesimpulan bahawa persanakan itu adalah dari institusi keluarga (kinship). Institusi keluarga merupakan salah satu daripada lapan institusi yang wujud dalam masyarakat. Ianya juga merupakan satu sistem perhubungan sosial yang teratur bagi sekelompok manusia yang mempunyai hubungan darah sama ada melalui keturunan atau perkahwinan dan mempunyai ikatan hubungan budaya yang sama dalam masyarakat itu. Justeru itu, institusi keluarga adalah erat kaitannya dengan institusi perkahwinan kerana tanpa institusi perkahwinan tidak ada institusi keluarga.

Pada dasarnya, institusi keluarga terdiri daripada anggota-anggota dalam sesebuah rumah tangga. Dalam masyarakat Melayu Brunei, institusi ini boleh terdiri daripada keluarga asas, keluarga luas meliputi dua generasi dan tiga generasi dan juga keluarga bergabung. Keluarga asas terdiri daripada suami dan isteri sahaja tanpa anak atau suami dan isteri bersama anak-anak yang masih kecil atau bujang. Bagi keluarga luas dua generasi pula terdiri daripada ibu bapa, anak tidak kira lelaki atau perempuan yang telah berkahwin berserta isteri atau suami masing-masing dan juga anak-anak lain yang belum berkahwin. Sementara keluarga luas tiga generasi adalah lanjutan dari keluarga luas dua generasi. Selain ibu bapa, anak-anak lelaki dan perempuan yang telah berkahwin berserta isteri dan suami termasuk juga cucu-cucu mereka merupakan generasi ketiga dalam keluarga. Bagi bentuk keluarga bergabung, keadaannya lebih kompleks kerana gabungan itu terdiri dari beberapa keluarga asas iaitu boleh terdiri saudara kandung perem-

puan sahaja (keluarga bergabung sororal), saudara kandung lelaki sahaja (keluarga bergabung fraternal) ataupun saudara kandung perempuan dan lelaki. Justeru itu, hubungan kekerabatan boleh bermula dalam lingkungan sesebuah keluarga asas dan menyebar secara lebih luas serta keakraban hubungan darah adalah berdasarkan dekat atau jauhnya hubungan keturunan atau hubungan darah antara seseorang individu dengan seorang individu yang lain. Harus dijelaskan iaitu sesebuah keluarga luas tidak semestinya tinggal dalam satu keluarga yang sama.

Dalam organisasi keluarga, suatu aspek yang umum dan penting dalam hubungan persanakan ialah dengan adanya sistem atau bentuk panggilan yang digunakan oleh ahli keluarga. Ada dua istilah panggilan yang saling berhubungan dan melengkapi antara satu dengan yang lain iaitu istilah rujukan (terms of reference) dan istilah sapaan (terms of address). Istilah-istilah itu mendapat kedudukan yang mantap, difahami dan dihayati oleh anggota-anggota sanak tersebut. Penggunaan kata sapaan yang betul dan sesuai bagi menyapa seseorang individu itu dianggap sebagai seorang yang berbudi bahasa.

Dalam masyarakat Melayu Brunei, kedua-dua istilah itu juga digunakan ketika berkomunikasi sebagai salah satu cara untuk menghormati, berteratur sapa, di samping mengeratkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan antara penyapa dengan orang yang disapa sama ada golongan tua atau muda. Penggunaan sistem panggilan itu penting bagi pengenalan kedudukan anggota di dalam lingkungan keluarga dan di luar lingkungan keluarga, malahan tiap-tiap kedudukan tersebut memainkan peranan tertentu dalam perbualan atau pertuturan yang berlaku demi mengelakkan perbuatan 'meracak'. Justeru itu, sistem panggilan yang terdapat dalam lingkungan keke-

SISTEM PERSANAKAN MELAYU BRUNEI HADAPI ARUS PERUBAHAN DALAM PENGGUNAANNYA

OLEH P. H. MAHANI

rabatan masyarakat Melayu Brunei itu antaranya seperti datu, nini, ni, bapa, pa, mama, ma, babu, bu, kaka, ka, lai, tua, pa basar, tangah, ngah, pa damit, mit, uda, iring dan bungsu. Sebutan-sebutan itu bergantung kepada taraf dan kedudukan seseorang dalam keluarga sanak sama ada bagi sebelah pihak lelaki atau perempuan.

Hal ini jelas apabila masyarakat Melayu Brunei itu mempunyai susunan keluarga yang dapat dibentuk dari tingkat yang tertinggi kepada tingkat yang terendah melalui perkahwinan sesebuah keluarga. Pasangan suami isteri pada kebiasaannya akan melahirkan keturunan dan seterusnya berkembang membentuk satu jalur keluarga yang panjang. Setiap tingkat itu akan bertukar status dan meningkat demi tingkat. Susunan ke atas bermula dari generasi ego, generasi ibu bapa, generasi nini, generasi datuk, generasi moyang, generasi antah dan sebagainya. Susunan ke bawah pula bermula dari generasi ego, generasi anak, generasi cucu, generasi piut dan sebagainya (lihat Rajah A).

FAKTOR-FAKTOR SISTEM PERSANAKAN MENGHADAPI ARUS PERUBAHAN DALAM PENGGUNAANNYA

Setiap sesuatu yang mengalami perubahan itu biasanya ada dengan sebab musababnya, begitu juga perubahan yang berlaku ke atas sistem panggilan dalam masyarakat Melayu Brunei. Di antara faktor-faktor yang menjadi punca perubahan ini antaranya :

Sistem Keturunan

Pada dasarnya masyarakat Melayu Brunei telah turun-temurun mengamalkan sistem 'patrilineal' bagi sistem keturunan mereka. Pengamalan sistem ini membolehkan lelaki berkuasa sebagai ketua keluarga. Pengaruh ini disebabkan oleh dorongan agama iaitu Islam yang memberikan kuasa kepada pihak lelaki, contohnya mewalikan suatu majlis perkahwinan. Selain itu, jika seorang lelaki itu berkahwin dengan seorang perempuan maka pengan-tin perempuan akan menjadi ahli keluarga suaminya. Tanggungjawab bapa pengan-tin perempuan akan dilepaskan kepada menantunya. Sistem ini juga lebih mementingkan pewarisan harta kepada pihak lelaki. Sedangkan anak-anak pe-

rempuan hanya akan mendapat lebih harta iaitu 'Asabah', selepas anak-anak lelaki mendapatkan hak masing-masing tetapi sistem keturunan ini telah mengalami perubahan kepada sistem dwisisi.


Sistem persanakan bagi masyarakat Melayu Brunei kini adalah dari jenis dwisisi (bilateral) iaitu yang tidak menentukan perwarisan keturunan kepada nasab ibu (matrilini) atau nasab bapa (patrilini). Sistem ini sama seperti sistem masyarakat Adat Temenggung yang menganggap semua saudara daripada kedua-dua pihak (ibu dan bapa) mempunyai taraf dan hak yang sama. Dengan demikian tidak terdapat pembahagian ke dalam kelompok zuriat atau suku yang terdapat dalam Adat Papatih. Dengan itu juga tidak wujud tekanan ke atas keluarga dalam soal kediaman, wibawa dan hak kawalan juga peraturan-peraturan perkahwinan. Contohnya, dalam soal tempat kediaman. Pasangan yang telah berkahwin boleh memilih tempat tinggal mereka sendiri, tidak semestinya tinggal bersama ibu bapa, isteri atau suami. Justeru itu keluarga yang wujud boleh berbentuk matrilokal (tinggal di tempat ibu bapa isteri),

patrilokal (di tempat ibu bapa suami) atau ambilokal (di tempat yang berasingan). Selain itu, sistem pewarisan harta yang dahulunya mementingkan hak-hak pihak lelaki yang juga telah mengalami perubahan. Pewarisan harta itu akan dibahagikan sama rata kepada anak lelaki dan perempuan. Dengan cara ini dapat menghindarkan dari terjadinya perselisihan faham antara keluarga sanak.

Perubahan terhadap sistem keturunan ini juga memberi kesan terhadap perubahan sistem panggilan dalam perhubungan antara keluarga sanak. Adalah menjadi satu fenomena pada masa sekarang, bahawa anak-anak kepada setiap pasangan mempunyai ikatan yang lebih rapat kepada keluarga sebelah ibu. Misalnya, perhubungan antara sepupu sekali sebelah ibu dilihat lebih rapat dibandingkan dengan hubungan mereka dengan sepupu sekali dari pihak sebelah bapa.

Untuk memperkuat sistem persanakan atau kekerabatan dalam kelompok sesebuah keluarga, masyarakat Melayu Brunei pada zaman dahulu mengamalkan ikatan perkahwinan secara endogamy. Ikatan kekeluargaan ini sudah menjadi amalan turun-temurun dari nenek moyang mereka. Tujuan perkahwinan itu adalah untuk mengeratkan hubungan antara sebuah keluarga dengan sebuah keluarga yang lainnya yang sememangnya mempunyai pertalian persaudaraan. Dalam ajaran agama Islam perkahwinan dalam kelompok saudara mara yang terdekat tidaklah menjadi larangan begitu juga dalam adat kebiasaan yang telah diamalkan. Justeru itu, sistem panggilan dalam lingkungan keluarga itu masih kekal kerana pasangan yang berkahwin itu masih mempunyai pertalian saudara yang masih rapat misalnya sepupu.

DIANTARA GELARAN / PANGGILAN KELUARGA DALAM SISTEM MELAYU TRADISIONAL



اعلان

BILANGAN 6

RABU 8 FEBRUARI 2006

1427 رابو 9 محرم

PERCUMA



JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN: JP/TAW/55/2005

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada

hari Selasa, 21 Februari 2006.

JP/TAW/55/2005 :

MENINGKATKAN TARAF JALAN MASUK DAN SALIRAN DI PROJEK KEMAJUAN PERTANIAN TANAH TUAH KULAPIS, DAERAH BRUNEI MUARA.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Yuran Tawaran sebanyak B\$200.00 wang tunai adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

BILANGAN TAWARAN: JP/TAW/53/2005 DAN JP/TAW/54/2005

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 14 Februari 2006.

JP/TAW/53/2005 :

DEVELOPMENT AND OPERATIONALIZATION OF A NATIONAL BIOSAFETY FRAMEWORK FOR BRUNEI DARUSSALAM

JP/TAW/54/2005 :

SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF ONE COMPLETE PACKAGE REQUIREMENTS FOR THE DETECTION AND IDENTIFICATION OF BACTERIA AND YEAST.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Yuran Tawaran bagi Bilangan Tawaran : JP/TAW/53/2005 ialah sebanyak B\$100.00 wang tunai sementara Yuran Tawaran bagi Bilangan Tawaran : JP/TAW/54/2005 ialah sebanyak \$ 200.00 wang tunai adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

PERATURAN PENGIKLANAN DALAM EDISI IKLAN PELITA BRUNEI

1. IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : Penerbit Iklan Pelita Brunei, Bahagian Akhbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Rang iklan hendaklah dimasukkan dalam disket menggunakan Microsoft Word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala persuratan mengenainya boleh dihantar dalam 'hard copy'.
3. Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki.
4. Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi deskripsi iklan yang dibukakan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.
5. Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, itupun jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walaubagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
6. Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari Sabtu sebelum jam 10.00 pagi bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.
7. Sebarang iklan yang hendak ditarik balik (dibatalkan) hendaklah dimaklumkan tidak lewat dari hari Khamis 11.30 pagi iaitu bagi iklan yang akan diterbitkan pada hari Rabu akan datang.
8. Hanya kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan sahaja yang diterima mengiklankan di PELITA BRUNEI.
9. Hanya permohonan iklan-iklan yang mematuhi syarat-syarat dan peraturan ini sahaja yang akan dipertimbangkan.

MAKLUMAN

LEBIH BANYAK IKLAN DI RUANGAN ANEKA MUKA SURAT 9, 10 DAN 11.

SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan

<http://www.brunet.bn/news/pelita/9feb/ikerja.htm>

Iklan-iklan tawaran

<http://www.brunet.bn/news/pelita/8feb/iiklan.htm>

iklan-iklan kursus

<http://www.brunet.bn/news/pelita/8feb/ikursus.htm>



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BPB/005/2006

"PEMBEKALAN DAN KERJA-KERJA PEMASANGAN ALAT HAWA DINGIN BAGI PEJABAT DAN STOR BARU, JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM"

Tarikh tutup : 14 Februari 2006, hari Selasa jam 2.00 petang. Harga Tawaran: \$100.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen dan Lukisan : B\$31.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas I, II, & III (Kategori 5j) sahaja.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Bangunan, Tingkat Dua (2), di Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Perkhidmatan Bangunan, Tingkat Dua (2), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/PSP/006/2006

"PEMBEKALAN ELEKTRIK BAGI PROJEK PLASTIC LENS INDUSTRI LAMBAK KANAN TIMUR (RETENDER)"

Tarikh tutup : 14 Mac 2006, hari Selasa jam 2.00 petang. Harga Tawaran: \$500.00 (tidak dikembalikan). Harga Dokumen : B\$50.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan Kelas III dan IV Kategori 7c sahaja.

Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perancangan Sistem dan Pengurusan Projek, Tingkat Satu, di Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila sertakan salinan BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17" dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) dengan kelas dan kategori tersebut diatas semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
DAN MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 47/2005

HSBC FINANCE (B) BERHAD

.....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
LAWAN

1. AWG AMINUDDIN BIN HAJI METUSSIN
(Warrant Card No. 2828)

2. SALINA BINTI ZENIN (Warrant Card No. 3005)

.....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 5 Januari 2006.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

1. AWG AMINUDDIN BIN HAJI METUSSIN,

2. SALINA BINTI ZENIN

B-3, 2nd Floor 'B', RUC Police Headquarters, Gadong BE1710, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 20 Jun 2005.

Bertarikh : 12 Januari 2006.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 Januari 2006. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 1 Mac 2006 jam 10.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 1 Mac 2006 jam 10.15 pagi.

Bertarikh : 12 Januari 2006.

LIM SIEW YEN

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 110/2005

PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI BERHAD

.....Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen
LAWAN

HJ JUHARI BIN MUDA @ USOP

(BYIC NO. 00-048195)

.....Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

SILA ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Januari 2006.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

HJ JUHARI BIN MUDA @ USOP,

No. 9, Simpang 132, Kampong Bebatik Kilanas, Mukim Kilanas, BH3223, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 11 Oktober 2005.

Bertarikh : 12 Januari 2006.

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN
PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 7 Januari 2006. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 22 Februari 2006 jam 9.00 pagi.

Untuk keterangan lanjut mengenai jawatan dan syarat-syaratnya sila layari laman web ACB (www.aseanbiodiversity.org) dan laman web sekretariat AEAN (www.aseanec.org). Tanggagaji dan pakej faedah keuntungan akan ditawarkan kepada pemohon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian dan berpengalaman bekerja.

Sila hantar surat permohonan awda (tidak melebihi 3 muka surat), 'resume' dan 'Personal History Form' yang lengkap (diperolehi dari laman-laman web di atas) dan salinan sijil-sijil pendidikan dan dokumen-dokumen yang relevan kepada:-

ASEAN Centre for Biodiversity (ACB)

c/o University of the Philippines,

3rd Floor, ERDB Building, Forestry, College, Laguna 4031,

The Philippines

Phone: + 63 (049) 536-1659, 536-4042

Fax: + 63 (049) 536-2865

Awda juga boleh menghantar surat permohonan ringkasan dan Personal History Form kepada job@aseanbiodiversity.org.

Tarikh tutup menghantar permohonan ialah **15 Mac 2006**. Permohonan yang lambat atau tidak lengkap tidak akan dilayan. Hanya calon-calon yang 'short-listed' sahaja akan dihubungi untuk penilaian seterusnya.

NOTIS-NOTIS JUALAN LELONG


**JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

ADALAH dengan ini, diberi notis bahawa jualan lelong barang-barang dan peralatan perkakas bomba pada hari/tarikh, masa dan tempat seperti berikut :-

Pada : Hari Rabu, 8 Februari 2006
(Diubah dari 2 Februari 2006)
Tempat : Ibu Pejabat Cawangan Operasi 'B' Daerah
Belait, Balai Bomba Seria.
Jam : 10.30 pagi

KETERANGAN BARANG

1) Manual Typewriter; a. Adler R/5/D/3/72/90; b. Adler F/51/3/91/90; c. Adler Universal 275 (TDK); d. Olympia, 2) Electronic Typewriter
a. Sharp XQ 345; F51/D1/224/91, 3) Conference Arm Chair, 4) Single Door Locker AEC 1110, 5) Single Pedestal Desk, 6) Rhino 4 Drawer Filling Cabinet, 7) Double Pedestal, 8) Personal Locker (Kayu).

Sehubungan itu, memorandum daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba Cawangan Operasi 'B' rujukan bilangan (02)BFS/OPB/P.HAPUSAN(BBS) bertarikh 4 Jun 2005 dan memorandum Pengerusi Lembaga Pemeriksa Tetap Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam rujukan bilangan LPT/42/2005/16 bertarikh 26 Julai 2005 serta memorandum S.U.T Kementerian Kewangan Negara Brunei Darussalam bilangan KKW/Z/493/40 bertarikh 28 November 2005.

KETERANGAN BARANG

1) Chain Saw 038 V & 038E; 2) Chainsaw HOSQUARNA CD02100 & 018 XP; 3) Chainsaw STIHL O11 AV; 4) Chainsaw 0.23 (Tdk); 5) Chainsaw Professional (Tdk); 6) Floating Pump 8HP; 7) Honda Generator (Tdk); 8) David Borton Emergency Light 1781884; 9) Brimotor a/ GS 2364; b/ GS 7500 c/ GS 5000; 10) Mesin Rumpit Surung; 11) Air Compressor a/ Energair 8320820; b/ Air Compressor 9220117; c/ Air Compressor SWANV21 (Tdk); 12) Battery Charger a/ 8844156 -20 b/ CRYPTON (Tdk) C/TI CRYPTON ; d/ High Rate Multiple HRC 15101; 13) YASUL Hydraulic Jack 394-070; 4) JACK BRAND BURY (Tdk); 15) Hurst Hydraulic 2380; 16) WIBER Hydraulic 3285

Sehubungan dengan itu Memorandum daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba Cawangan Operasi 'B' rujukan bilangan 493/40 bertarikh 28 November 2005 Memorandum daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba Cawangan Operasi "B" (01) BFS/OPB/P.HAPUSAN (OP.'B') bertarikh 26 April 2005 dan Memorandum daripada Pengerusi Lembaga Tetap Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam rujukan bilangan LPT/42/2005 / (02) bertarikh Mei 2005 serta Memorandum S.U.T. Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam rujukan bilangan KKW/493/40 bertarikh 16 November 2005.


**JABATAN BOMBA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
**JUALAN LELONG PERKAKAS/PERABOT
BAGI BALAI BOMBA TUMASEK**

ADALAH diberi notis bahawa jualan lelong bagi perkara di atas akan diadakan seperti berikut:-

Pada : Hari Khamis, 16 Februari 2006
Jam : 9.30 pagi
Tempat : Balai Bomba Tumasek

KETERANGAN BARANG

Manual Type Writer ADLER U275 F 51/D3/023/92; ADLER F51/D3/37/90, Photocopy Machine Minolta EP 470Z PC 292/ 88, Computer DELL JTMSN/TB17NIA/435/99, Office Arm Chair, Visitor Arm Chair.


**JABATAN
PERKHIDMATAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

1. ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa satu jualan lelong alat peralatan/ perkakas akan diadakan pada tempat, hari tarikh dan masa yang dinyatakan seperti berikut:-

Tarikh : Hari Sabtu, 25 Februari 2006
Jam : 9.30 pagi
Tempat Lelong : Pejabat Kesihatan Bangunan
Anggerek Desa

2. Jualan lelong berkenaan mempunyai syarat-syarat berikut:-

- Barang-barang yang dilelong boleh dilihat di tempat yang disediakan.
- Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai pada hari jualan Lelong diadakan dan seterusnya memindahkan barang-barang yang telah dibeli tidak lewat dua (2) hari dari tarikh pembayaran tersebut dan kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.

3. Keterangan barang-barang seperti berikut:-

- Pocket Doppler OB
- Auroclave


**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
(BILANGAN TAWARAN: JTB/NS/NSP/WiMAX/1/2006)

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE PROVISION OF TRANSMISSION FACILITIES TO CONNECT BELALONG ON A SEMI TURNKEY BASIS"
- Tawaran-tawaran berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan :-

TAWARAN BAGI
"REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE PROVISION
OF TRANSMISSION FACILITIES TO CONNECT
BELALONG ON A SEMI TURNKEY BASIS"

(BILANGAN TAWARAN: JTB/NS/NSP/WiMAX/1/2006)
Tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perhubungan
Jalan Menteri Besar BB3510
Negara Brunei Darussalam

Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 28 Februari 2006**

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat diperolehi dari Pejabat Pendaftaran Kontraktor dan Pengeluaran Tawaran, Tingkat Dua, Ibu Pejabat Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam BB3510 dengan menunjukkan resit cagar berjumlah B\$200.00 (tidak dikembalikan).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Pembayaran wang cagar hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau dengan cek tempatan berserta dengan Bank Guarantee.
- Sesi taklimat tawaran akan diadakan pada jam 2.30 petang pada hari Khamis, 9 Februari 2006 bertempat di Dewan Wijaya, Bangunan Ibu Pejabat Telekom, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam BB3510.


**PEJABAT POLIS MARIN
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

DIMAKLUMKAN kepada pelanggan-pelanggan atau orang ramai yang berminat untuk membuat pemeriksaan dan pengambilan Dokumen Sebutharga bagi barangan jualan lelong yang tersebut di bawah bolehlah diperolehi pada hari dan tempat seperti berikut:-

Tarikh : Hari Isnin, 20 Februari 2006
Jam : 9.00 pagi
Tempat : Pengkalan Polis Marin,
Muara,
Negara Brunei Darussalam.

**KETERANGAN BARANG-BARANG YANG AKAN
DILELONG**

- 11 Buah Bot-bot fiberglass dan aluminium terpakai
- 18 Buah Injin-injin sangkut terpakai

Dokumen sebutharga berkenaan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup di Tingkat bawah Ibu Pejabat Polis, Gadong seperti tersebut di bawah ini.

Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk sebutharga tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

Peti Tawaran Sebutharga,
Ibu Pejabat Polis, Gadong,
Jabatan Pasukan Polis Diraja Brunei,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Sebutharga : 001/HQ/2006-M

Tarikh Tutup Sebutharga : Hari Sabtu, 25 Februari 2006
tidak lewat jam 2.00 petang.

Mana-mana syarikat yang terlewat untuk memasukkan dokumen-dokumen tawaran sebutharga seperti yang dikehendaki dengan sendirinya tidak akan dilayan.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Unit Teknikal, Polis Marin, Muara di talian talipon: 2770546/7/8


**JABATAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa Jualan Lelong barang-barang akan diadakan seperti berikut:-

Pada : Hari Sabtu, 11 Februari 2006
Tempat : Bilik Persidangan Hospital P.I.H.M Temburong
Jam : 10.30 pagi

- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan dikehendaki memindahkan barang-barang yang dibeli pada hari perolehan tersebut.
- Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
- Barang-barang yang telah dibeli tetapi tidak dipindahkan pada hari perolehan tersebut maka barang akan dirampas dan dilelong semula.

KETERANGAN BARANG

1) Contraves Centrifuge M50, (2) Instrument Laboratory System 501, (3) Ames Serally 2 ER, (4) Ames Glucometer MIII, (5) Reiker Instrument CO Weighing, (6) Micro Hematocrit Centrifuge, (7) Sysmex Auto-Dilutor F 500, (8) Beckman Glucose Analyzer 2, (9) Beckman Bun Analyzer 2, (10) Sysmex Auto-Dilutor AD0260.

SISTEM PERSANAKAN MELAYU BRUNEI HADAPI ARUS

PERUBAHAN DALAM PENGGUNAANNYA

Dari muka 8

Apabila tahap pendidikan mereka semakin meningkat, sistem perkahwinan masyarakat Melayu Brunei dahulu itu telah turut mengalami perubahan. Masyarakat Melayu Brunei kini telah mengamalkan perkahwinan secara eksogami iaitu perkahwinan yang terjadi di luar keluarga sanak. Pasangan yang berkahwin itu tidak mempunyai hubungan darah. Lebih-lebih lagi apabila ajaran Islam itu mengesyorkan agar berkahwin di luar keluarga sanak kerana pasangan yang masih mempunyai pertalian saudara punyai pertalian saudara yang rapat itu akan melahirkan zuriat yang cacat dan ketumatan yang kurang cerdas. Di samping itu perkahwinan itu tidak akan tenteraman dan selalu terjadi pertengkaran yang akan membawa kepada penceraian.

Selain faktor agama, faktor sosial juga menjadi punca kepada perubahan perkahwinan ini. Keperluan untuk berinteraksi secara terbuka di luar lingkungan keluarga sanak telah menjadi elemen yang penting untuk memenuhi kesesuaian hidup selari dengan peradaran zaman. Peremuan individu dari satu masyarakat dengan individu dari masyarakat yang lain akhirnya menghasilkan hubungan selingkah kerop terjadinya perkahwinan eksogami ini. Apabila ahli dalam masyarakat Melayu Brunei itu berkahwin dengan orang lain (bukan ahli keluarga) maka sistem panggilan yang mereka gunakan mungkin berbeza. Jadi besar kemungkinan di antara mereka akan saling mempengaruhi. Seandainya ahli keluarga tersebut berkahwin dengan belian bangsa seperti bangsa Inggeris, Cina, India, orang Belait, orang Tunjung, orang Dusun, orang Murut, orang Iban dan sebagainya. Kemungkinan sistem panggilan yang digunakan oleh anak-anak mereka akan berubah atau bertamabah mengikut panggilan yang biasa digunakan oleh ibu atau bapa yang berbangsa atau berseku lain tersebut.

Selain itu, pekerjaan juga menjadi salah satu faktor perubahan ini. Kejauhan tempat bekerja dan tempat tinggal menyebabkan seseorang individu ingin mendapatkan tempat tinggal yang berhampiran dengan tempat kerjanya. Contohnya, Ali bekerja di Temburong untuk kemudiannya terpaksalah Ali mendapatkan tempat kediaman yang berhampiran dengan tempat bekerjanya. Ini menyebabkan Ali berjauhan dari kelompok keluarganya sanak.

PENGHILARAH ATAU PERPINDAHAN

Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, kerajaan telah merancang berbagai-bagai pembangunan melabai Rancangan Perumahan Negara iaitu Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati. Melalui skim ini telah memberikan kesempatan bagi masyarakat Melayu Brunei terutama yang tinggal di Kampung Ayer Berpindah ke kawasan darat. Selain itu, kejadian kebakaran yang kerap berlaku telah meranapkan berpuluh-puluh buah rumah di Kampung Ayer juga merupakan faktor kepada perubahan sistem persanakan itu.

Bagi pasangan yang baru berkahwin akan memilih tempat kediaman bagi menamakan kehidupan sebagai sebuah keluarga. Walaupun masyarakat Melayu Brunei pada dasarnya mengamalkan sistem patilineal, namun kebanyakan pasangan yang baru berkahwin selalu-memilih tempat kediaman mereka di kawasan kediaman para isteri. Pemilihan itu berdasarkan oleh perasaan dan sikap seseorang perempuan yang belum berseda untuk hidup berjauhan dari ibu bapa mereka. Mereka masih menghargai kehidupan oleh saudara mara. Ini membolehkan mereka untuk bekerjasama seperti begotong-royong, membantu melancarkan sebuah majlis perkahwinan. Oleh sebab

itu, mereka lebih banyak peluang dan masa untuk saling mengenali antara keluarga yang lainnya. Ikatan perhubungan saudara antara mereka didapati lebih erat dan mesra sehingga mampu mengenali sepupu empat kali mereka serta masih mampu mengekalkan sistem panggilan dalam hubungan kekerabatan keluarga tersebut.

Berbanding pada masa kini, setiap pasangan boleh memilih di mana sahaja tempat kediaman yang dirasakan berrsuaian bagi mereka. Mereka boleh memilih sama ada tinggal di tempat atau di kawasan pihak pertemuan atau pihak lelaki atau di tempat yang berasingan bagi mereka yang berkemampuan. Penempatan di luar lingkungan keluarga sanak telah semakin banyak diminati hasil dari perimitaan unsur-unsur moden dan sikap keterbukaan. Oleh yang demikian, ada antara sesubuh keluarga dituturan harian termasuk ikatan kekeluargaan antara saudara-mara mereka selakit sepupu dua kali (second cousin), di samping itu sistem panggilan dalam keluarga itu juga turut mengalami perubahan.

Selain itu, pekerjaan juga menjadi salah satu faktor perubahan ini. Kejauhan tempat bekerja dan tempat tinggal menyebabkan seseorang individu ingin mendapatkan tempat tinggal yang berhampiran dengan tempat kerjanya. Contohnya, Ali bekerja di Temburong untuk kemudiannya terpaksalah Ali mendapatkan tempat kediaman yang berhampiran dengan tempat bekerjanya. Ini menyebabkan Ali berjauhan dari kelompok keluarganya sanak.

Sein daripada bahasa Inggeris, bahasa Melayu Standard atau baku yang digunakan dalam sistem pendidikan di sekolah-sekolah juga telah menyebabkan perubahan dalam sistem panggilan ini. Penggunaan bahasa Standard di sekolah akan terbawabawa ketika bertubai-bual dengan ahli keluarga, jiran dan kawan-kawan. Sistem panggilan yang biasa digunakan yang bisa digunakkan akan berubah kepada bahasa Melayu baku terutama di kalangan generasi muda.

MEDIA MASSA

Media massa terutama televisyen dan video juga menjadi punca perubahan sistem panggilan ini. Masyarakat kita terdedah dengan begitu meluas kepada pengaruh televisyen dan video. Filem-filem yang ditayangkan melalui media tersebut sama ada filem Melayu atau Inggeris menampilkan pelakon atau watak yang menggunakan sistem panggilan tertentu mengikut budaya masing-masing. Bagi generasi muda terutama kanakkanak yang masih menahakan dengan apa yang mereka dengar dan lihat atau saksikan. Ini menyebabkan sistem panggilan dalam masyarakat Melayu Brunei ini bercampur aduk atau lebih tepat lagi mengalami perubahan.

PERCAULIAN

Masyarakat Melayu Sebelum kedatangan

Apabila taraf pendidikan bahasa Inggeris semakin meningkat, penggilan kekeluargaan terutama pulas istilah merujuk bagi kaum keluarga itu telah mengalami perubahan, sementara istilah nenyapa pula hanya berlaku beberapa perubahan. Meskipun penggunaan keci iaitu kipu seblangan keci iaitu terdiri dari generasi muda yang berpendidikan tetapi jika diibarkan berterusan, berkemungkinan besar sistem panggilan tradisional itu akan lenyap begitu saja dan diganti dengan sistem panggilan dalam bahasa Inggeris.

Dalam masyarakat Melayu Brunei, ibu dan bapa kepada kedua-dua orang tua dipanggil dengan panggilan 'ni bini' dan 'ni laki'. Panggilan 'ni' ini adalah singkatan bagi panggilan nihi atau nenek. Tetapi sekarang, kita mendapati anak-anak Melayu yang bertaraf 'educated' akan memanggil ibu dan bapa kepada kedua-dua orang tua mereka dengan panggilan 'grandpa' dan 'grandma' bukannya dengan panggilan 'ni laki' dan 'ni bini'. Manakala istilah merujuk pula ialah 'grandfather' dan 'grandmother'.

Selain itu, masyarakat Melayu Brunei biasanya memanggil kedua-dua orang tua mereka dengan panggilan 'bu', 'ma' dan 'pa'. Panggilan ini adalah singkatan bagi panggilan babu, mama dan bapa. Namun kini, gelaran itu telah diganti dengan panggilan 'mammy' dan 'daddy'. Begitu juga, istilah merujuk bapa tiru atau ibu tiru ialah 'stepfather' dan 'stepmother'.

Sementara itu, masyarakat Melayu Brunei dahulu akan memanggil anak-anak mereka dengan panggilan 'boy' bagi anak lelaki, 'girl' bagi anak perempuan dan 'baby' bagi anak yang masih kecil (anak lelaki atau perempuan). Selain itu, mereka juga akan memanggil abang dan adik lelaki kandung ialah 'son' sementara anak perempuan pula ialah 'daughter'. Istilah merujuk kepada anak tiri pula ialah 'step child', 'step brother' kakak dan adik perempuan kandung ialah 'sister'. Selain itu, istilah merujuk kepada abang dan adik lelaki tiri ialah 'stepbrother', manakala kakak dan adik perempuan tiri ialah 'stepsister'.

Bagi pasangan suami isteri, masyarakat dahulu biasanya suami memanggil isteri muda dengan singkatan nama seperti Fatimah dipanggil dengan 'Wah' sahaja. Bagi isteri pula akan memanggil suaminya dengan panggilan 'Ka' diikuti dengan singkatan panggilan 'Ka Mar'. Kini, istilah menyapa di antara suami isteri ialah 'darling' atau 'ling'. Istilah merujuk kepada suami ialah 'husband', isteri ialah 'wife', bapa mertua ialah 'father-in-law', ibu mertua ialah

sistem panggilan lain terutama sistem panggilan dalam bahasa Inggeris. Adanya perubahan berhubung dengan kekeluargaan lebih moden, lebih maju, lebih berpendidikan atau lebih tingkisananya apabila menggunakan sistem panggilan dalam bahasa Inggeris jika dibandingkan dengan orang yang masih menggunakan sistem panggilan tradisional itu.

Meskipun pada hakikatnya sistem panggilan itu telah menerima proses pemodenan, namun begitu masih ramai masyarakat Melayu Brunei yang menggunakan sistem panggilan tradisional yang diwarisi sejak turun-temurun. Bagi mereka, sistem panggilan itu mempunyai bebrapa fungsi yang tersendiri untuk menimbulkan konotasi tinggi atau menunjukkan rasa hormat dan memulakan seseorang memulakan tali kekeluargaan atau persaudaraan, menambah keakraban dan mengekalkan tali persahabatan di antara anggota dalam sesuatu masyarakat. Mengenali anggota atau ahli dalam sebuah keluarga dan mendidik generasi muda kini dan generasi akan datang mengimati orang yang lebih tua dan masyarakat sekitarnya, hubungan yang erat disertai dengan sifat bersopan santun dan hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain akan mewujudkan perasaan ingin bersikapaduk, bekerjasama, berolak ansur, tolong-menolong dan sopanmurnya. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak melupakan unsur-unsur lama dalam sistem panggilan ini. Walaupun pengaruh-pengaruh luar itu datang silih berganti, namun adat kebiasaan dan budaya sendiri yang menjadi identiti orang-orang Brunei tetapi menjadi kebanggaan mereka.

BIBLIOGRAFI

Abdullah Sidik. Dr. *Pengaruh Undang-undang Adat Di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975. Amat Juhari Moain. Profesor Madya Dr. *Sistem Panggilan Satu Lati Lathian Ilimah*. Universiti Brunei Darussalam, Seri 2000/2001. Fox Robin. *Persakuan dan Perkahwinan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985. Goode W. J. *Keluarga Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur, 1991. Hamdillah Haji Osman. *Sistem Persakuan Pada Bisay Brunei*. berlag. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Januari - Mac 2003.

Hajah Dayang Fatimah binti Haji Danti. *Sistem Panggilan Dalam Dialek Melayu Kampung Ayer*. Lathian Ilimah, Universiti Brunei Darussalam, Sesi 1991 - 1992.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

SEKSANYA JADI PERINDU

Rindu ...
sering datang dalam diri
tak kira tempat dan masa
terus bersarang di kalbu
damba untuk bertemu.

Aku di sini terus merindu
padamu yang jauh di sana
kita terpisah buat seketika
meski kau jauh di mata
tapi dekat di hatiku selalu.

Malam-malam kulalui penuh liku tanpamu
aku kepingin dengar tawamu
aku kangan bercanda denganmu seperti dulu
oh ...! Sangat kurindukan saat itu.

Baru kusedari
sungguh seksa menanggung rindu
makan tak kenyang tidur tak lena
mulut selalu sebut namamu
wajahmu berlegar di mindaku
kekadang aku keliru
bayang kusangka dirimu
amat besar dugaan ini.

Wahai sang bayu!
sampaikan salam rinduku padanya
bisik padanya 'Aku di sini sering merindu'.

Wahai sang burung!
utuskanlah berita darinya padaku
harap ia pun selalu merinduiku.

Oh ... Kekasihku!
tak sanggup lagi menanggung rindu
kapankah kita bertemu
sedang hati terus merindu
kupohon kita segera dipertemu
agar terlerai rasa rindu yang sentiasa
mencengkam kalbu
moga kita terus merindu hingga akhir waktu.

MUTIARA ALAM

Seluas mata memandang
kehijauan pepohon rimbun
menumbuhi bukit-bukit dan lurah
tersergam indah dengan kriteria tersendiri
menari-nari bila ditiup angin
bila dipandang:
menyejukkan mata
menenangkan fikiran
menstabilkan jiwa yang gundah-gulana.

Ini bukti kebesaran dan kekuasaan Allah
ciptaan yang agung
tiada tolok bandingnya
inilah yang dinamakan 'mutiara alam'.

Sampai kapan mutiara alam ini dapat
bertahan?
keasliannya tidak terusik
kesuciannya tidak tercemar
keindahannya tidak terhapus
tepek dada tanya selera.

Tamak, ingin kaya, gila harta
semua itu sifat yang tercela
bila sifat ini bersarang di dada
mula berbuat apa saja
asal maksud terlaksana.

Pepohon yang indah ditebang sesuka hati
lebih sadis membakarnya secara terbuka
akhirnya mengundang seribu bencana
bukan saja kepada manusia malah
juga binatang dan alam semesta
mereka masih mampu ketawa
tiada timbul rasa bersalah
keuntungan besar saja bermain di kepala
apabila cita hampir terlaksana.

Ke mana hilangnya sifat kemanusiaan?
kini bencana mula menjelma
unggas di hutan hilang segalanya
hilang anak, keluarga dan tempat berteduh
tanah susur merata-rata
banjir di mana-mana
udara kotor mula melebarkan sayapnya
mengundang penyakit kepada manusia.

Apakah ini yang mereka mahukan?
apakah ini yang mereka dambakan?

Cubalah fikir sebelum bertindak
jangan pentingkan diri sendiri
timbang baik buruknya
insya-Allah bencana dapat diduga.

Soffio

SYUKUR HAKIKI

Kurnia Maha Agung
insan yang sempurna
bersyukurilah syukur hakiki
sebagai abid takwa
dengan taat dan doa
pohonkan segala makruf
keampunan segala alpa.

Milik siapa sebenarnya kita?
milik siapa?
milik Yang Maha Pencipta.

Dengan mata melihat warna
keindahan jagat sarwa
dengan lidah petah bicara
curahan kalbu minda
dengan telinga mendengar suara
desiran rintihan keluhan
dengan hidung menghidu haruman
dengan hati dan jantung degupan
dengan akal yang berfikir
menggerakkan jentera diri
kearifan yang mendalam
menerima ilmu makrifat
kefahaman tentang hayat
terbukalah jendela hakikat.

Siapakah yang memberikan kepada insan
kekayaan ladang subur kehidupan?

Sedang para saintis mendabik:
"Akulah yang mencipta pembangunan
menara tinggi mengawan
roket yang memecah bulan
satelit dan globalisasi
kecanggihan maha ajaib
yang nyata dan yang ghaib."

Maka aku pun berkata:
"Jika benarlah segalanya
ciptalah sebuah mata
yang cantik dan arif
seunik kurnia Al-Khalik
mata yang mengerti
dan menghayati
murninya alam seni
riak alun getar perasaan
merakamkan sebuah perjalanan
indahnyanya kehidupan."

Pun mereka terpukul
oleh suatu soal unggul
iaitu 'Al-Nafs'
apa? Bagaimana? Ke mana?
'Al-Nafs' itu rahsia Ilahi
engkau tidak bisa bertahan
apabila saatmu tiba
pasti akan mengucapkan
selamat tinggal kepada dunia
dan engkau pun hilang di buana.

Demikian iktibar mengetuk
pintu hati insani
takwa dan tunduk kasih
bahawa kekurangan itu bukannya keaiban
demi menginsafi kebesaran Tuhan
hulurkanlah tangan kemanusiaan.

SEBATANG TONGKAT

Sebatang tongkat
yang dengannya bergerak
urat nadi seorang insan
menyusuri jalan-jalan berlalu
menyimpan seribu rahmat
padanya seribu hikmat
rahsia takdir.

Namun, berputus asa jangan
duduk di pinggir pun jangan
sebatang tongkat bukannya menentukan
nasib musafir di maya

abad kini cabarannya getir
terajunya alam fikir
makrifat ilmu yang utama
nilai yang mengangkat martabat
Khalifah Allah di bumi.

Sebatang tongkat tidak menutup ruang hayat
tidak menolak kudrat
yang Tuhan kurniakan kepada insan
iaitu akal yang berfikir
menyimpan khazanah dalam minda
dan dengan kebijaksanaannya
menukar lorong gelap kehidupan
tampak luas sawjana pandangan.

Maka tanpa mata zahir
hai orang bertongkat
bukanlah menutup mendung pekat
mendung akan berlalu
jika di hatimu takwa makrifat.

Zairis M. S.

MENGERTILAH

Oh kekasihku
tahukah kau ...
betapa hati ini menyayangi
rasanya tak dapat kumyatakan semuanya
tapi ...
cubalah mengerti.

Ketulusan ...
keikhlasan ...
tak dapat disukai lagi
seluruh jiwaku hanya untukmu.

Tiap nadi nafas
tiap kotak-katiknya
hanya menyebut namamu.

Namun semuanya kau ragukan
kau ragut sekejamnya
benih-benih cinta yang kusemai
hampir masak.

Teganya hatimu
meruntuh ... menghancurkan
mahligai cinta yang dibina ...
atas rasa cinta sejati.

Kini kumengerti
cinta sejati bukan milikmu
bukan milikku ...
tapi ...
pada yang hakiki.

SUMPAH SATERLA

Oh... bumi tercinta
tanah tumpah darahku
di sini hidupku
di sini matiku.

Akan kutabur dirimu
dengan benih-benih
bakti dan haruman sejati.

Akan kujaga dirimu
dengan pagar ...
dengan benteng ...
wira sejati.

Akan kuharumkan namamu
akan kuketuk pintu dunia
akan kugamit hati mereka
agar bisa bertakhta di hati.

Oh ... tanah airku tercinta
akan kuhancurkan ...
kupatah-patahkan ...
segala tamu tak diundang
segala hati tak seindah wajahnya.

Aku rela berjuang
inilah sumpah janji satriamu
daulat tanah airku
Brunei Darussalam.

WIRA DARUSSALAM

Kusanjung tinggi budimu
kusemat sedalamnya di lubuk hati
kerana kau wira sejati.
Rela berkorban
nyawa ... dan ...

segalanya demi ibu pertiwi.
Tiap sudut kau kunci rapi
tak rela walau sekecil debu membolosi
kerana itu janjimu.

Walau kau jauh nun di sana
berjuang bergadai nyawa
namun ...
kau tetap dekat di hati.

Jatuh bangun ...
gugur ...
berdiri ...
namun undur pantang sekali.

Jasamu tetap dikenang
kerana ...
kau pejuang terbilang
luhur sepanjang zaman
aman makmur pertiwi
tetap perjuangan
wira darussalam.

Sahibul

BILAKAH MASANYA?

Bila belum sempat bertaubat
jika sudah mati bagaimana?
kalau sudah menyesal macam mana?
adakah ada peluang keampunan di alam sana?
adakah Mungkar Nangkir menyampaikan
berita gembira?

Adakah layanan istimewa akan diberi?
adakah di sana diterangi oleh cahaya?
adakah pestanya sama seperti di dunia?
yang membuatkan diri kealpaan?
mana keseronokan yang selama ini dirasa?
mana kelibat orang yang akhir bersama?
adakah ianya orang ataupun si Malaikatul
Maut?

Apa akan jadi bila sesalan sudah terlambat?
dapatkah lagi meminta ampun di kala mati?
apa Mungkar dan Nangkir soal?
adakah berita baik bila berkelakuan buruk?
apakah dimarah dan disilang di saat gelap?
betulkah di barzakh nanti akan berduka?
adakah kengerian akan terus berlanjutan?
hingga keakhir zaman maya dan dunia?
benarkah sesal di akhir nanti tiada berguna?
bilakah lagi untuk bertaubat?

MIMPIKAN KEDAMAIAN DUNIA

Betapa indahnya dunia ini
seperti kulihat di dalam mimpi
melihat matahari terbit di timur
dan terbenamnya ia di barat.

Kutub utara selatan penuh diliputi salji
di tengah dunia penuh dengan kehijauan
air laut tenang tiada badai yang melanda
awan berarak mengikut haluan angin.

Anak-anak bebas berlarian dan bersuka
tanpa ketakutan tanpa keraguan
ibu bapa tersenyum lebar
nenek dan datuk ketawa
alangkah harmoninya mereka semua.

Askar perajurit soldadu berarak damai
tanpa sengketanya tanpa nista
tiada musuh hanya teman
pembesar dunia bergandingan tangan
bersama menerajui dunia
tanpa peperangan
tanpa rebut kuasa
tanpa menuding kesalahan.

Kenapa dunia tiada begini
seperti di dalam mimpi
yang penuh kedamaian.

Bilakah dunia?
ianya akan damai?

Adi Jaafar



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 8 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.02	TELENOVELA - 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
10.50	SPELLBINDER
11.20	LIPUTAN SEMASA
11.35	DRIVE
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QURAN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	SHAPIES/PRINCE STARLA AND THE JEWEL RIDERS
5.05	FAR FETCHED
5.30	DRAMA MOU STV12 - 'Selatan Semenanjung'
5.45	BERITA
6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	SINAR

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.20	MUZIK 05
7.44	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA - 'Misteri Rumah Sewa'
9.30	DI BRUNEI
10.00	NEWS AT 10
10.30	SUKAN
11.00	ANTARABANGSA
11.30	COSBY SHOW
11.30	DARK ANGEL
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 9 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.02	TELENOVELA - 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
10.50	SPELLBINDER
11.15	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
11.35	MASAK APA
12.00	FAMILY DRAMA - 'Matahariku'
12.36	AZAN ZUHUR

PETANG

1.00	EXTREME CONTACT
1.30	JUST FOR VARIETY

2.30	TEATER ASIA: PHILIPPINES MOVIE - 'Ngayong Naditoka'
3.57	AZAN ASAR
4.20	ANIMATION HOUR: 'Sleeping Beauty/ Mapple Town'
5.05	THE GAME PLAN
5.30	HIMALAYA WITH MICHAEL PLAIN
5.45	BERITA
6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATS

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.20	WARTA ISLAM
7.44	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA: 'Padamu Aku Bersimpuh'
11.00	WAYANG PILIHAN - 'Hart To Hart: Till Death Do Us Part'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 10 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.02	PLAY WITH SESAME
10.25	FRANKLIN
10.50	THE GENIE FROM DOWN UNDER
11.15	SELULU
11.30	BERITA
11.45	BEAUTY SECRETS FROM THE EAST
12.15	ART ATTACK
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
2.30	DIARI KEHIDUPAN - Ulangan
3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Itterag'
3.56	AZAN ASAR
4.02	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan
5.45	BERITA
5.55	SYIAR MASJID

6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	JALAN MENUJU ALLAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.20	SEIMBAS SR. 2 - Ulangan
7.44	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	TABIR SR. 1 - Ulangan
9.30	BIOLOGIC
10.00	NEWS AT 10
10.40	KHUTBAH JUMAAT
10.55	TELEDRAMA
12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 11 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	WHAT'S WITH ANDY - Siri Baru
10.30	THE LOST WORLD
10.50	STRANGE BUT TRUE
11.20	DRAMA CO. PROD - 'Kembang Semusim' - Ulangan
11.30	BERITA
12.00	DOKUMENTARI - 'Orang Kita' - Ulangan
12.36	AZAN ZUHUR

PETANG

12.45	PANGGUNG PETANG SABTU
2.15	DRIVE SR. 1
2.45	AGENDA: NASIS CONFERENCE - Ulangan
3.15	GILMORE GIRLS
3.56	AZAN ASAR
4.10	DELUGE - Episod akhir
5.00	THE NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRL
5.20	MALCOLM IN THE MIDDLE
5.45	BERITA
5.55	MESOPOTAMIA
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN AKIDAH

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.30	INNOVA 8
7.45	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN Hujung MINGGU
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'The Cell'
12.00	DEMON
12.35	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 12 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	ANIMATION HOUR - 'Magic School Bus'
10.30	NOAH AND SASKIA
11.00	PADA SUATU HARI
11.15	SUNDAY MATINEE - 'Rescue Me'
11.30	BERITA
12.36	AZAN ZUHUR

PETANG

1.15	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/ 2006 - PREVIEW
1.45	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2005/ 2006 - HIGHLIGHT
2.40	JUARA - Siaran Langsung
3.15	JUST KIDDING
3.56	AZAN ASAR
4.20	PHUA CHU KANG
4.45	KAUNSELING MASYARAKAT
5.15	PENGAJARAN DARI AL-QURAN
5.20	THE LEGEND OF DRAGON
5.45	BERITA
6.00	WORKING ANIMAL
6.34	AZAN MAGHRIB
6.40	IN MALAY REALM

MALAM

7.00	TAHUKAH AWDA SR. 3
7.45	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA
10.00	NEWS AT 10
11.50	NYPD BLUE
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

PAGI

ISNIN 13 FEBRUARI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	TELENOVELA - 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
10.50	SPELLBINDER
11.15	ENTRADE
11.40	BODY AND SOUL
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QURAN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	ANIMATION - 'Silver Brumby/Chuckle Wood Critters'
5.15	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
5.45	BERITA
6.10	YOUNG AND WILD
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	CLUB REMAJA BELIA - Ulangan
7.45	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA - 'Retak-retak Setalam'
9.30	EXPATS
10.00	NEWS AT 10
10.30	SUKAN GLOBAL
11.00	DOKUMENTARI
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 14 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QURAN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.02	TELENOVELA - 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)'
10.50	SPELLBINDER
11.15	LIPUTAN SEMASA
11.35	HALFWAY ACROSS THE GALEXY AND TURN-LEFT
12.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	TILAWAH AL-QURAN
4.15	RANCANGAN HARI INI
4.20	KIDS HOUR: 'Mapple Town / Why Why Family'
5.20	LAST EDENS
5.45	BERITA
6.33	KID SINAR
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	AL-ISLAM

MALAM

7.00	DRAMA - 'Kedai Kami'
7.30	DOKUMENTARI
7.45	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AGENDA: NASIS CONFERENCE
9.30	DRAMA - 'Aur Dengan Tebing'
10.00	NEWS AT 10
10.30	WITHOUT TRACE
11.15	THE PRETENDER
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

Cabaran masa kini perlu tahap profesionalisme lebih tinggi

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM ahmad.salim@information.gov.bn

GADONG, Sabtu, 28 Januari. - Sambutan Hari Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) Ke-85 2006 memberikan kita beberapa signifikan bagi kita sebagai penghargaan bagi mereka yang menjaga keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan bangsa serta negara.

Signifikan usia 85 tahun menggambarkan bahawa PDB telah mencapai usia yang matang dan mempunyai sejarahnya tersendiri dalam mengharungi masa senang dan getir dalam memberikan perkhidmatan kepada bangsa dan negara.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi menjelaskan perkara itu di Majlis Penyerahan Poster Sempena Sambutan Hari PDB Ke-85 Tahun yang berlangsung di Mes Pegawai PDB di sini.

Menurut beliau lagi, khidmat dan bakti yang dicurahkan itu menggambarkan PDB dapat mengekalkan keamanan dan ketenteraman yang berterusan bagi menjamin pembangunan negara untuk kesejahteraan semua lapisan masyarakat di negara ini.

"Usia yang matang ini juga dapat memberikan gambaran bahawa PDB telah melalui ujian dan menghadapi cabaran-ca-

baran sepanjang perkhidmatannya kepada bangsa dan negara, ujarnya.

Dalam masa yang sama ia juga memberikan gambaran betapa cabaran-cabaran terkini telah memerlukan ahli-ahli PDB untuk mencapai tahap profesionalisme yang lebih tinggi untuk mengharungi zaman yang serba canggih dan kompleks keperluan masyarakat dan negara.

"Keperluan seumpamanya bukan sahaja dihadapi oleh PDB tetapi juga agensi-agensi kerajaan yang lain selaras dengan aspirasi kerajaan dan negara," ujarnya.

Awang Haji Yusof seterusnya berkata, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri sentiasa akan memberikan kerjasama dan bantuan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta di negara ini bagi memberikan dan melaporkan apa jua aktiviti serta program yang dilaksanakan melalui media cetak seperti PELITA BRUNEI, Newsletter dan penerbitan poster.

Majlis diikuti dengan penyerahan poster oleh Awang Haji Yusof kepada wakil jabatan-jabatan dan cawangan-cawangan PDB di seluruh negara, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan,



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd Ali.

maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi serta sekolah-sekolah menengah di negara ini.

Sempena sambutan Hari PDB Ke-85 Tahun, Jabatan Penerangan telah menerbitkan sebanyak 2,000 keping poster yang merupakan kali kedua dilaksanakan dan kali pertama pada tahun lepas.

Selain itu Jabatan Penerangan juga menerbitkan beberapa poster lain, antaranya Sambutan Hari Kebangsaan, Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sebagainya.

BERWASPADA PENYAKIT SELESEMA BURUNG



Penyakit selesema burung ialah sejenis penyakit berjangkit di kalangan burung-burung, ayam, itik, dan unggas, yang boleh menjangkiti manusia.

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN

- Jaga kebersihan diri dengan sentiasa mencuci tangan dengan sabun dan air yang bersih.
- Jaga kebersihan persekitaran; rumah, terutamanya di ladang ternakan, rumah penyembelihan ayam dan pasar.
- Jaga kebersihan diri selepas mengendalikan ayam atau burung-burung.
- Elakkan mengunjungi ladang ternakan, sama ada di dalam atau di luar negeri.
- Kurong ayam perliharan, jangan dibiarkan berkeliaran.
- Hindarkan kanak-kanak dari menghampiri atau bermain-main dengan ayam dan burung-burung.

TANDA-TANDA PENYAKIT SELESEMA BURUNG:

- Demam badan yang mengejut (39°C)
- Sakit tekak/kerongkong
- Selesema
- Batuk
- Jangkitan mata
- Sesak nafas atau susah bernafas

Jika awda terdedah kepada ayam/burung-burung yang dijangkiti DAN mempunyai tanda-tanda di atas segera berjumpa doktor.

Untuk maklumat kesihatan selanjutnya, sila hubungi talian HealthLine 2381967

PENCEGAHAN MELALUI KEBERSIHAN



KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi ketika menyampaikan poster kepada seorang wakil jabatan kerajaan (kiri). - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd Ali.

Jambatan sepanjang 45 meter di Kg. Tamoi Tengah diperbaiki

OLEH ABU BAKAR HAJI ABD. RAHMAN
bakar.rahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Januari. - Bergotong-royong atau memucung-mucung merupakan tradisi dan amalan orang-orang Brunei yang diamalkan sejak dulu lagi yang dapat mengeratkan hubungan dalam kehidupan bermasyarakat.

Sehubungan dengan itu majlis seumpamanya telah diungayahkan hari ini oleh Majlis Perundingan Kampung Tamoi Tengah dan Tamoi Ujong bagi kerja-kerja membaiki pulih sebuah jambatan.

Kerja membaiki jambatan sepanjang 45 meter yang terletak di Kampung Tamoi Tengah mendapat kerjasama dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) dengan membantu menyediakan bahan-bahan binaan dan keperluan untuk pembaikannya sejak seminggu lalu.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop hadir di majlis tersebut sekali gus turun padang ber-

sama penduduk kampung membaiki pulih jambatan berkenaan.

Jambatan merupakan ke-

mudahan perhubungan bagi penduduk-penduduk di Kampung Ayer selain merupakan salah satu kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan di bawah kawalan dan seliaan JDBM.



PEGAWAI Daerah dan Muara Brunei, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop membuat kerja bergotong-royong dalam sama-sama membaiki pulih jambatan di Kampung Tamoi Tengah. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

S
i
B
u
d
i
m
a
n



AH... ANI BARU YA SAHIL...
TAU KITANI KAN KAHALALANNYA
CUKUP INDA LAGI WAS-WIS.
MIATU JUA BARANG MAKANAN
LAIN...MISTI BATANDA... APA NAMA
TU WANG...?

ANU TU NE.....
LOGO HALAL NYA.

N HIJRAH 1427 PERINGKAT NEGARA

litra

eri Hal
Ber-
Khatib
Setia
Bada-

keraja-
serta
ya me-
ng Far-
nah, di-
ca Doa
1427

Hakim
yariah,
Pehin
a Seri
a Seri
ilm.

Baginda
ja lain
eterus-
embah-
Ber-

Awal
ruskan
at-ayat
g diba-

Musa-
-Quran
ngsaan
h/2006

Mohd.
at-siran-
engiran
diikuti

Menteri
selaku
unkuasa

Harir-
a Tahun
as per-

h Tokoh
h Bakti
h diba-

erkenan
peng-
ketiga-

ijlis,
an oleh
in Datu

Paduka
Awang


Abdul Aziz, Mufti Kera-
jaan. Kemudian, baginda
bersama para jemaah me-
nunaikan Sembahyang
Fardu Isyak Berjemaah.

Sebelum berangkat
meninggalkan majlis, ba-
ginda berkenan beramah
mesra bersama para peneri-
ma anugerah dan menerima
junjung ziarah para jemaah.

BAGINDA semasa menyem-
purnakan penyampaian
Anugerah Bakti Hijrah ke-
pada Yang Berhormat Pehin
Siraja Khatib Dato Paduka
Seri Setia Ustaz Haji Awang
Yahya bin Haji Ibrahim
(kanan).



BAGINDA ketika menyempurnakan penyampaian Anugerah Bakti Hijrah kepada Orang Kaya Seri Wijaya Haji Abdullah bin Pehin Datu Panglima Haji Abu Bakar.



KEBERANGKATAN tiba baginda di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.



BAGINDA dan ahli kerabat diraja menadah tangan semasa doa selamat dibacakan sempena Awal Tahun Hijrah 1427.



SEBAHAGIAN para jemaah perempuan bersama-sama menghadiri diri bagi Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1427 di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah bersama para diplomat asing.

HALUAN



UCAPAN Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, yang dibacakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani, di Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara Kampung Harmoni pada hari Ahad 22 Januari 2006/21 Zulhijah 1426, di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara.

BERI KERJASAMA, BANTUAN KEPADA PIHAK KESELAMATAN AGENSI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Alameen Wassalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambia Walmursalee, Saidina Muhammad Wa'ala Aalihihi Wasabihiee Ajma'een.

Alhamdulillah segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana limpah rahmat, inayah serta izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada petang ini bagi Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara Kampung Harmoni. Selawat dan salam ke atas junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu, saya dengan tulus ikhlas sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Awang Haji A. Ahmad Husain, Penghulu Mukim Berakas 'A' selaku Pengerusi Majlis Perundingan Mukim Berakas 'A' dan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara Kampung Harmoni kerana berkesudian mengundang saya hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah pada petang ini.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak penganjur atas inisiatif dan usaha yang jitu dalam mengunakayahkan program seumpama ini yang mana antara lainnya bertujuan bagi menggalakkan ketua-ketua kampung di Mukim Berakas

sing-masing. Sistem pentadbiran dan pengurusan yang berkesan itu mencakupi kesempurnaan dalam menjaga hal-ehwal kebajikan anak buah mukim dan kampung, di samping menjalin dan mengeratkan kukuh lagi kerjasama, persefahaman dan perpaduan di kalangan anak buah mukim dan kampung yang terdiri dari pelbagai kaum dan bangsa di negara ini. Inilah sebenarnya yang menjadi harapan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Inilah juga sebenarnya yang menjadi harapan kita bersama. Harapan untuk memelihara dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan masyarakat, bangsa dan negara.

Adalah tidak dinafikan bahawa peranan penghulu mukim dan ketua kampung sebagai pemimpin di peringkat akar umbi adalah berat dan penuh dengan cabaran apatah lagi dengan perkembangan dan keadaan semasa. Kita sewajarnya mampu mengubah minda, cara berfikir dan mempunyai pendekatan yang lebih positif dan proaktif supaya institusi penghulu dan ketua kampung itu akan terus relevan dengan hasrat dan wawasan negara. Ciri-ciri kepimpinan dan etika kerja yang murni sepatutnya diterapkan dan dihayati sepenuhnya. Tugas dan tanggungjawab sewajarnya ditunaikan dengan penuh jujur, amanah, berwibawa, secara lebih terbuka serta dapat menjadi contoh teladan kepada anak-anak buah kampung. Konsep 'syura' iaitu permesyuaran dan permusyawaratan hendaklah sentiasa diamalkan dan dijadikan budaya bukan sahaja di kalangan penghulu dan ketua kampung malahan juga di kalangan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Jawatankuasa Kejiranan Kampung serta persatuan-persatuan belia, institusi-

institusi pendidikan serta sektor swasta dalam merancang atau mengendalikan apa jua bentuk projek atau program yang berkebaikan dan bermanfaat kepada mukim atau kampung yang berkenaan.

Salah satu peranan dan tugas yang perlu dititikberatkan dan diambil perhatian oleh setiap penghulu atau ketua kampung adalah sikap pemedulian dan keprihatinan dalam mengalinga hal-ehwal kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini. Tidak dapat dinafikan bahawa bantuan-bantuan sering kali diberikan oleh agensi-agensi kerajaan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

Walau bagaimanapun, bantuan-bantuan berkenaan tidak akan menepati sasaran yang sebenarnya tanpa adanya maklumat yang betul dan tepat. Sering kali didapati bahawa mereka yang benar-benar memerlukan bantuan inilah yang sukar untuk bersuara dan tampil ke hadapan bagi sama-sama meminta atau mendapatkan bantuan. Di sinilah terletak tugas dan tanggungjawab penghulu dan ketua kampung dalam memastikan hal-ehwal kebajikan dan kesejahteraan anak-anak buah di bawah jagaannya akan sentiasa terpelihara ke arah itu setiap ketua kampung perlu lah mengamalkan sikap proaktif, pemedulian dan komited dengan tidak hanya berdiam diri menunggu kedatangan anak-anak buah kampung tetapi haruslah sentiasa keluar rumah atau turun padang bagi mengadakan lawatan ke persekitaran kampung untuk melihat secara dekat dan langsung keadaan sekeliling berjumpa dengan anak-anak buah berinteraksi, berbincang, bermusyawarah serta mendengar apa jua permasalahan yang diajukan oleh anak-anak buah kampung. Melalui

interaksi dan permusyawaratan sebegini nanti akan dapat mewujudkan perpaduan yang kukuh dan mantap di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini, di samping dapat melahirkan masyarakat yang stabil dengan sistem saling mendukung (support) dan saling bergantung (interdependent) di antara satu dengan yang lain. Tanpa adanya sistem dukungan dan pergantungan ini kemungkinan masyarakat akan menjadi pincang dan longgar dan tidak mempunyai ikatan sosial yang kukuh yang mana menjadi teras keutuhan survival bangsa ada negara.

Dalam pada itu kita juga sering mendengar melalui berita atau akhbar-akhbar mengenai dengan kes-kes jenayah, penyalahgunaan dadah, pesalah-pesalah imigresen serta kegiatan-kegiatan penyeludupan barang-barang yang dilarang serta juga penglibatan belia-belie dalam masalah-masalah sosial. Kita tidak sepatutnya menyerahkannya perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam kerajaan semata-mata kerana masalah tersebut tidak akan dapat ditangani secara berkesan tanpa adanya kerjasama, keprihatinan dan komitmen yang jitu daripada semua lapisan masyarakat. Dari itu, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung dan penduduk-penduduk mukim dan kampung melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Jawatankuasa Kejiranan Kampung selaku mereka yang lebih arif dan mengetahui tentang keadaan kampung dan persekitarannya hendaklah sentiasa memberikan kerjasama dan bantuan kepada pihak-pihak keselamatan dan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dalam mengawasi dan memata-

matai apa jua kegiatan yang mencurigakan yang mampu mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian mukim atau kampung. Sebarang perkara atau kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak yang berwajib. Dengan adanya kesedaran rasa tanggungjawab dan kerjasama yang erat lagi padu yang diberikan kepada agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang ini insya Allah kita akan dapat bersama-sama mengekalkan keselamatan, keamanan, ketenteraman, kesejahteraan dan seterusnya keharmonian kampung dan mukim khususnya dan negara amnya.

Dalam keselamatan ini, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Majlis Perundingan Mukim Berakas 'A' kerana mengunakayahkan pelbagai projek atau aktiviti yang berunsurkan kemasyarakatan, keagamaan, kebajikan dan kesukuan yang melibatkan semua peringkat di mukim ini dan juga yang melibatkan golongan belia dan anak-anak buah mukim dan kampung. Semogalah usaha yang berkebaikan seperti ini akan dapat diteruskan malahan dipertingkatkan lagi serta akan dapat dijadikan sebagai contoh teladan kepada Majlis-majlis Perundingan Mukim yang lain ke arah sama-sama menggerakkan dan memantapkan lagi keharmonian dan perpaduan bermasyarakat termasuklah usaha menangani masalah-masalah sosial dan gejala-gejala yang tidak diinginkan. Dengan adanya projek seumpama ini juga akan dapat memupuk semangat muhibah dan toleransi, di samping

memperlihatkan penyer-taan dan penglibatan masyarakat dari pelbagai kaum dan bangsa dalam mewujudkan keharmonian dalam bermasyarakat. Keharmonian sebegini insya Allah akan dapat menggarap serta menggerakkan keutuhan dan perpaduan hidup bermasyarakat dalam menaati hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Selain daripada itu saya juga berpendapat projek ini akan dapat memberikan peluang kepada para remaja dan belia untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang sihat dan berfaedah serta mengelakkan diri daripada melakukan gejala-gejala atau anasir-anasir yang tidak diinginkan yang mampu mengganggu gugat ketenteraman dan keharmonian berkampung dan bermasyarakat. Apa yang diharapkan agar Projek Sayembara Kampung Harmoni ini nanti tidak akan berhenti setakat di sini sahaja. Seharusnya ia hendaklah dijadikan sebagai tanda permulaan atau perintis kepada projek-projek yang lebih besar dan mencabar lagi.

Akhirnya, sekali lagi saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam mengunakayahkan dan menyalurkan Projek Sayembara Kampung Harmoni ini. Mudah-mudahan segala apa jua sumbangan, khidmat bakti serta penglibatan yang diberikan dalam sama-sama mengunakayahkan projek ini akan mendapat ganjaran yang sebaik-baiknya daripada Allah Subhanahu Wataala jua. Amin yarab-balamin.

Sekian, Wabillahir Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

'A' melalui Majlis Perundingan Kampung masing-masing untuk bergerak aktif dalam memajukan dan membangunkan kampung, memupuk semangat perpaduan di kalangan penduduk-penduduk kampung serta mengamalkan budaya 'berdaya saing' secara sihat di kalangan ketua-ketua kampung. Saya semangannya amat mengalu-alukan apa jua bentuk aktiviti atau program yang dilaksanakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang boleh menarik minat dan penglibatan anak-anak buah mukim dan kampung dalam sama-sama menggerakkan dan mengembangkannya lagi institusi mukim dan kampung di negara ini.

Aktiviti-aktiviti yang berunsurkan kebajikan dan kesejahteraan ini hendaklah diunakayahkan dari masa ke semasa dalam bersama-sama menyatupadukan golongan masyarakat bukan sahaja dalam bidang kemasyarakatan, sosial, kebudayaan, keagamaan dan kesukuan, malahan juga aktiviti-aktiviti perekonomian yang dapat meningkatkan taraf hidup anak-anak buah kampung di Mukim Berakas 'A' ini. Oleh itu saya percaya majlis pada petang ini sudah setenteranya akan memberikan pengiktirafan dan galakan kepada kampung-kampung yang berkecayaan dan seterusnya akan dapat dijadikan sebagai contoh dan ikutan oleh kampung-kampung yang lain di negara ini.

Keharmonian sesebuah kampung itu terletak kepada pelbagai aspek. Aspek-aspek tersebut termasuklah kebersihan persekitaran kampung, keaktifan Majlis Perundingan Kampung serta tahap kepimpinan dan pemedulian ketua-ketua kampung terhadap anak-anak buahnya. Saya percaya bahawa aspek-aspek yang saya

Kementerian Pendidikan berhati-hati tangani peluang perubahan pesat teknologi

OLEH HAJI AHMAD HAJI SALIM ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 24 Januari. - Kementerian Pendidikan sangat berhati-hati dan mengambil langkah proaktif dalam menangani peluang-peluang yang tersedia dalam perubahan pesat teknologi.

Di samping itu ia juga berhati-hati mengatasi cabaran-cabaran untuk mewujudkan generasi Brunei yang syumul dan hidup dengan bahagia di dunia dan di akhirat.

Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad berkata demikian di Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Pertama Mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Pendidikan berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurutnya prasarana sistem teknologi maklumat (IT) yang berkesan sedang dipakai oleh Kementerian Pendidikan adalah juga standard yang tertinggi yang terdapat di rantau ini, jikapun tidak bertaraf kelas dunia.

Sebelum akhir tahun ini, tambahnya, kebanyakan Projek e-Pendidikan akan siap sedia untuk menyempatkan perkhidmatan IT yang tertentu.

"Kita perlu menyediakan pelajar-pelajar kita, dalam generasi masa kini dan juga bagi generasi akan datang untuk menjadi berkesan dalam menyumbangkan kepada perkembangan dan pembangunan negara," jelas Yang Mulia.

Mereka, kata Yang Mulia, tidak hanya menjadi pengguna yang berkesan dan bijaksana tentang teknologi, tetapi juga menjadi pencipta dan pengeluar inovatif dan kreatif di masa mendatang dan IT sentiasa berkembang begitu juga dengan pendekatan kita.

"Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang menyedari hakikat berkenaan dan telah memperuntukkan satu jumlah yang besar bagi pembangunan ICT dalam institusi pendidikan rendah, menengah dan tinggi," jelas Pemangku Menteri Pendidikan.

Sebagai balasan kepada kemurahan hati baginda itu maka kita hendaklah mencapai sasaran yang telah ditentukan di depan kita dan memantau kualiti pengajaran serta aktiviti pembelajaran dalam institusi kita melalui ICT bagi meng-

hasilkan pelajar yang berkepakaran untuk menghadapi cabaran di masa depan, jelas Yang Mulia lagi.

Persidangan Kebangsaan Pendidikan ICT pertama bermula hari ini sehingga 26 Januari dengan pembentangan 20 kertas kerja oleh penceramah undangan dari England, Republik Singapura, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Antara kertas kerja yang dibentangkan dalam persidangan itu ialah Dapatkan Kepakaran Terhadap Jaringan, Implikasi Permain Digital dalam Pendidikan, Perbezaan ICT dan Jantina Dalam Sikap Pelajar Ke Arah Biologi dan Merealisasikan Pembelajaran Masa Hadapan Melalui Pembelajaran.

Dalam kertas kerja yang pertama bertajuk 'Peranan Infokomunikasi Dalam Pendidikan' yang disampaikan oleh Profesor Pendidikan IT, Profesor Margaret Cox daripada Bahagian Pendidikan dan Professional Studies King's College London University, London antara lain menggariskan perkara yang timbul melibatkan isu yang berhubung dengan pendidikan ICT.

Antara perkara itu terangnya ialah hubungan

antara persekitaran ICT dan kandungan subjek selain serta keyakinan dalam penggunaan ICT, guru yang mempunyai keyakinan dalam penggunaan sumber ICT dapat merancang serta melaksanakan aktiviti pembelajaran yang sesuai.

Katanya terdapat software pendidikan versatile di samping jumlah besar hardware dalam pendidikan dan persekitaran pembelajaran yang memberi kesan terhadap teknologi baru dalam peluang pembelajaran.

"Dengan meningkatkan komitmen terhadap tugas pembelajaran, di samping banyak tanggungjawab terhadap pembelajaran adalah antara kesan ICT dalam motivasi dan sikap," jelas Yang Mulia.

Persidangan yang pertama itu bertujuan memberi kesempatan para guru untuk bertukar-tukar pendapat dan pengalaman serta mengadakan perbincangan mengenai ICT di antara satu dengan yang lain.

Persidangan juga dapat meningkatkan kesedaran orang awam dalam memahami perkembangan semasa mengenai pendidikan IT serta meningkatkan peranan utama ICT dalam pendidikan yang lebih berkualiti.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad semasa merasmikan persidangan berkenaan. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Acara perayaan diharapkan 'walih' daripada sebelumnya

OLEH RUSYDINA HAJI JUNAIDI

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 25 Januari. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop menyuarakan harapan supaya sambutan acara-acara perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara pada tahun ini 'walih' daripada sambutan-sambutan perayaan sebelumnya.

Ini memandangkan bahawa sambutan perayaan pada tahun 2006 merupakan sempena memperingati ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-60.

Beliau menekankan perkara tersebut semasa memperkerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 bagi Daerah Brunei dan Muara berlangsung di Jabatan Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Dato Paduka pada majlis itu juga memaklumkan, bahawa perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-60 pada tahun 2006 ini bagi daerah tersebut sekali lagi di amanahkan kepada beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi sebagaimana yang diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat pagi itu antara lain telah membincangkan mengenai Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama

Rakyat dan penduduk Daerah Brunei dan Muara, format persembahan dan meneliti acara-acara perayaan yang akan diadakan pada tahun ini.

Pada mesyuarat itu, Dato Paduka juga memaklumkan bahawa dua tempat telah dicadangkan bagi mengadakan Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Bercemar Duli dan Beramah Mesra Bersama Rakyat dan penduduk Daerah Brunei dan Muara iaitu di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan atau di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Walau bagaimanapun, menurut Dato Paduka, tarikh dan tempat bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat belum ditetapkan kerana ia masih lagi dalam perbincangan.

Sambutan ulang tahun Hari keputeraan berbeza, lebih meriah

KUALA BELAIT, Selasa, 17 Januari. - Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman berkata perayaan sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 bagi Daerah Belait tahun ini akan berbeza dan lebih meriah dari sambutan sebelumnya.

Awang Haji Mohammad selaku Pengerusi sambutan tersebut menekankan perkara itu semasa mesyuarat pertama jawatankuasa tertinggi sambutan perayaan bagi daerah ini yang diadakan di Dewan Santap di sini.

Beliau seterusnya berharap kejayaan sambutan

yang diraikan pada tahun sebelumnya akan menjadi asas untuk menganjurkan sambutan yang lebih meriah, di samping membentuk dan membudayakan sikap perpaduan yang telah wujud sekian lama dalam menjayakan dan menyelenggarakan sambutan perayaan tahun ini.

Tambahnya, penyertaan rakyat dan penduduk sambutan merupakan manifestasi ketaatsetiaan mereka kepada raja. Sambutan yang diadakan setiap tahun bukan semata-mata satu tradisi tetapi keupayaan rakyat dan penduduk untuk mencipta tamadun dan proses pembentukan negara dan bangsa.

Selain itu ianya juga membentuk jati diri bangsa, kerana tradisi dan sambutan mempunyai unsur-unsur ke-

walihan (keunikan) daripada negara dan bangsa lain termasuk negara-negara yang mengamalkan sistem beraja, ujanya.

Sambutan juga, katanya, bagi membentuk perpaduan bangsa dan penduduk untuk mendukung dan mempertahankan raja sebagai teras dan pasak pemerintahan negara ini di mana perpaduan itulah satu elemen yang penting yang dapat dibentuk dan membudayakannya.

Atas perpaduan itulah beliau berharap ia akan dapat diteruskan dan dipertahankan sebagai komitmen untuk menjayakan sambutan pada tahun ini agar lebih meningkat dan mantap kerana perpaduan yang dibina sekian lama akan dapat menciptakan satu kejayaan yang lebih cemerlang lagi.

Mesyuarat antara lain membincangkan format dan acara-acara sambutan tahun ini. Sebanyak 22 acara dijangka diadakan dalam sambutan tahun ini, antaranya Festival Air, Pertandingan Fotografi dan lukisan. Selain itu acara yang dijangka menarik tahun ini buat kali pertama diadakan persembahan permainan bunga api dan Malam Gemerlapan 60, manakala acara kemuncaknya Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat.

Mesyuarat juga membubarkan ahli jawatankuasa tertinggi 2005 dan melantik jawatankuasa tertinggi yang baru bagi sambutan perayaan peringkat Daerah Belait serta laporan kewangan dan pengesahan kunci kira-kira.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop ketika memperkerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-60. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

PENGUNDIAN, PEMILIHAN CALON KETUA KAMPUNG

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Sungai Siamas / Kampung Ujong Kelinik, Mukim Sungai Kebun bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Bagi Calon Ketua Kampung Sungai Siamas / Kampung Ujong Kelinik, Mukim Sungai Kebun akan diadakan pada hari Ahad, 5 Safar 1427 Hijrah bersamaan 5 Mac 2006 Masihi di Sekolah Rendah Sungai Siamas, Mukim Sungai Kebun mulai jam 8.00 hingga 11.00 pagi.

Oleh itu Jabatan Daerah Brunei dan Muara memohon

kerjasama para penduduk Kampung Sungai Siamas / Ujong Kelinik yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas serta tinggal bermastautin di kampung berkenaan dan nama-nama mereka yang terdapat dalam senarai Daftar Pengundi Penduduk adalah diminta hadir dengan membawa Kad Pengenalalan Pintar masing-masing.

Para penduduk kampung yang tidak ada nama mereka di dalam senarai Daftar Pengundi Penduduk, Kampung Sungai Siamas / Ujong Kelinik Mukim Sungai Kebun

hendaklah terlebih dahulu mendaftar nama-nama mereka kepada Pemangku Ketua Kampung Sungai Siamas / Ujong Kelinik, Pengarah Awang Haji Basi atau ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara mulai tarikh pendaftaran dibuka.

Pendaftaran bagi majlis pengundian dan pemilihan itu dibuka mulai 5 Februari 2006 hingga 4 Mac 2006. Pendaftaran juga boleh diterima selewat-lewatnya sehari sebelum majlis pengundian dijalankan iaitu hari Sabtu, 4 Mac 2006.

Pendaftaran berkenaan adalah amat penting kerana mana-mana penduduk kampung yang tidak tersenarai nama-nama mereka dalam Senarai Daftar Pengundi semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Sungai Siamas / Ujong Kelinik, tidak akan dibenarkan untuk mengundi pada hari pengundian tersebut.

Kehadiran dan kerjasama penduduk Kampung Sungai Siamas / Ujong Kelinik, Mukim Sungai Kebun adalah sangat-sangat diharapkan dan diucapkan terima kasih.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Muhammad bin Haji Abdul Rahman semasa memperkerusi mesyuarat berkenaan. - Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli.

DPMM prihatin terhadap pelaksanaan tugas, tanggungjawab agensi pertahanan

LIPUTAN BOLHASSAN HAJI ABU BAKAR bolhassan.bakar@information.gov.bn
DAN ALIDDIN HAJI MOKTAL aliddin.moktal@information.gov.bn
FOTO: HARUN HAJI RASHID

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hari ini berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja ke Jabatanarah Perisikan Kementerian Pertahanan di sini.

Lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia merupakan lanjutan keberangkatan berjadual ke Kementerian Pertahanan pada 25 Januari.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Kementerian Pertahanan dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri

Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Rashid serta pegawai-pegawai kanan ABDB.

Turut hadir semasa keberangkatan lawatan itu ialah Setiausaha Tetap JPM, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman dan Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Dayang Hajjah

Salbiah.

Atur cara keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia bermula dengan sesi sembah taklimat daripada Pengarah Perisikan, Leftenan Kolonel Rae'mi bin Haji Malek yang antara lain menyebarkan mengenai struktur organisasi, fungsi dan peranan jabatan berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung berangkat melawat ke bahagian-bahagian di bawah Jabatanarah Perisikan termasuk kemudahan-kemudahan yang terdapat di jabatan tersebut, di samping disebarkan penerangan mengenai peranan dan fungsi bahagian masing-masing.

Keberangkatan siri lawat-

an kerja itu menunjukkan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap pelaksanaan tugas dan tanggungjawab salah satu lagi agensi pertahanan penting di ABDB dan Kementerian Pertahanan.

Adalah diharapkan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia itu akan menjadi pemangkin kepada semua kakitangan kerajaan termasuk para anggota tentera dan awam ABDB dan Kementerian Pertahanan untuk menjalankan tugas serta tanggungjawab masing-masing dengan lebih iltizam, dedikasi dan efisien.

Sebelum mengakhiri lawatan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani siri keberangkatan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri disebarkan taklimat mengenai struktur organisasi, fungsi dan peranan Jabatanarah Perisikan Kementerian Pertahanan.



SALAH satu kemudahan yang menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia semasa berangkat mengadakan lawatan kerja ke Jabatanarah Perisikan Kementerian Pertahanan (kanan).

KEBERANGKATAN tiba DTYM di Kementerian Pertahanan dijunjung oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki; Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia ketika berangkat melawat ke bahagian-bahagian di bawah Jabatanarah Perisikan Kementerian Pertahanan (kiri).



TERTARIK ... Duli Yang Teramat Mulia tertarik mengenai pameran yang terdapat di jabatan berkenaan (atas).

TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin menyebarkan penerangan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia semasa keberangkatan lawatan kerja ke Jabatanarah Perisikan Kementerian Pertahanan (kanan).



SEBELUM berangkat mengakhiri lawatan kerja ke Jabatanarah Perisikan Kementerian Pertahanan, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan menandatangani siri keberangkatan (bawah).



Matlamat pos beri khidmat, kemudahan

NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dato Paduka Dr. Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu. – Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

PENGHIDAP PENYAKIT BUAH PINGGANG MENINGKAT

SUMBANGAN NOOR KHADIJAH HAJI TENGAH

BILANGAN penghidap penyakit buah pinggang yang menjalani dialisis di Negara Brunei Darussalam semakin meningkat yang mana seramai 265 pesakit telah menjalani rawatan Haemodialisis dan seramai 65 pesakit menerima rawatan Peritoneal Dialysis.

Isu penyakit buah pinggang atau Renal Failure (Nephrology) sering kali dibicarakan dan dibincangkan, namun perkara tersebut masih lagi tidak dapat meningkatkan kesedaran masyarakat, kerana jumlah pesakit yang menghidap penyakit tersebut di negara ini semakin bertambah.

Penyakit buah pinggang bukanlah fenomena baru di negara ini dan terdapat beberapa cara untuk menangani masalah yang dialami oleh penghidap penyakit tersebut termasuklah pemindahan organ buah pinggang, pencucian cecair darah, pencucian melalui ruang peritoneum dan Continuous Ambulatory Dialysis (CAPD).

Kegagalan buah pinggang atau ginjal biasanya berlaku tanpa disedari kerana ia jarang menunjukkan sebarang gejala hinggalah buah pinggang tidak boleh berfungsi lagi. Pada ketika ini baru timbul pelbagai gejala tidak menyenangkan seperti kerap kencing pada tengah malam, cepat letih, kurang selera makan, kaki bengkak atau kencing berdarah.

Buah pinggang adalah organ berbentuk kacang lima. Setiap manusia ada dua buah pinggang dan berat setiap satu kira-kira 150 gram. Kedua-dua buah pinggang terletak atas sedikit daripada pinggang di belakang rongga abdomen. Arteri renal membawa darah daripada jantung ke buah pinggang.

Satu tiub disebut ureter mengalirkan darah daripada setiap buah pinggang ke pundi-pundi. Setiap buah pinggang mengandungi lebih sejuta struktur berbentuk bola kecil dinamakan glomeruli. Glomeruli terletak di korteks atau bahagian luar buah pinggang. Fungsinya ialah menapis cecair mengandungi glukosa, asid amino, garam dan bahan kotor daripada darah.

Buah pinggang melakukan proses utama untuk mengekalkan keseimbangan kimia dalam cecair tubuh manusia di mana proses kesinambungan tersebut dinamakan homeostasis. Ia juga membersihkan darah kita yang mengandungi campuran garam galian dan

air yang mencukupi serta mengekalkan tahap asid alkali di dalam cecair tubuh manusia.

Dengan berfungsi sebagai bahan penapis, buah pinggang memastikan bahan yang baik diserap ke dalam darah dan bahan yang tidak diperlukan tubuh (toksin) dikeluarkan dalam bentuk air kencing. Umpamanya jika kita minum banyak air dengan cepat, air terus memasuki saluran darah dan mempunyai kesan mencairkan darah. Apabila darah yang cair tersebut memasuki buah pinggang, air yang berlebihan dikeluarkan secara automatik sebagai air kencing. Sama juga jika tubuh badan kita banyak berpeluh, tubuh kekurangan air dan air kencing berwarna pekat sehinggalah buah pinggang mengumpul jumlah air yang cukup.

Buah pinggang berupaya melakukan proses ini kerana darah daripada arteri renal memasuki buah pinggang dengan tekanan yang kuat. Tekanan ini memaksa cecair tadi ke medulla melalui beberapa tiub kecil. Tiub ini dikelilingi oleh saluran darah yang meresapkan zat dan air yang diperlukan tubuh.

Darah yang ditapis tadi kemudian ke luar daripada buah pinggang melalui saluran renal dan membuat pusingan semula. Cecair yang ditapis ini mengandungi bahan kotor yang terkumpul dalam pundi-pundi kencing. Air kencing keluar daripada tubuh melalui



satu lagi saluran yang dinamakan uretra. Kesemua sistem daripada buah pinggang ke uretra dikenali sebagai sistem buah pinggang.

Secara umumnya buah pinggang ada empat tugas utama, iaitu membuang cecair berlebihan daripada badan; menuras darah (mengambil balik khasiat yang diperlukan dan membuang bahan tidak berguna), kiraan sel darah merah dan jumlah mineral dalam badan serta mengekalkan tulang yang sihat.

Banyak faktor boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang, tetapi paling utama ialah kencing manis (diabetes mellitus) dan tekanan darah tinggi (hipertensi).

Selain itu, penyakit darah yang merosakkan bahagian penuras buah pinggang dipanggil Glomerulonefritis, Sistemik Lupus Eritematosus (SLE), kehadiran batu karang dan jangkitan salur kencing juga boleh menyebabkan kegagalan ginjal. Malah individu yang ada sejarah keluarga mengalami penyakit buah pinggang (keturunan) perlu berhati-hati kerana mereka juga berisiko tinggi untuk mendapat

penyakit yang sama.

Mengambil terlampau banyak bahan toksik seperti berlebihan asam melalui makanan berjeruk, bahan-bahan racun serangga dalam sayuran atau buah-buahan, toksik bahan-bahan pengawet dalam makanan, terlampau banyak memakan makanan segera dan lain-lain serta rosak kerana makanan segera dan lain-lain serta rosak kerana mengambil ubat kencing manis, ubat darah tinggi, antibiotik, steroid, dadah dan lain-lain atau beberapa sebab yang tidak diketahui adalah juga antara faktor-faktor yang menyebabkan penyakit buah pinggang.

Proses kerosakan buah pinggang berlaku



TAHAP kesihatan para pesakit sentiasa diberi perhatian melalui rawatan menggunakan peralatan yang terkini.

secara perlahan-lahan dan mengambil masa yang lama. Ia lebih kerap berlaku di kalangan berumur (tiga kali ganda berbanding golongan muda). Justeru, gejalanya sering tidak disedari hinggalah buah pinggang gagal berfungsi. Ramai tidak sedar perkara ini hinggalah mereka menjalani pemeriksaan kesihatan.

Menurut Pegawai Perubatan Kanan, Unit Nefrologi Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Dr. Lim Si Ching berkata, penyakit buah pinggang selalunya terjadi tanpa disedari kerana pesakit tidak berasa kesakitan namun tandatandanya akan berlaku bidang fungsi buah pinggang menurun 10 peratus atau lebih dari biasa.

Antara tanda-tanda seseorang itu menghidap kerosakan buah pinggang ialah apabila seseorang itu rasa tidak selesa atau terbakar (sakit) ketika buang air kecil, air ken-

cing bercampur darah, berlaku perubahan jadual membuang air kecil iaitu biasanya ia menjadi lebih kerap, sakit belakang, kerap buang air kecil pada tengah malam, kaki membengkak di mana tanda ini lebih jelas pada waktu pagi.

Kesemua tanda-tanda itu timbul berikutan buah pinggang tidak lagi mampu menyingkirkan bahan toksik dalam darah. Bahan toksik tersebut lama-kelamaan meracuni tubuh pesakit dan menimbulkan pelbagai komplikasi kesihatan.

Oleh itu, kaedah men-

cegah penyakit buah pinggang perlu diambil berat dengan menjalani pemeriksaan buah pinggang, mengamalkan pemakanan seimbang, meminum banyak air sekurang-kurangnya dua liter sehari, tidak merokok, lebih baik berhenti terus, makan ubat selepas mendapat nasihat doktor iaitu dengan mengelakkan ubat yang tidak perlu kerana ia boleh memberi kesan dan merosakkan buah pinggang, mengekalkan berat badan seimbang serta bersenam sekurang-kurangnya 30 minit setiap hari.

BUAH pinggang adalah organ berbentuk kacang lima, setiap manusia ada dua buah pinggang dan berat setiap satu kira-kira 150 gram. Kedua-dua buah pinggang terletak atas sedikit daripada pinggang di belakang rongga abdomen. Arteri renal membawa darah daripada jantung ke buah pinggang.



SEORANG penghidap penyakit buah pinggang semasa menerima rawatan.

MENGAMBIL terlampau banyak bahan toksik seperti berlebihan asam melalui makanan berjeruk, bahan-bahan racun serangga dalam sayuran atau buah-buahan, toksik bahan-bahan pengawet dalam makanan, terlampau banyak memakan makanan segera dan lain-lain serta rosak kerana terlalu banyak mengambil ubat kencing manis, ubat darah tinggi, antibiotik, steroid, dadah dan lain-lain atau beberapa sebab yang tidak diketahui adalah juga antara faktor-faktor yang menyebabkan penyakit buah pinggang.

SUKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengurniakan piala kepada juara perseorangan keseluruhan yang disandang oleh Han Kiem Kwang. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

JUARA ... DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah mengurniakan piala rebutan bagi golf berpasukan yang dijuarai oleh Kementerian Pembangunan. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Brunei DPMM FC benam hasrat Johor

OLEH SAMLE HAJI JAIT samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 5 Februari. - Tekad skuad Brunei DPMM FC untuk mencipta mata di gelanggang sendiri tertunai selepas berjaya menumpaskan pasukan Johor 2 - 1 di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Tanpa dua tonggak utama, Shahrul Rizal dan Rosmin Haji Khamis yang digantung perlawanan, Rango terpaksa menyandarkan kalibet Yusof Salleh di bahagian pertahanan dan memberi harapan kepada Helmi Panjang yang bergandingan dengan Mohd. Shahrizan di bahagian tengah untuk mengekang ancaman skuad pelawat yang juga bertekad mencari mata untuk dibawa pulang.

Jurulatih juga memberi kepercayaan buat Pengiran Hamzah untuk mengawal gawang selepas beliau hanya menjadi pemain simpanan dalam beberapa perlawanan yang lalu.

Kedua-dua pasukan

berhati-hati untuk mengelak dari ditewaskan dengan mempamerkan permainan rentak seimbang sehingga persaingan awal kurang menyerlah dan penjaga gol kedua-dua pasukan juga kurang menerima ujian sebenar ketika serangan sebenar terangkut di bahagian pertahanan.

Namun ancaman sulung tuan rumah hadir menerusi sepakan 'voli' di dalam kotak penalti di minit ke-17 oleh pemain import Mathew Mbuta mula mengubah rentak perlawanan.

Malah dua minit selepas itu, Brunei DPMM FC hampir mendahului lawan menerusi percubaan Mohd. Shahrizan dari luar kotak penalti, namun pelawat lega rembatan itu terkena palang di kala penjaga gol pelawat sudah tertewas.

Johor yang menduduki di tangga ketiga Kumpulan A setakat ini turut mencari ilham untuk merobek pertahanan tuan rumah menerusi serangan balas yang pantas dengan lebih menggunakan kepantasan pemain import Singapura, Ahmad Latif yang bergandingan dengan Ragesh selepas pemain kulit hitam,

Toure tidak dapat meneruskan perlawanan akibat cedera.

Pertahanan kental kombinasi Rene Komar, Saiful Rizal dan Yusof Salleh menjadi panghalang utama barisan depan Johor untuk mengegarkan gawang Pengiran Hamzah.

Brunei DPMM FC kemudian terus bangkit mencari ruang jaringan awal dan Mathew Mbuta hampir membawa tuan rumah di minit ke-28 selepas bijak menempatkan diri di posisi baik di dalam kotak penalti tetapi rembatan kencangnya yang terlepas dari dakapan penjaga gol Mohd. Taha tidak menerima susulan rakan.

Asakan tuan rumah terus memberi tekanan kepada pertahanan Johor sehingga Roshadi Wahab yang menolak bola ke belakang hampir membawa padah, mujur bola sedikit serong dari gawang ketika Mohd. Taha sudah terbabas kawalan.

Penyokong tuan rumah pula hampir merayakan jaringan sulung apabila Mathew Mbuta berjaya melepaskan tendukan kencang, namun sempat ditepis keluar Mohd. Taha di minit akhir babak pertama.

Selepas separuh masa terikat tanpa jaringan, tuan rumah tidak menunggu lama untuk memecah kebuntuan jaringan awal minit pertama di babak kedua.

Jaringan yang ditunggu bermula dengan serangan pantas dari tepi oleh Tiago De Santos yang melepaskan dua pemain Johor sebelum memberi umpanan lintang kepada Mathew Mbuta yang tidak mensia-siakan peluang dengan melepaskan rembatan kencang menewaskan penjaga gol pelawat, Mohd. Taha.

Kelebihan jaringan itulah terus menyuntik semangat anak didik Rango, malah gandingan dengan Fadlin dan Taigo sering mencipta ruang untuk menambah jaringan.

Tetapi ketika tuan rumah menggandakan asakan, pemain import Johor, Ahmad Latif pula berjaya menghukum keapakan pertahanan tuan rumah melalui jaringan kencang di sudut kiri gawang Pengiran Hamzah.

Gol penyamaan pelawat itu hasil hantaran jauh dari tengah yang tepat kepada Ahmad Latif yang melepaskan kawalan Kene Komar sebelum melepaskan rembatan untuk menyamakan kedudukan 1-1 di minit ke-63.

Terikat jaringan membuat pertemuan terus mendebarkan tetapi ruan rumah tidak putus asa menggunakan segala ruang untuk mencari kemenangan mutlak dan Mathew Mbuta hadir selaku wira Brunei DPMM FC yang bijak menggunakan kesempatan kelam-kabut dalam kotak penalti untuk menewaskan Mohd. Taha di minit ke-69.

Kelebihan jaringan itu membuat Johor terkapai-kapai bangkit tetapi Rango bijak menukar strategi dengan melengkapkan jentera pertahanan yang kental sehingga jaringan 2 - 1 terus memberi kemenangan mutlak buat Brunei DPMM FC untuk mengutip tiga mata penuh.

Kementerian Pembangunan juarai Kejohanan Golf

OLEH HAJI AHAT HAJI ISMAIL ahat.ismail@information.gov.bn

JERUDONG PARK, Ahad, 5 Februari. - Kementerian Pembangunan muncul juara berpasukan Kejohanan Golf Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-XII 2005 berlangsung di Royal Brunei Golf and Country Club.

Berangkat mengurniakan hadiah-hadiah di akhir kejohanan itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Pasukan yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Metassan berjaya memperolehi 192 mata dan merangkul piala kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Kementerian Pendidikan yang juga selaku penganjur kejohanan menduduki tempat kedua mencatat 185 mata, manakala juara tahun lalu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hanya bernasib baik menduduki tempat ketiga mencatat 180

mata.

Selain menjuarai bahagian berpasukan, para pemain Kementerian Pembangunan juga menguasai bahagian perseorangan melalui Han Kiem Kwang yang muncul juara keseluruhan perseorangan memperolehi 44 mata, manakala tempat kedua ialah Haji Hamid Abdullah yang mencatat 42 mata.

Pemain Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ali Rashid menduduki tempat ketiga mencatat 41 mata.

Sementara itu, bahagian orang-orang kenamaan (VIP) dijuarai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris memperoleh 36 mata. Tempat kedua disandang oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin yang memperoleh 27 mata dan ketiga, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa Pengiran

Haji Hamdan yang memperolehi 22 mata.

Menjuarai bahagian sponser ialah Awang Haji Sabri Haji Naweh; kedua, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohd. Saifullah dan ketiga, Haji Mohd. Idris Haji Md. Noor.

Juara Kumpulan A disandang oleh Dato Paduka Sheikh Haji Adnan, manakala juara Kumpulan B, Haji Mohd. Sharifuddin Haji Mohd. Salleh, sementara Awang Haji Kamzani Noordin menjuarai Kumpulan C.

Kejohanan tiga hari bermula 3 Februari lepas disertai lebih 177 pemain yang mewakili kementerian-kementerian yang antara lain bertujuan untuk memelihara lagi suasana Sambutan Hari Perkhidmatan Awam.

Selain daripada itu, kejohanan tersebut diharap akan dapat menanamkan semangat kesukanan dan kecerdasan di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan.



DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berangkat menyaksikan pertandingan Brunei DPMM FC menentang Johor. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



MATHEW MBUTA menjadi wira pasukan Brunei DPMM FC dengan membantu menjaringkan kedua-dua gol kemenangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Menteri Kedua Pertahanan dan Menteri Tenaga Manusia, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Ng Eng Hen. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan terima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Kedua Pertahanan dan Menteri Tenaga Manusia, Republik Singapura, TYT Dr. Ng Eng Hen di Istana Nurul Iman.

Hadir di Majlis Mengadap ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Ber-

hormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Mustappa.

TYT Dr. Ng Eng Hen berada di negara ini bagi lawatan rasmi tiga hari. Semasa dalam lawatan ini TYT antaranya telah mengadakan kunjungan ke Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran

Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Menteri Kedua Pertahanan dan Menteri Tenaga Kerja Republik Singapura, Puan Ivy Lim Swee Lian yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Di majlis mengadap itu, Puan Ivy Lim Swee Lian disertai oleh isteri Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini, Puan Lim Wei Ling, isteri Penasihat Pertahanan Republik Singapura, Puan Tay Sin Chuan dan Puan Tiana Desker, Staff

Officer Naval Intelligence Department Kementerian Pertahanan Singapura.

Puan Ivy Lim Swee Lian diiringi oleh isteri Timbalan Menteri Pertahanan, Datin Hajah Noryasimah binti Abdullah dan Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Rosnah.

Puan Ivy Lim Swee Lian berada di negara ini mengiringi suami beliau, TYT Dr. Ng Eng Hen yang dalam rangka lawatan ke negara ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkenan menerima mengadap Menteri Kedua Pertahanan dan Menteri Tenaga Manusia, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Ng Eng Hen. Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor.

Menteri Kedua Pertahanan Singapura diterima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Kedua Pertahanan dan Menteri Tenaga Manusia, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Ng Eng Hen di Istana Nurul Iman.

Hadir di Majlis Meng-

adap ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Mustappa.

TYT Dr. Ng Eng Hen berada di negara ini bagi lawatan rasmi tiga hari.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman ketika berkenan mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Syed Haider Jawed dan isteri, Puan Fauzia Jawed. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Menteri Kedua Pertahanan dan Menteri Tenaga Manusia Republik Singapura, Puan Ivy Lim Swee Lian. - Foto: Masri Osman.

KHEU kawal semula sekolah-sekolah agama, Arab

KIARONG, Isnin, 30 Januari.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berkata, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) akan mengawal semula ke atas sekolah-sekolah agama dan Arab bermula penggal pertama tahun ini secara rasminya yang sebelum ini dikawal dan ditadbir oleh Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam menjelaskan demikian ketika menyebarkan ucapan alu-aluan di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1427 Peringkat Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di sini.

Yang Berhormat berkata, tema sambutan 'Menghayati Islam Dalam Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa' mengandungi maksud bahawa daya saing sangat mustahak dipertingkatkan bagi sesuatu bangsa demi kelanjutan dan kesejahteraan bangsa.

Yang Berhormat menjelaskan, bagi negara ini daya saing yang dipertingkatkan hendaknya dengan cara menghayati ajaran Islam.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat, antara acara bagi menyemarakkan lagi Sambutan Awal Hijrah 1427 ialah dengan menganjurkan seminar dan bengkel yang membawa tajuk 'Pengajaran dan Pembelajaran Di Persekolahan Ugama'.

Menurut Yang Berhormat,

seminar itu akan diadakan pada 5 Februari yang mana pembukaan rasminya akan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan akan dihadiri oleh semua guru-guru agama dan tenaga pengajar di sekolah-sekolah agama dan Arab.

Mengenai Tokoh dan Bakti Hijrah, ia akan menjadi pendorong dan penyuntik semangat kepada sesiapa sahaja baik generasi sekarang mahupun generasi yang akan datang agar mereka lebih bersemangat dalam usaha menabur bakti dan jasa dengan hati yang ikhlas kepada agama dan negara. kerana mudah-mudahan dengan jasa dan bakti yang ditabur akan dapat meningkatkan lagi perkembangan Islam dan syariahnya di negara ini, tambah Yang Berhormat.

Dua diplomat asing dan isteri diterima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 4 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman berkenan menerima mengadap secara berasingan Pe-

suruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan serta isteri dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia serta isteri yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam.

Dalam majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik

Islam Pakistan, Tuan Yang Teramat Mejar Jeneral (B) Syed Haider Jawed dan isteri, Puan Fauzia Jawed.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia kemudian berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Herjanto Soeprato dan isteri, Puan Koesmoekamdariah Herjanto.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman ketika berkenan mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Herjanto Soeprato dan isteri, Puan Koesmoekamdariah Herjanto. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

MEMPERTINGKATKAN DAYA SAING BANGSA مَقَرْتِيْغَكْتَن داي سايغ بقسا

ترتيبکن اوله جياتن قراغن، جياتن فردان منقري دان دحيقن اوله جياتن فرچيقتن کراجان، جياتن فردان منقري، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.